Tuan Speaker: Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii, N.45 Repok.

YB Dato' Sri Huang Tiong Sii: Thank you, Tuan Speaker. My question is number 135.

Status & Perancangan RSP Sarikei

(135) YB Dato' Sri Huang Tiong Sii bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan: Apakah status Projek Rumah Spektra Permata (RSP) Sarikei dan adakah fasa tambahan akan diperkenalkan bagi memenuhi permintaan rakyat berpendapatan sederhana?

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan) (YB Datuk Michael Tiang Ming Tee): Thank you, Tuan Speaker and thank you Ahli Yang Berhormat for Repok for the question.

Tuan Speaker, for the information of Ahli Yang Berhormat for Repok, the construction of 30 units of *Rumah SPEKTRA Permata* (RSP) on the *Skim Pembesaran Kampung* (SPK) lots at Susur Jambu Phase II, Sarikei has been fully completed, and the units were handed over to the homeowners on 21st February this year. For the further information of Ahli Yang Berhormat for Repok, additional units will be implemented should there be requests from landowners under the SPK Susur Jambu Phase II, Sarikei.

YB Dato' Sri Huang Tiong Sii (Supplementary Question): Thank you, Tuan Speaker and thank you, Ahli Yang Berhormat Deputy Minister. I have two supplementary questions:

- (a) Besides the *Rumah SPEKTRA Permata* (RSP) programme, are there any other programmes implemented by the Housing Development Corporation (HDC) that can assist rural residences particularly in the N.45 Repok constituency in building or rebuilding their homes?
- (b) What is the loan amount and monthly repayment for Longhouse Loan Scheme?

Thank you.

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan) (YB Datuk Michael Tiang Ming Tee): Thank you, Ahli Yang Berhormat for Repok for the additional questions.

Tuan Speaker, for the information of Ahli Yang Berhormat for Repok, in addition to the *Rumah SPEKTRA Permata Program* (RSP), HDC also offers loans for building materials and hardware through the Longhouse Loan Scheme. This program aims to support rural residents in building new longhouses as well as repairing existing ones.

For further information for Ahli Yang Berhormat for Repok, from year 2020 up to October 2025, as for DUN Repok, 10 longhouses consisting of 216 doors have been approved with this Longhouse Loan Scheme with an allocation of RM8.24 million both from Sarawak and Federal Government.

And the answer to the second supplementary question, for the information of Ahli Yang Berhormat for Repok, the Longhouse Loan Scheme provides RM50,000 per door for building new longhouses and RM30,000 per door for repairs, with monthly repayments of RM167 and RM100 respectively, over 25 years. And now this is the best part, the loan is interest-free. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan, Tanjong Datu.

YB Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan: Terima kasih, Tuan Speaker. My question is number 136.

132kV Tondong–Lundu Transmission Line

(136) YB Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan to ask the Minister for Utility and Telecommunication: What is the current status on the 123kV Tondong-Lundu transmission line, originally targeted for completion by 2025/2026 as stated in Sarawak Energy's 2021 media release? Has the route or substation site (if any) been confirmed and are there any constraints that could affect the current timeline?

Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS) (YB Datuk Haji Ibrahim bin Haji Baki): Thank you, Tuan Speaker. Thank you, Yang Berhormat for Tanjong Datu.

For the information of Ahli Yang Berhormat for Tanjong Datu, under the long-term transmission and distribution plan, the integrated planning for the 132kV and 33kV system for the reinforcement works to Lundu are based upon load growth. Currently, the 33kV system are being developed and implemented based on the present and forecasted load over the next five years with the 132kV system planned at the later stage for higher load growth demand. Some of the 33kV major projects under implementation are:

- (a) The laying of the 33kV cables from Tondong to Kampung Stenggang and Tondong to Bau Junction which are expected to be completed in the fourth quarter of 2026 at the cost of RM43 million; and
- (b) Installation of 2.5 MegaVAR capacitor banks at 33kV CENTEX Substation and 33kV Lundu Substation at the cost of RM3.6 million which are expected to be completed in the fourth quarter of 2026.

In addition, the Sarawak Government has approved a total of RM425 million to upgrade the electricity supply infrastructure in Lundu, Lubok Antu, Betong Division, Sungai Asap and Lawas. Out of this amount, RM98 million has been allocated to implement the following projects in Lundu.

- (a) A 33kV monopole line from Stenggang 33kV Substation to CENTEX Lundu 33kV Substation, target to be completed in fourth quarter of 2031; and
- (b) Kampung Stenggang 33kV Substation target to be completed in fourth quarter of 2030.

Thank you.

YB Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan (*Supplementary Question*): Thank you, Ahli Yang Berhormat from Satok. I have two supplementary questions:

- (a) What is the status of the double circuit 33kV cable from Tondong to Bau that will improve the voltage distributed to Sematan? and
- (b) What is the status of the second 33kV source from Lundu to Sematan?

Thank you.

Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS) (YB Datuk Haji Ibrahim bin Haji Baki): Thank you, Yang Berhormat for Tanjong Datu for the additional questions.

Tuan Speaker, for question number one, the construction of the double circuit 33kV cable from Tondong to Bau was energized on 27th February 2022 at the cost of RM11 million. And for the question number two, the construction of the second 33kV source from Lundu to Sematan at the cost of RM11 million, as well, also awarded recently this month, in November 2025 for the commencement of the project. Thank you very much.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat Encik Johnichal Rayong anak Ngipa, Engkilili.

YB Encik Johnichal Rayong anak Ngipa: Good morning, Tuan Speaker, my question is 137.

Naik Taraf Engkilili ke Daerah

(137) YB Encik Johnichal Rayong anak Ngipa bertanya kepada Premier Sarawak: Setakat ini, apakah status permohonan rakyat dari DUN N.33 Engkilili berkenaan dengan perkara menaik taraf daerah kecil Engkilili kepada daerah penuh di bahagian Sri Aman?

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera) (YB Datuk Jefferson Jamit anak Unyat): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Engkilili. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Engkilili, kerajaan telah menerima beberapa cadangan yang melibatkan permohonan persempadanan semula pentadbiran di Sarawak. Tujuan utama persempadanan semula pentadbiran di Sarawak adalah untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada penduduk setempat sama ada di peringkat bahagian, daerah atau daerah kecil. Kesemua cadangan sedang dikaji dan diteliti secara terperinci termasuklah cadangan untuk menaik taraf daerah kecil Engkilili kepada daerah penuh. Sekian, terima kasih.

YB Encik Johnichal Rayong anak Ngipa (*Soalan Tambahan*): Terima kasih, Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan.

- (a) Apakah kriteria-kriteria asas sebagai pertimbangan untuk mewujudkan bahagian dan daerah baharu?
- (b) Apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf bangunan Pejabat Daerah Kecil Engkilili sementara menunggu daerah kecil tersebut dinaik taraf?

Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera) (YB Datuk Jefferson Jamit anak Unyat): Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Engkilili. Untuk menjawab soalan tambahan nombor satu, kriteria-kriteria asas sebagai pertimbangan untuk mewujudkan bahagian dan daerah baharu adalah seperti berikut:

- (a) Bagi bahagian baharu, jumlah populasi penduduk sekurang-kurangnya 100,000 orang dan mempunyai sekurang-kurangnya dua kawasan parlimen;
- (b) Manakala bagi daerah baharu, jumlah populasi penduduk sekurang-kurangnya seramai 25,000 orang;
- (c) Mempunyai kawasan yang cukup luas dan berpotensi dalam menyumbang aktiviti ekonomi yang tinggi;
- (d) Berupaya menyumbang kepada aktiviti-aktiviti bagi urusan rasmi yang tinggi seperti dapat memberikan kutipan hasil yang memuaskan;
- (e) Dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien;
- (f) Lokasi adalah agak jauh dan cara pengangkutan yang sukar dari pusat pentadbiran yang berdekatan; dan
- (g) Asas-asas pertimbangan lain yang difikirkan sesuai oleh kerajaan dari masa ke semasa.

Manakala, jawapan untuk soalan tambahan yang kedua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Engkilili, kerajaan mempunyai perancangan untuk membina baharu bangunan Pejabat Daerah Kecil Engkilili dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13). Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat Encik Safiee bin Haji Ahmad, Daro.

YB Encik Safiee bin Haji Ahmad: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 138.

Penubuhan Fakulti Perubatan dan Kejururawatan

(138) YB Encik Safiee bin Haji Ahmad bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat: Adakah Kerajaan Sarawak bercadang untuk menubuhkan Fakulti Perubatan dan Kejururawatan di universiti-universiti milik Kerajaan Sarawak bagi mengatasi masalah kekurangan doktor dan jururawat di Sarawak?

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) (YB Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee): Terima kasih, Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat bagi Daro. Isu yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat adalah mengenai kekurangan doktor di Sarawak dan adakah kerajaan bercadang untuk membina Fakulti Perubatan di Universiti-Universiti kepunyaan Negeri Sarawak?

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Timbalan Premier kita juga wakil dari Batu Kawa, semenjak kebelakangan ini bersuara dengan lantang mengatakan bahawa kekurangan doktor di Sarawak adalah amat kritikal sekali. Jumlahnya adalah 1,817 orang untuk pegawai perubatan sementara *specialist*nya kita kekurangan 246 orang. Untuk Jururawat, kita kekurangan 2,300 orang untuk seluruh Sarawak. Ini adalah satu tahap yang amat kritikal sekali.

Perlu diingatkan bahawa tanggungjawab ini mengikut perlembagaan adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Saya mohon agar Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan segera mengenai masalah ini disebabkan perkhidmatan kesihatan adalah merupakan *human right* untuk rakyat Sarawak.

Oleh sebab itu, kerajaan sekarang telah mencadangkan penubuhan kumpulan ataupun a *feasibility study group* yang diamanahkan kepada Universiti Teknologi Sarawak untuk menjalankan penyelidikan dalam masa enam bulan mengenai keperluan kita menubuhkan sebuah fakulti perubatan di institusi pengajian tinggi kepunyaan Kerajaan Sarawak. Terima kasih.

YB Encik Safiee bin Haji Ahmad (Supplementary Question): Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Tuan Speaker, *I have two supplementary questions:*

- (a) What are the objectives for establishing the feasibility that include task with evaluating the proposed medical schools?
- (b) How many students have benefited from the special scholarship for the UNIMAS Medical Programme and what is the total expenditure allocated and spent by the Sarawak Government for this scholarship to date?

Terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) (YB Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee): Terima kasih, *Yang Berhormat*. It is very important for us to do the feasibility study. It is one of the requirements for us whether to be given a licence to operate the medical school. Why we need this feasibility study? The objective is:

- (a) Is to access the demand of undergraduate medical school. I do not think that it is an issue at the moment,
- (b) Is to evaluate the capacity of the institution in terms of human power, in terms of infrastructure,
- (c) Is to determine or to evaluate whether in terms of the regulations and the procedures from the Higher Education Ministry *ataupun Kementerian Pengajian Tinggi*, and also for the Malaysian Medical Council as well as from the Malaysia Qualifications Agency.
- (d) It is very important, is to determine the financial capability. This is important in term of the capital costs as well as recurrent cost and to propose the financing plan.
- (e) Is to make sure to assess properly the risk, which might happen and how to mitigate the risk.
- (f) And finally, to recommend a roadmap in terms of the implementation, in terms of accreditation and also the student intake.

And for the second question, it is a very interesting question, *iaitu mengenai skim khas untuk pelajar-pelajar perubatan kita di fakulti perubatan di UNIMAS*.

Kerajaan Sarawak sedaya upaya untuk memastikan ramai anak Sarawak menjadi doktor. Sebab itulah melalui Yayasan Sarawak, skim khas ini diwujudkan semenjak tahun 2018. Semenjak itu, 290 orang pelajar telah *benefit* atau telah mendapat manfaat daripada skim ini dan jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Sarawak untuk 290 orang ini amat besar, iaitu bernilai RM110 juta semenjak lapan tahun ini. Inilah komitmen yang begitu tinggi oleh Kerajaan Sarawak untuk memastikan kekurangan doktor ini dapat kita atasi bersama-sama. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Kennedy Chukpai Ugon, Murum.

YB Encik Kennedy Chukpai Ugon: Terima kasih, Tuan Speaker. Selamat pagi. Soalan saya nombor 139.

Pembangunan Hab Pertanian Lusong Laku

(139) YB Encik Kennedy Chukpai Ugon bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah: Adakah kerajaan bercadang untuk membangun kawasan dataran Lusong Laku yang sangat subur sebagai hab pengeluaran makanan berimpak tinggi dengan menggunakan teknologi moden dan pertanian pintar (*smart modern farming*)?

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) (YB Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail): Terima kasih, Tuan Speaker. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Murum, kementerian saya mengambil maklum berkenaan potensi kawasan dataran Lusong Laku untuk dibangunkan dengan projek pertanian yang akan memberi manfaat kepada komuniti setempat. Oleh yang demikian, sebarang perancangan pembangunan pertanian di dataran Lusong Laku perlu mendapat kerjasama daripada penduduk setempat terutamanya dari segi penyertaan dan penglibatan.

Selain daripada itu, kajian kebolehlaksanaan hendaklah dibuat untuk menentukan jenis tanaman atau ternakan, teknologi pertanian dan model pelaksanaan yang sesuai untuk menjamin kelestarian program demi kesejahteraan masyarakat setempat. Pada masa kini, kementerian saya melalui Jabatan Pertanian Sarawak telah menjalankan kajian kesesuaian tanah di kawasan Lusong Laku dan mendapati kawasan dengan anggaran 700 hektar adalah sesuai untuk tanaman padi secara komersial. Oleh hal yang demikian, kementerian saya melalui Jabatan Pertanian Sarawak akan membuat verifikasi status pemilikan tanah dan mengadakan sesi libat urus dengan penduduk setempat. Terima kasih.

YB Encik Kennedy Chukpai Ugon (Soalan Tambahan): Terima kasih, Ahli Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri atas jawapan tersebut. Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan:

- (a) Apakah pendekatan yang diambil oleh kementerian untuk memastikan masyarakat setempat tidak terpinggir sekiranya dataran Lusong Laku dibangunkan dengan projek pertanian?
- (b) Sekiranya pertanian berskala komersial dijalankan di dataran Lusong Laku, bagaimanakah aktiviti pertanian ini memberi manfaat kepada penduduk setempat?

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) (YB Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail): Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Murum atas dua soalan tambahan. Untuk menjawab soalan yang pertama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Murum, bagi memastikan masyarakat setempat tidak terpinggir sekiranya dataran Lusong Laku dibangunkan dengan projek pertanian, beberapa aspek perlu diambil kira, iaitu:

- (a) Penglibatan secara langsung daripada penduduk-penduduk setempat melalui latihan dan amalan pertanian moden;
- (b) Menjalinkan usaha sama yang menjamin pulangan kepada peserta untuk kelestarian; dan
- (c) Menyediakan latihan kemahiran bagi pengurusan tanaman seperti myGAP, pengurusan ladang, latihan mekanisasi dan automasi.

Untuk menjawab soalan yang kedua, makluman Ahli Yang Berhormat bagi Murum, dengan adanya aktiviti pertanian berskala komersial, penduduk setempat akan mendapat manfaat di antaranya seperti berikut:

- (a) Peluang pekerjaan;
- (b) Menjana pendapatan melalui penyertaan komuniti;
- (c) Pemindahan teknologi dan kemahiran;
- (d) Peluang keusahawanan; dan
- (e) Keterjaminan makanan komuniti setempat.

Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Dato Fazruddin bin Haji Abdul Rahman, Tupong.

YB Dato Fazruddin bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 140.

Status Tanah Sg Cabik Matang

(140) YB Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman bertanya kepada Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar. Adakah Tanah Sg Cabik Matang dimasukkan dalam projek pembesaran kampung dan berapakah peruntukan yang diperlukan untuk melaksana projek ini?

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (YB Datuk Haji Len Talif Salleh): Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih, Yang Berhormat bagi Tupong.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Tupong, tanah yang terletak di Sungai Cabik Matang adalah sebahagian daripada kawasan Skim Pembesaran Kampung Bersepadu (SPKB) Matang Batu 10, termasuklah Gita dan juga Sungai Maong, Kuching. Tapak tersebut berkeluasan lebih kurang 32.9 hektar atau 81.3 ekar telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri pada 6 Julai 2015.

Permohonan peruntukan untuk melaksanakan projek ini akan dikemukakan semula dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13). Anggaran kos infrastruktur dan pengambilan balik tanah untuk SPKB ini adalah berjumlah RM92.5 juta. Terima kasih.

YB Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman (*Soalan Tambahan*): Terima kasih, Tuan Speaker, terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, ada berapa lotkah yang disediakan dalam SPKB ini dan apa juga komponen-komponen lain yang meliputi SPKB ini. Terima kasih.

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (YB Datuk Haji Len Talif Salleh): Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tupong dan terima kasih, Tuan Speaker. Untuk menjawab kedua-dua soalan ini, sebenarnya kawasan ini, skim ini dijangka akan menyediakan sebanyak 330 lot kediaman bagi pelaksanaan fasa 1 yang berkeluasan lebih kurang 11.33 hektar ataupun 28 ekar dan dijangka akan menyediakan 112 lot kediaman dan komponen-komponen yang akan disediakan adalah seperti kawasan lapang, rizab kerajaan, tapak rumah beribadah dan lain-lain kemudahan asas. Terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, question time is up.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KEDUA

SUPPLEMENTARY SUPPLY (2025) BILL, 2025

Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Terima kasih, Tuan Speaker. I beg to move that the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025 as contained in Command Paper No. 9 be read a second time.

The Second Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure, 2025 as contained in Command Paper No. 9 of 2025 comprising an additional sum of RM108,612,755 is laid before the House in pursuant to Article 32 of the State Constitution. This additional expenditure is to meet the cost of various services incurred by various Ministries and Departments for which funds were not provided for or insufficiently provided for in the 2025 Estimates and First Supplementary Estimates, 2025. Details of the additional expenditure is provided in Command Paper No. 10 of 2025. Tan Sri Datuk Amar Speaker, I beg to move.

Tuan Speaker: Another Minister to second.

Timbalan Premier Sarawak; dan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (YB Datuk Amar Dr Sim Kui Hian): Tuan Speaker, I beg to second.

Tuan Speaker: Thank you. Ahli-ahli Yang Berhormat, the question is that the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025 be read a second time. As many as are of the opinion say "Yes".

Government: Yes...(Resounding "Yes")

Opposition: No...(Murmuring "No")

Tuan Speaker: As many as are of the contrary opinion say "No". The "Yes" have it. The Bill is read a second time.

Bill is read a second time

The Dewan shall now resolve into the Committee of Supply to consider the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025.

COMMITTEE STAGE

COMMITTEE OF SUPPLY

[Tuan Pengerusi mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, we are now considering Command Paper No. 9 of 2025 together with the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025.

The question is that the amount in all Heads as set forth in the Second Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure 2025 be approved. As many as are of the opinion say "Yes".

Government: Yes...(Resounding "Yes")

Opposition: No...(Murmuring "No")

Tuan Pengerusi: As many as are of the contrary opinion say "No". The "Yes" have it. The Second Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure 2025 is approved. Honourable Members, we shall now consider the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025.

The Schedule

Tuan Pengerusi: The question is that the Schedule be ordered to stand part of the Bill. As many as are of the opinion say "Yes".

Government: Yes...(Resounding "Yes")

Opposition: No...(Murmuring "No")

Tuan Pengerusi: As many as are of the contrary opinion say "No". The "Yes" have it. The Schedule is ordered to stand part of the Bill.

Clauses 1 and 2

Tuan Pengerusi: The question is that Clauses 1 and 2 be ordered to stand part of the Bill. As many as are of the opinion say "Yes".

Government: Yes...(Resounding "Yes")

Opposition: No...(Murmuring "No")

Tuan Pengerusi: As many as are of the contrary opinion say "No". The "Yes" have it. Clauses 1 and 2 are ordered to stand part of the Bill.

Enacting Clauses and Title

Tuan Pengerusi: The Dewan shall now resume.

HOUSE RESUMED

[Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat]

Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker. I wish to report that the Committee of Supply has considered the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025, and the Second Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure, 2025 and agreed to without amendment.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KETIGA

SUPPLEMENTARY SUPPLY (2025) BILL, 2025

Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker, I beg to move that the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025 be now read a third time and do pass.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, the question before the Dewan is that the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025 be read a third time and do pass. As many as are of the opinion say “Yes”.

Government: Yes...(Resounding “Yes”)

Tuan Speaker: As many as are the contrary opinion say “No”. The “Yes” have it. The Bill is read a third time and passed.

Bill is read a third time and passed

**SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS BACAAN KALI YANG KEDUA
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2026), 2025 DAN
USUL UNTUK MERUJUKRESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
BAGI TAHUN 2026**

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, under Standing Order 31(8), I hereby impose time limit 15 minutes for every member to participate in the debate on the Supply Bill. I call upon, the Honourable Member for Daro.

YB Encik Safiee bin Haji Ahmad: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Sarawakku Sayang dan Salam *Segulai Sejalai*.

Terima kasih, Tuan Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan (2026), 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Menteri Kewangan Ekonomi Baru, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong pada 24 November 2025 yang lepas.

Tuan Speaker, terlebih dahulu, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran rombongan ketua masyarakat, ketua kaum dan beberapa orang kaunselor dari DUN Daro seramai 30 orang yang turut hadir menyaksikan persidangan kita pada hari ini. Mereka berada di galeri. Selain itu, kehadiran mereka juga bagi menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak terutamanya Yang Amat Berhormat Premier kerana telah meluluskan kenaikan elaun KMKK dan kaunselor pada pembentangan bajet baru-baru ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Tuan Speaker di atas kesudian menerima kunjungan hormat, sekurang-kurangnya dapat mengubat kerinduan pada mantan wakil rakyat mereka bagi DUN N.32 Serdeng yang telah banyak berjaya suatu ketika dahulu. Seterusnya menzahirkan rasa

bangga kami di atas pelantikan semula sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 18 November 2025 yang lalu dengan rekod perkhidmatan yang cemerlang; telah menjangkau dua dekad dan merupakan Speaker paling lama berkhidmat dalam sejarah negara kita dan juga di dunia...(Applaud)... Kebijaksanaan, kewibawaan, ketelitian Tuan Speaker amat menyerlah dalam memandu perjalanan Dewan ini dengan tertib, berbudaya dan penuh adab *legislative* yang menjadi kebanggaan kita semua.

Tuan Speaker, saya mewakili rakyat di DUN Daro merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg di atas penganugerahan "*the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star*" oleh Maharaja Jepun pada 3 November 2025 yang lalu.

Penganugerahan bertaraf global ini merupakan pengiktirafan kepada pencapaian cemerlang Yang Amat Berhormat Premier serta cerminan kepada kedudukan Sarawak yang semakin dihormati di persada antarabangsa khususnya dalam aspek inovasi tenaga hijau serta hubungan ekonomi Sarawak – Jepun yang semakin erat dan saling menguntungkan.

Tuan Speaker, Belanjawan Sarawak Tahun 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier pada 24 November 2025 yang lepas bukan sahaja mencerminkan kestabilan dasar dan kesinambungan pembangunan yang telah diletakkan asasnya sejak beberapa tahun yang lalu tetapi turut menggariskan fokus strategik untuk memperkukuhkan kekuatan Sarawak dalam bidang tenaga hijau, infrastruktur luar bandar, keselamatan makanan, pembangunan pendidikan modal insan dan transformasi ekonomi rakyat.

Saya mewakili rakyat di DUN N.43 Daro ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Premier dan Kerajaan GPS di atas pembentangan bajet yang bukan sahaja memastikan beberapa program membantu rakyat diteruskan malah telah memperkenalkan beberapa inisiatif baru dan menambah jumlah bantuan yang sedia ada kepada kadar yang lebih tinggi.

Tuan Speaker, saya percaya mungkin ada pihak yang berasa kurang senang, cemburu dan cuba menafikan keupayaan kerajaan dalam mengekalkan prestasi pendapatan dan kejayaan yang tinggi dalam membangunkan wilayah ini. Ada yang cuba mengaitkan sebagai bajet pilihan raya namun apa yang terbukti ialah Kerajaan GPS bekerja dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk membangunkan Sarawak yang kita sayangi ini bukan seperti apa yang didakwakan.

Tuan Speaker, segala matlamat dan objektif yang digariskan dalam pembentangan bajet kali ini hanya akan berjaya sepenuhnya sekiranya dilaksanakan dengan baik oleh setiap kementerian, jabatan dan agensi yang berkenaan. Kita berharap semua agensi pelaksana memastikan apa yang telah diluluskan diurus dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya kerana hasrat murni bajet ini benar-benar mencapai sasaran dan objektif yang telah ditetapkan. Selaras dengan pembentangan bajet 2026, maka izinkan saya untuk menyuarakan beberapa isu yang memerlukan perhatian Dewan yang mulia ini.

Pembangunan Kawasan Food Basket Sungai Ilas, Meradong

Tuan Speaker, Sungai Ilas, Meradong merupakan kawasan agro makanan strategik Sarawak. Kawasan ini berpotensi besar dan sebelum ini telah pun mengeluarkan buah-buahan tropikal premium yang boleh dieksport serta memenuhi keperluan domestik. Pembangunan sistem saliran melalui projek *Proposed Development Drainage Infrastructure at Sungai Ilas/ Sebena Block A3* seperti yang telah diluluskan adalah amat diperlukan bagi meningkatkan produktiviti pertanian setempat. Jika projek *Block A3* dapat dilaksanakan secepat mungkin, kawasan ini boleh menjadi hub agro makanan moden dan menyumbang kepada sasaran Sarawak sebagai pengeksport makanan menjelang 2030. Oleh itu, saya memohon agar kementerian dan jabatan berkenaan dapat mempercepatkan pelaksanaan projek ini.

Agriculture Facilitation Fund (AFF)

Tuan Speaker, salah satu inisiatif usaha Kerajaan Sarawak dalam memperkasakan lagi sektor pertanian khususnya di luar bandar ialah memperkenalkan *Agriculture Facilitation Fund* ataupun AFF pada tahun 2022 yang memberi fokus kepada pemodenan sektor pertanian melalui *Smart Farming* dan penggunaan teknologi moden dengan memperuntukkan dana kepada setiap kawasan Dewan Undangan Negeri, RM1 juta didapati dapat membantu memperkasakan sektor pertanian dalam kalangan petani kecil-kecilan yang masih banyak di kawasan luar bandar. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar program ini dapat diteruskan lagi dalam belanjawan tahun hadapan kerana dengan usaha ini selain daripada tumpuan memberi kepada sektor pertanian berskala besar golongan petani kecil-kecilan di luar bandar terus dapat dimajukan dan dapat meningkatkan pendapatan isi rumah mereka.

Pusat Latihan Pertanian dan Perikanan di Zon Tengah

Tuan Speaker, selaras dengan dasar Kerajaan Sarawak yang bertekad untuk memperkasakan kedua-dua sektor pertanian dan perikanan, didapati kawasan di Zon Tengah khususnya di daerah Daro, Matu dan Tanjung Manis amat berpotensi besar. Di sektor perikanan umpamanya, bilangan ahli persatuan nelayan berdaftar di kawasan ini sahaja setakat 30 September adalah berjumlah 3,049 orang. Begitu juga dengan sektor pertanian, penanaman padi berskala besar telah pun dilaksanakan di Tanjung Manis. Insya-Allah, seperti yang mana yang telah diluluskan penanaman padi juga akan dilaksanakan di *Daro Paddy Scheme* dan dikawasan di daerah Matu termasuk juga di Pulau Bruit. Selain itu, salah satu kawasan yang telah mengeluarkan hasil sebagai *food basket* di kawasan ini seperti di Sungai Ilas, Maradong di bawah DUN Daro akan diperbesarkan lagi setelah projek pengairan dan saliran dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Begitu juga dengan kelulusan pelaksanaan *Feedlot* di Halal Hub, Tanjung Manis.

Dengan ini, saya mewakili rakan-rakan wakil rakyat di kawasan ini ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk memberi pertimbangan serius menubuhkan sebuah Pusat Latihan Pertanian dan Perikanan ataupun membuka cawangan CENTEX di kawasan ini bagi memberi latihan dan kemahiran pertanian dan perikanan yang berasaskan teknologi tinggi dan moden selaras dengan perkembangan terkini. Usaha ini juga dapat menarik minat dan membangun bakat anak muda untuk menceburi dalam kedua-dua bidang ini sekali gus akan memberi impak yang positif kepada perkembangan ekonomi Sarawak.

Klinik Pergigian Daro

Tuan Speaker, kelewatan meneruskan pelaksanaan projek Klinik Pergigian Daro yang terbengkalai sebelum ini memberi kesan besar kepada ribuan penduduk termasuk pelajar, warga emas dan komuniti luar bandar di daerah Daro dan Matu. Bangunan sementara yang berasaskan kabin tidak memenuhi standard perkhidmatan pergigian moden. Kalau dahulunya, saya dimaklumkan projek yang terbengkalai ini tidak dapat diteruskan sebab masih menunggu kelulusan NOC tambahan kosnya. Sekarang, saya mendapat maklum bahawa kelulusan NOC pertambahan kos telah pun diluluskan pada 26 September 2024 yang lalu namun sehingga hari ini projek ini masih belum diteruskan pelaksanaannya. Oleh itu, saya merayu kepada agensi berkenaan supaya dapat mempercepatkan pelantikan kontraktor penyelamat agar kerja-kerja menyiapkan projek ini dapat segera dilaksanakan.

Perpindahan dan Pembinaan Semula Bagi SK Penasu, Daro

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh satu projek yang amat dekat di hati rakyat iaitu projek perpindahan dan pembinaan semula bagi SK Penasu Daro, Mukah yang dikategorikan sebagai projek sakit. Ini merupakan projek rakyat Yang Amat Berhormat Premier yang sepatutnya siap sepenuhnya pada 21 September 2025 setelah diberikan *Extension of Time (EOT)* kali ke 14 iaitu bersamaan dengan 380 hari secara keseluruhannya. Ini sudah tentu membimbangkan rakyat, para guru, ibu bapa serta komuniti di sekitar kawasan tersebut kerana SK Penasu merupakan pusat

Pendidikan penting untuk anak-anak dari kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan ini. Saya memohon agar pihak kementerian yang berkenaan khususnya pihak JKR ataupun Jabatan Kerja Raya selaku agensi pelaksana projek ini dapat memberi pencerahan status projek ini serta memaklumkan apakah langkah-langkah dan tindakan yang akan dilaksanakan bagi menyiapkan projek ini.

Integrated Administrative Center (IAC) Daro

Tuan Speaker, terima kasih kepada Kerajaan Sarawak kerana telah meluluskan projek IAC Daro di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang membuktikan satu komitmen jelas bahawa Kerajaan Negeri Sarawak amat serius membangunkan kawasan pesisir dan memastikan rakyat mendapat perkhidmatan di fasiliti pentadbiran bertaraf moden. Pada masa ini, disebabkan kekurangan bangunan pejabat, banyak jabatan terpaksa menyewa di rumah kedai dan ada juga menyewa rumah kediaman termasuk menggunakan kuarters dan berek sebagai pejabat.

Keadaan ini sudah pastinya kurang selesa bukan sahaja kepada kakitangan yang bertugas tetapi juga menyukarkan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan. Oleh itu, saya memohon agar kompleks IAC Daro yang baru yang akan dibina nanti merupakan *multi-storey building* supaya dapat menampung keperluan ruang pejabat secara menyeluruh dan bukan sahaja bagi jabatan yang sedia ada tetapi juga bagi jabatan agensi kerajaan yang bakal dibuka dalam masa terdekat.

Ini termasuk disewakan kepada agensi persekutuan dan badan berkanun yang kini menyewa di premis kedai. Pendekatan ini dapat menghimpunkan semua perkhidmatan kerajaan di bawah satu bumbung yang sudah pastinya dapat menyediakan sebuah perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Pembangunan di SPK Kampung Badong

Tuan Speaker, ada dua isu yang hendak saya suarakan berkaitan pembangunan di SPK Kampung Badong ini. Pertama, berkaitan dengan bekalan elektrik. Semenjak lot-lot rumah diperuntukkan kepada pemohon yang berjaya oleh Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Mukah, terdapat 10 buah rumah kediaman telah pun dibina lebih daripada setahun yang lalu. Malangnya, mereka masih bergelap dan hanya bergantung dengan *generator* dan panel solar untuk menerangkan rumah. Sebagai wakil rakyat, saya telah mengadakan mesyuarat koordinasi bagi menyelesaikan isu berkaitan dengan kemudahan utiliti ini termasuk menaik taraf jalan.

Alhamdulillah, setakat ini isu bekalan air dan penurapan jalan masuk telah pun selesai. Terima kasih kepada JBALB dan KKDW. Sekarang hanya tinggal bekalan elektrik sahaja lagi meskipun peruntukan untuk tujuan ini telah pun disalurkan oleh pihak Jabatan Tanah dan Survei kepada pihak Sarawak Energy sebaik sahaja projek SPK ini siap dahulu. Sehubungan itu, saya merayu kepada Sarawak Energy supaya dapat melaksanakan projek penyambungan elektrik ke rumah di lot SPK ini secepat mungkin. Janganlah biarkan mereka bergelap terlalu lama.

Isu kedua ialah Projek Rumah Spektra Permata, HDC. Tuan Speaker, bagi tujuan ini sebanyak 28 lot di SPK Kampung Badong telah pun diperuntukkan untuk dibina Projek Rumah Spektra Permata oleh Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak. Kelulusan ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Premier pada Julai 2017 dan Majlis Pecah Tanah telah dilaksanakan pada 23 Oktober 2022. Malangnya, semenjak kerja-kerja tanah yang terbengkalai oleh kontraktor yang ditamatkan sebelum ini, langsung tiada tanda-tanda yang projek ini akan diteruskan dan saya dimaklumkan ia tiada peruntukan untuk dilaksanakan. Memandangkan projek ini telah pun dilancarkan pelaksanaannya oleh Yang Amat Berhormat Premier sendiri, maka saya memohon kepada agensi yang berkenaan supaya memberi keutamaan kepada projek ini kerana kegagalan melaksanakannya boleh memberi implikasi negatif kepada Kerajaan Sarawak.

Keharmonian Malaysia

Tuan Speaker, baru-baru ini kita mendengar kenyataan daripada seorang yang amat kurang cerdas meskipun berpendidikan tinggi dan bekas seorang Menteri yang telah mendakwa bahawa Sabah dan Sarawak adalah beban dalam Perjanjian MA63 dan juga berpendapat bahawa perjanjian ini harus dibatalkan serta Kerajaan Persekutuan tidak patut menghormati perjanjian tersebut.

Nampaknya, sama ada orang ini dengan sengaja tidak mahu faham atau jahil akan sejarah penubuhan Malaysia khususnya inti pati yang termaktub dalam MA63 dan IGC ataupun dipengaruhi oleh rasa cemburu dan dengki dengan kemajuan yang pesat berlaku di Wilayah Sarawak sehingga menyebabkan jiwa dan hatinya buta.

Tidakkah beliau sedar bahawa negara Malaysia wujud adalah lahir daripada MA63. Dalam hal ini, pihak yang berwajib perlu mengambil tindakan tegas ke atas orang seumpama ini kerana jelas cuba ingin mencetus rasa tidak puas hati dan menimbulkan permusuhan di antara wilayah. Jangan biarkan ianya terus menjadi anai-anai yang akan merosakkan keharmonian yang telah dibina oleh rakyat Malaysia selama ini.

Tuan Speaker, sebagai mengakhiri perbahasan ini, izinkan saya menyampaikan tiga rangkap pantun:

*Wilayah Sarawak semakin kedepan,
Setiap janji pasti ditepati;
Premier Sarawak penuh wawasan,
Pemimpin bestari tunjang pertiwi.*

*Maju makmur tanah pertiwi,
Rakyat perkasa berdaya tahan;
Belanja 2026 dirancang teliti,
Agar teguh di masa hadapan.*

*Bayu bertiup di pagi hari,
Kicauan burung menggamit sukma;
Tuan Speaker bijak bestari,
Memimpin persidangan adil dan saksama.*

Dengan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tuan Speaker, Setiausaha Dewan serta seluruh kakitangan Dewan Undangan Negeri, kakitangan pelbagai agensi kerajaan serta rakan-rakan media yang terlibat di atas kejayaan yang cemerlang mengendalikan persidangan kali ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas, *Gong Xi Fa Cai* yang bakal tiba kepada rakan-rakan dan taulan yang meraikannya. Selamat Tahun Baharu 2026. Semoga tahun baharu ini akan membawa lebih banyak kemakmuran dan kemajuan kepada Sarawak yang kita sayang ini. Oleh itu, Tuan Speaker, Daro mohon menyokong. Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.

Tuan Speaker: Honourable Member for Machan.

YB Encik Allan Siden Gramong: Terima kasih, Tuan Speaker. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada rombongan dari Machan yang di atas galeri sana. Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet Negeri Sarawak 2026. Sebelum saya meneruskan hujahan, izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Premier Sarawak atas penganugerahan *Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star* oleh Maharaja Jepun pada 11 November 2025 yang lalu. Pencapaian ini telah mengharumkan nama Sarawak dan Borneo di persada antarabangsa.

Tuan Speaker, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Tuan Speaker atas pelantikan sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi penggal yang ke-10. Dengan pelantikan ini, Tuan Speaker telah mencatat sejarah sebagai Speaker paling lama berkhidmat di Malaysia. Sesungguhnya, kepimpinan Tuan Speaker yang berpengalaman telah banyak menyumbang kepada kelancaran Dewan yang mulia ini.

Saya turut merakamkan penghargaan kepada YAB Premier atas pembentangan Bajet yang bukan sahaja strategik tetapi berpandangan jauh selaras dengan aspirasi menjadikan Sarawak sebagai '*Star of Asean*'. Bajet ini dengan jelas memberi tumpuan kepada agenda memperkasakan rakyat, membangunkan kemakmuran yang inklusif serta membentuk masa depan yang lebih berdaya tahan untuk seluruh rakyat Sarawak.

Terus ke masalah yang berada di kawasan, Tuan Speaker.

*Isu Tekanan Air Rendah di kawasan yang terjejas
Majau, Mam, Batu Luking, Poi, dan Menalun, Kanowit*

Tuan Speaker, pada persidangan DUN Mei yang lepas yang lalu, saya telah mengadakan pertemuan dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi mendapatkan gambaran jelas mengenai tempoh pelaksanaan projek. Berdasarkan maklumat yang diterima, projek ini sedang menunggu pengurusan nilai (*value management*) kerana kos keseluruhannya melebihi RM50 juta dan semasa taklimat projek permohonan di kawasan saya, projek bekalan air ke Majau, Mam, Batu Luking, Poi, Menalun di bawah *Rolling Plan* 15 oleh JBALB telah diluluskan oleh KKDW.

Tuan Speaker, rakyat di kawasan ini sudah lama menunggu kemudahan air bersih. Jika projek ini dilaksanakan, ia memberi manfaat kepada 754 isi rumah meliputi 43 buah rumah panjang dan tiga buah sekolah. Kawasan ini telah terlalu lama menanti bekalan air bersih. Saya ingin menegaskan bahawa kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat amat penting untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan segera. Pada musim perayaan, kemarau dan banjir, mereka berdepan dengan kesukaran yang serius kerana bekalan air bersih tidak mencukupi. Ada juga antara kawasan tersebut langsung tidak mempunyai sumber air.

Tuan Speaker, saya berharap kedua-dua pihak dapat mencapai sepakat menyelaraskan projek dan memudahkan syarat teknikal supaya tidak ada kelewatan. Apa yang rakyat mahu bukan laporan atas kertas, tetapi air yang mengalir di paip rumah mereka. Saya mohon agar projek ini diberi keutamaan dan dipercepatkan pelaksanaannya.

Tuan Speaker, paip air lama di Jalan Penyulau – Lukut sudah beberapa tahun tidak dinaik taraf. Paip sedia ada tidak mampu menampung pertambahan penduduk sehingga menyebabkan tekanan air rendah dan gangguan berulang. Saya merayu agar agensi yang bertanggungjawab menaikkan taraf keseluruhan sistem paip di kawasan tersebut bagi memastikan bekalan air stabil, selamat dan berterusan.

Cadangan Pembinaan Jalan Baru dari Sungai Machan ke Nanga Geremai

Tuan Speaker, pembinaan jalan bukan sahaja memudahkan pergerakan penduduk, malah menjadi asas pembangunan ekonomi, meningkatkan produktiviti pertanian serta membuka peluang sosioekonomi. Ini sejajar dengan visi YAB Premier untuk mengukuhkan ekonomi luar bandar. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri membina jalan baharu dari Rumah Joanis Giri, Nanga Geremai ke Rumah Henry Ajol, Sungai Machan. Dengan adanya jalan ini, laluan baharu ini akan membuka ruang kepada pemilik-pemilik tanah yang dorman dan berpotensi meningkatkan sosioekonomi pemilik-pemilik tanah tersebut.

Tuan Speaker, menurut Jabatan Kerja Raya, kos pembinaan jalan sepanjang 12 kilometer menggunakan kaedah *standard gravel road* dianggarkan sebanyak RM80 juta. Saya berharap permohonan ini dapat dipertimbangkan memandangkan faedah jangka panjang amat besar. Tuan

Speaker, projek ini akan memberi manfaat kepada 19 buah rumah panjang melibatkan 387 buah rumah. Jalan ini bukan sahaja memudahkan pergerakan harian, malah membolehkan pemilik tanah sepanjang laluan memajukan tanah mereka sebagai pertanian berpotensi tinggi. Ini selaras dengan sasaran YAB Premier untuk meningkatkan pendapatan isi rumah menjelang 2030 melalui program pemantapan ekonomi luar bandar dan pembangunan pertanian.

Jalan Raya

Tuan Speaker, saya sekali lagi ingin mengetengahkan keperluan menaik taraf jalan di kawasan Ulu Poi dan Ulu Machan. Bagi Jalan Ulu Poi, saya dimaklumkan oleh DID, kos tidak mencukupi untuk menyiapkan keseluruhan projek. Saya ingin mendapatkan status terkini projek ini dan sekiranya benar berlaku kekurangan bajet, saya merayu agar Kerajaan Negeri menambah peruntukan memandangkan projek ini memberi manfaat kepada enam buah rumah panjang dan sebuah sekolah rendah. Bagi Jalan Ulu Machan, khusus dari Nanga Jerangku ke Rumah Lajang, saya ingin mengetahui perkembangannya.

Tuan Speaker, penduduk Kampung Muhibah termasuk YB Ngemah sendiri kerana rumah beliau berada di kawasan saya, mengadu keadaan jalan utama ke kampung tersebut semakin rosak. Keadaan bertambah buruk apabila lori-lori besar menggunakan laluan sama semasa pembinaan parit utama. Demi keselamatan penduduk, saya berharap tindakan segera dapat diambil. Jangan sampai jalan *ya kelak jadi kedak* permukaan bulan.

Tuan Speaker, bencana banjir di Machan telah banyak merosakkan beberapa jalan utama termasuk Jalan Ranan – Durin, Jalan Lipus, jalan menuju Pekan Machan, dan Jalan Batu Luking ke Rumah Surat, Nanga Mitam. Tuan Speaker, saya ingin tahu perkembangan kerja-kerja pembaikan jalan dan jika ia belum dilaksanakan, sila perbaiki secepat mungkin kerana ia digunakan untuk aktiviti harian rakyat saya. Saya memohon agar kerja-kerja pembaikan dipercepatkan.

Tuan Speaker, jalan menuju SRK Batu Luking juga perlu diberi perhatian dengan segera kerana keadaan jalan yang beralun dan berlubang. Ini menyebabkan murid-murid serta penduduk tempatan sukar untuk berjalan dan membahayakan. Saya berharap tindakan diambil sebelum berlaku kejadian tidak diingini. Selain itu, jalan di bulatan Kanowit ke pasar Kanowit perlu juga dibaik pulih kerana ini adalah jalan utama ke Kanowit, Song, Kapit.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh isu bulatan simpang Kanowit di laluan Pan Borneo yang sering menjadi lokasi kemalangan. Saya juga memohon agar kajian keselamatan dijalankan untuk mengenal pasti punca dan langkah penambahbaikan.

Tuan Speaker, pada kesempatan ini, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada cadangan membina baru Jambatan Batang Rajang yang dicadang menghubungkan kawasan Machan dengan Ngemah. Saya percaya YB Ngemah akan setuju dengan cadangan ini kerana ini akan memberi impak positif kepada dua-dua DUN Machan dan Ngemah. Projek ini bukan sekadar sebuah jambatan yang merupakan keperluan penting yang mampu memberi perubahan besar kepada kehidupan penduduk setempat. Pembinaannya akan memudahkan pergerakan harian, meningkatkan akses kepada kemudahan pendidikan dan perkhidmatan asas serta membuka lebih banyak peluang untuk kegiatan ekonomi di kawasan sekitarnya. Ini juga akan mengurangkan masa perjalanan untuk penduduk dari Machan ke Ngemah dan sebaliknya.

Tuan Speaker, saya harap agar cadangan ini dapat dipertimbangkan dan direalisasikan kerana manfaatnya bukan sahaja untuk generasi hari ini, tetapi juga untuk masa depan komuniti di sepanjang Batang Rajang. Tuan Speaker, cadangan naik taraf jalan di Jalan Bukong-Jagoi-Lesih, Jalan Penyulau-Lukut, Jalan Kanowit-Song, Jalan Misi-Kanowit, Jalan Mission Kanowit, *sorry* Jalan Sekuau-Rantau Kemiding-Melipis-Lipus dan Jalan Simpang Machan ke Pekan Machan.

Tuan Speaker, saya ingin membawa perhatian Kerajaan Negeri kepada keadaan jalan-jalan tersebut yang sangat memerlukan kerja-kerja naik taraf. Jalan-jalan ini menjadi laluan utama bagi

penduduk ke sekolah, kawasan pertanian dan pekan Kanowit. Jalan-jalan ini sering terjejas setiap kali berlaku banjir kilat dan menyebabkan laluan terputus dengan paras air mencecah lima hingga enam kaki. Keadaan ini menyukarkan penduduk untuk mendapatkan bekalan asas dan menjalankan ekonomi setempat. Saya berharap JKR melaksanakan kerja meninggikan jalan di kawasan rendah, membina sistem saliran lebih efisien, turapan jalan yang lebih tahan lama dan membina *culvert* tambahan. Langkah ini penting untuk memastikan laluan tidak terputus dan keselamatan pengguna terjamin.

*Projek Mengubah Suai Terminal Bas, Pasar Tamu Kanowit
sebagai Kanowit Economic Center (KEC)*

Tuan Speaker, Kanowit merupakan sebuah pekan kecil yang sedang pesat berkembang dari segi penduduk, ekonomi dan infrastruktur. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, aktiviti perniagaan di kawasan semakin rancak dengan pertambahan perniagaan kecil, pelabur tempatan dan penduduk. So, Tuan Speaker, oleh itu, saya mencadangkan agar terminal bas, Pasar Tamu Kanowit dinaik taraf dan diubah suai menjadi *Kanowit Economic Center*. Saya berharap Kerajaan Negeri akan memberi peruntukan untuk membangunkan *Kanowit Economic Center*. Jadi, jika adanya *KEC* ini nanti, ia akan menjadi sebuah kompleks moden yang mempunyai ruang perniagaan yang moden, kiosk agensi kerajaan dan ruang serta kemudahan korporat. Projek ini bukan sahaja memperindahkan imej Kanowit, malah menjadi pemangkin pembangunan sosioekonomi. Ia akan menjana peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, meningkatkan pendapatan pihak berkuasa tempatan dan menambah baik kemudahan komersil untuk peniaga-peniaga. Oleh ini, sejajar dengan aspirasi PCDS 2030 yang menekankan ekonomi mampan, kemasalahan rakyat dan pendigitalan.

Cadangan Membina Dewan Masyarakat Kanowit

Tuan Speaker, dewan masyarakat merupakan kemudahan penting sebagai pusat aktiviti sosial, kebudayaan dan komuniti. Di Kanowit, dewan yang ada kini adalah dewan pejabat daerah, namun ia sering penuh dan digunakan untuk program rasmi agensi kerajaan. Ia menyukarkan JKKK, persatuan dan penduduk untuk menjalankan aktiviti mereka. Jika adanya dewan masyarakat ini, ia akan menjadi sebuah pusat komuniti untuk penduduk di kawasan Kanowit. Ia juga boleh digunakan untuk aktiviti sukan dan rekreasi. Ini akan menyenangkan kehidupan penduduk di Kanowit yang ingin membuat program atau aktiviti mereka di tempat yang selesa. Maka, pekan Kanowit perlu mempunyai sebuah dewan masyarakat khas untuk penduduknya. Saya berharap Kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan ini.

Isu Vandalisme dan Gangguan Komunikasi di Rumah Emban, Ulu Ranan

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian terhadap insiden vandalisme dan kecurian infrastruktur telekomunikasi yang baru terjadi di Rumah Emban, Ulu Ranan yang menyebabkan gangguan rangkaian sepenuhnya. Menurut MCMC Sib, infrastruktur telekomunikasi rosak hingga liputan terhenti dan kotak meter elektrik SESCO turut dicuri. Kejadian ini telah mengancam keselamatan rakyat dan menjejaskan komunikasi penting jika berlakunya kecemasan dan urusan penting.

Tuan Speaker, pihak *tel/co* dan MCMC sedang melakukan kerja pemulihan, namun proses mengambil masa kerana kerosakan yang serius. Saya memohon agar pemantauan keselamatan dipertingkatkan serta penguatkuasaan terhadap vandalisme diperketatkan. Tindakan tegas perlu diambil agar insiden sebegini tidak berulang lagi.

Conclusion

Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya menyatakan sokongan penuh terhadap Belanjawan 2026 yang dibentangkan oleh YAB Premier Sarawak. Belanjawan ini membuktikan komitmen Kerajaan Sarawak dalam memastikan bantuan dan pembangunan terus disalurkan ke seluruh

Sarawak. Dengan itu, saya ucapkan Selamat Hari Natal dan Selamat Tahun Baru 2026. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, we have a break. Sitting resumes at 11.00 a.m.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 10.45 pagi)

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.17 pagi)

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Speaker: Honourable Member for Tellian.

YB Encik Royston bin Valentine: Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi ruang kepada Tellian untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025 dalam persidangan kali ini.

Terlebih dahulu, Tellian ingin merakamkan ucapan tahniah kepada YAB Premier Sarawak atas pengiktirafan anugerah *“the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star”* daripada kerajaan Jepun yang dikurniakan oleh Maharaja Naruhito.

Tahniah juga diucapkan kepada Tan Sri Datuk Amar Speaker atas lantikan semula sebagai Speaker DUN Sarawak untuk penggal ke-10 dan kini memegang rekod sebagai Speaker paling lama berkhidmat di Malaysia malahan dunia.

Tuan Speaker, Belanjawan Sarawak 2026 adalah satu pelan perbelanjaan yang bersifat progresif, inklusif dan bertunjangkan masa depan yang lebih mampan untuk seluruh rakyatnya.

Dengan tema *“Empowering People, Advancing Prosperity, Building a Resilient Future”*, belanjawan kali ini memberi tumpuan lebih kepada pembangunan luar bandar, penerapan pendidikan percuma, perlindungan sosial, pemodenan ekonomi dan pelaksanaan agenda hijau.

Belanjawan ini menzahirkan komitmen kerajaan untuk memacu Sarawak ke arah status wilayah berpendapatan tinggi, memperkukuh infrastruktur, memperkasa modal insan, memelihara alam sekitar dan memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela.

Dengan strategi yang menyeluruh merangkumi pelaburan ekonomi, pembangunan digital dan teknologi hijau serta penambahbaikan perkhidmatan awam, Sarawak bersedia melakar kejayaan lebih besar dan memastikan setiap lapisan masyarakat menikmati hasil kemakmuran wilayah Sarawak secara adil dan saksama.

Inilah belanjawan yang menegaskan prinsip keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan kelestarian sosial, demi masa depan Sarawak yang lebih sejahtera, inklusif dan berdaya saing.

Tuan Speaker, seterusnya saya akan menyentuh perkara berkaitan kawasan DUN Tellian.

JARINGAN JALAN RAYA

Pembangunan infrastruktur asas seperti jalan raya, kekal menjadi keutamaan. Pada persidangan lepas, saya telah menyuarakan masalah projek pembinaan jalan sepanjang 11 km yang menghubungkan kawasan Nanga Baoh dan Ulu Baoh dan projek ini mengalami masalah dan projek sebenarnya memberi manfaat kepada 25 buah rumah panjang di kawasan berkenaan.

Oleh itu, saya sekali lagi memohon maklum balas dan tindakan segera daripada pihak kerajaan untuk memastikan projek ini dapat diteruskan bagi membolehkan penduduk di kawasan berkenaan dapat dihubungkan dengan jaringan jalan raya yang lengkap.

Begitu juga, isu hakisan jalan raya yang teruk di kawasan Bukit Inkerbai dan Lubok Bemban disebabkan banjir dan tanah runtuh serta keadaan jalan yang rendah dan sering ditenggelami air di Jalan Tingkas Sebakong. Masalah ini masih menjadi kebimbangan utama penduduk di kawasan-kawasan berkenaan yang juga melibatkan kawasan Balingian.

Dicadangkan juga agar jalan ladang yang menghubungkan kawasan Selangau ke Ulu Diji seterusnya menghala ke simpang Ulu Baoh dinaik taraf bagi kemudahan rakyat.

Selain itu, saya mengulangi cadangan untuk menaik taraf jalan-jalan kampung secara berperingkat di sekitar DUN Tellian terutamanya di kawasan seperti Kampung Petanak, Skim Penempatan Semula Kuala Lama, Kampung Judan, Kampung Penat, Kampung Tellian, Kampung Sungai Pegai, Kampung Penakub Permai dan Kampung Datuk. Saya mohon pihak JKR & Majlis Daerah Dalat dan Mukah berkerjasama menyelesaikan isu ini.

KEMUDAHAN UTILITI: BEKALAN AIR TERAWAT DAN ELEKTRIK

Penyediaan bekalan air terawat dan elektrik adalah hak asasi rakyat yang perlu dipenuhi oleh kerajaan.

Saya amat menghargai cadangan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi kawasan Sg. Arip, Ulu Baoh dan Sebakong yang akan memberi kemudahan kepada penduduk di sekitar DUN Tellian, Tamin dan Kakus. Ini adalah langkah yang sangat positif dalam memastikan kemudahan rakyat dapat dipenuhi. Oleh itu saya mohon agar projek ini dapat dipercepatkan pelaksanaannya demi kesejahteraan rakyat.

Begitu juga dengan projek bekalan air terawat yang telah diluluskan lebih daripada lima tahun lepas di kawasan Bukit Inkerbai dan Lubok Bemban. Apakah status terkini pelaksanaan projek berkenaan? Saya ingin tahu. Demikian juga bagi kawasan Sebakong ke Nanga Sikat, apakah status perancangan kerajaan untuk menyediakan bekalan air terawat di kawasan ini?

BEKALAN ELEKTRIK

Saya mohon maklum balas terkini mengenai status permohonan bagi projek ALAF dan RES di seluruh kawasan Tellian yang merangkumi kawasan perkampungan mahupun rumah panjang. Sekiranya projek berskala besar ini tidak dapat dilaksanakan dalam masa terdekat, saya mencadangkan pemasangan Sistem Solar bagi membekalkan elektrik di kawasan perkampungan dan rumah panjang berkenaan sebagai langkah alternatif.

PEMBANGUNAN FIZIKAL

Tuan Speaker, saya ingin mendapatkan maklum balas terkini tentang status projek-projek berkenaan yang saya difahamkan sekarang berada di pelbagai peringkat pelaksanaan, namun saya ingin tahu apakah status spesifiknya;

- (a) Projek Waterfront Mukah;
- (b) Projek Pemuliharaan Tebingan Batang Mukah antara Sungai Penakub dan Sungai Tellian;
- (c) Pemasangan dan naik taraf *Smart Traffic Light* di persimpangan jalan Wawasan dan Setia 2;
- (d) Projek *New Mukah Integrated Market & Supporting Facilities*;
- (e) Projek Pengawalan Hakisan Pantai Petanak;
- (f) Projek Anjung Ria SENAGA Mukah; dan
- (g) Projek Medan Selera Tapak Kaul Mukah.

Saya juga mohon maklum balas berkaitan status permohonan Skim Pembesaran Kampung (SPK) yang baharu di kawasan Tellian. Sekiranya sudah diluluskan, bilakah proses permohonan lot tanah berkenaan dibuka? Saya juga mengambil peluang ini juga untuk memohon SPK baharu bagi kawasan Kampung Penakub Hilir, Kampung Datuk dan Kampung Kuala Lama yang ketika ini kita

melihat keadaan rumah-rumahnya yang agak sempit yang diduduki lebih daripada dua dan tiga isi rumah.

Saya juga memohon agar SPK sedia ada yang sudah diluluskan, yang sudah pun diserahkan lot tanah seperti SPK Penat, SPK Judan dan SPK Petanak dinaik taraf kemudahan jalan, parit dan saluran bekalan elektrik dan air sewajarnya.

PENDIDIKAN

Tuan Speaker, saya ingin tahu, apakah format yang digunakan dan apakah keputusan *Ujian Penilaian Dual Language Programme (UP-DLP)* yang baru sahaja selesai dilaksanakan di Sarawak buat kali pertama pada tahun ini. Sejauh manakah penaksiran ini telah memenuhi matlamat yang ditetapkan oleh pihak kementerian?

Selain itu, apakah perancangan masa hadapan yang dirangka bagi memastikan peningkatan mutu pendidikan di Sarawak, khususnya melalui pemerkasaan DLP ini.

Saya percaya penjelasan berkenaan perkara ini amat penting untuk memberikan keyakinan kepada ibu bapa, guru dan pelajar terhadap kualiti serta hala tuju pendidikan wilayah Sarawak ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang terlibat seperti JKR dan JPN Sarawak dalam kerjasama erat bagi memastikan bangunan baharu bilik darjah di SK Kpg Petanak dan SK Dua Sungai di bawah Projek 1 Bilion Sekolah Daif yang telah pun diserahkan siap beberapa hari lepas. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada agensi yang terlibat untuk memastikan bangunan ini dapat diguna pakai dalam masa terdekat.

PERKHIDMATAN KESIHATAN

Tuan Speaker, perkhidmatan kesihatan yang berkualiti adalah tunjang kesejahteraan rakyat. Selain daripada kelulusan Klinik Kesihatan Mukah dalam Belanjawan 2026 Kerajaan Persekutuan, saya ingin menggesa penambahbaikan kemudahan kesihatan sedia ada di Hospital Mukah, Klinik Pergigian dan; Klinik Ibu dan Anak di Mukah.

Sebagai usaha memperkukuh perkhidmatan kesihatan di Mukah khasnya, saya mohon agar diwujudkan jawatan pakar kanak-kanak secara tetap di Hospital Mukah, ia bagi memastikan rawatan pediatrik dapat diberikan secara berterusan dan menyeluruh kepada komuniti setempat tanpa perlu merujuk kepada Hospital Sibu mahupun Bintulu malahan kadang-kadang dirujuk ke Hospital Kuching.

Sekiranya kerajaan menghadapi masalah kekurangan doktor pakar, saya mencadangkan agar dibuka peluang kepada anak Sarawak untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pakar melalui Program Sarjana (*Master's Programme*) di institusi pengajian tempatan. Inisiatif ini juga bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada permohonan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan mempercepatkan penghasilan pakar tempatan Sarawak agar dapat memenuhi keperluan mendesak untuk berkhidmat di hospital-hospital seluruh Sarawak.

TELEKOMUNIKASI

Saya ingin menarik perhatian pihak bertanggungjawab bahawa kawasan Tellian yang sedang ketika ini sering mengalami masalah gangguan perkhidmatan telekomunikasi, menyebabkan kesukaran kepada penduduk untuk menjalankan urusan harian dan perniagaan. Justeru, saya memohon agar pihak berkaitan sentiasa mengambil langkah proaktif sama ada pihak Kementerian mahupun telco untuk menambah baik mutu serta kestabilan perkhidmatan telekomunikasi demi kesejahteraan masyarakat setempat.

PENYALAHGUNAAN DADAH

Tuan Speaker, saya secara konsisten akan sentiasa mengetengahkan kerisauan berkaitan aktiviti penyalahgunaan dadah di Sarawak. Selain dari sudut penguatkuasaan undang-undang oleh pihak PDRM, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta badan bertanggungjawab lain seperti AADK, PEMADAM, SKUAD ANTI DADAH bersama *One Stop Committee (OSC)* haruslah memperkukuh program pendidikan dan kesedaran di sekolah, IPT dan komuniti, memperluas akses kepada pusat rawatan dan pemulihan, serta mempertingkatkan kerjasama pelbagai agensi untuk operasi penguatkuasaan dan program pencegahan yang lebih proaktif.

Oleh itu, saya ingin tahu apakah strategi dan langkah pencegahan yang lebih holistik yang dirancang oleh Kerajaan Sarawak untuk membendung gejala ini? Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah juga kepada pihak PDRM Sarawak terutamanya Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik kerana telah mengambil tindakan sewajarnya dengan rekod tangkapan seramai 11,315 tangkapan bermula 1 Januari sehingga 16 November tahun ini dan 584 daripadanya adalah pengedar seperti yang diterbitkan dalam laporan akhbar tempatan Suara Sarawak semalam.

Adalah lebih berkesan untuk membasmi masalah penyalahgunaan dadah ini menerusi tindakan tegas menangkap pengedar, kerana pengedar merupakan punca utama penularan dadah dalam komuniti, berbanding hanya menumpukan kepada menangkap penagih yang kebanyakan mereka memerlukan rawatan dan pemulihan yang mana bahagian ini berada di bawah bidang kuasa Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

Tahniah juga diucapkan kepada pihak AADK Sarawak yang begitu komited melaksanakan tugas mereka dalam Operasi Cegah Khas dan serbuan di sarang penagih yang terletak sama ada di sekitar kawasan bandar mahupun di kawasan pedalaman dan sempadan. Pencegahan dadah adalah tanggungjawab bersama.

PENYUKATAN TANAH NCR

Tuan Speaker, saya mohon kepada Kerajaan Sarawak agar mengambil tindakan sewajarnya berkaitan isu penyukatan tanah NCR di kawasan Tellian, selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 6 dan Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak. Kawasan-kawasan yang telah pun membuat permohonan penyukatan adalah di kawasan Nanga Baoh serta Ulu Baoh di Daerah Dalat, manakala bagi daerah Mukah adalah kawasan Bukit Inkerbai dan Sebakong. Saya mohon maklum balas daripada pihak Jabatan Tanah dan Survei berkaitan status semasa proses penyukatan di kawasan berkenaan.

KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Kawasan Tellian kini berdepan pelbagai cabaran alam sekitar seperti banjir pasang besar, hakisan tebing sungai, hakisan pantai, ancaman peningkatan paras laut serta kecekatan muara batang Mukah dan anak sungai akibat mendapan. Mohon pihak DID dan agensi berkaitan melaksanakan kajian menyeluruh berkaitan perkara ini.

Saya juga mencadangkan agar satu plan mitigasi banjir yang komprehensif dan bersifat jangka panjang dapat dikemukakan khusus untuk kawasan Mukah, merangkumi pembinaan dan naik taraf sistem saliran serta penyelenggaraan infrastruktur berkaitan, supaya masalah banjir kilat yang kerap melanda dapat diatasi dengan lebih berkesan.

PELANCONGAN – POTENSI MELANAU DAN MUKAH SEBAGAI DESTINASI BUDAYA DUNIA

Tuan Speaker, peruntukan RM129 juta untuk infrastruktur pelancongan dan RM194 juta untuk promosi dalam Bajet Sarawak 2026 adalah sangat signifikan bagi kawasan Tellian. Sebagai pusat kebudayaan Melanau, Tellian boleh memanfaatkan belanjawan ini bagi memperkasakan industri

pelancongan berasaskan budaya. Lamin Dana dan Sapan Puloh merupakan lambang usaha komuniti setempat dalam pelestarian budaya, sejarah dan warisan Melanau. Kunjungan ke sini membolehkan pelancong mengenali tradisi, seni, sejarah serta adat resam masyarakat Melanau secara lebih dekat.

Lamin Dana bermaksud "*rumah lama*" dalam dialek Melanau. Ia adalah rumah tradisi Melanau yang menerima tetamu dan pelawat, berfungsi sebagai *homestay* berlatarbelakangkan suasana tradisional, budaya dan warisan. Lamin Dana terkenal dengan konsep pemeliharaan dan perkongsian budaya. Aktiviti utama termasuk pameran budaya, persembahan tarian, penyediaan makan tradisional, bengkel kraftangan dan penghasilan batik linut.

Di lokasi ini juga ada terletaknya jerunai, iaitu tiang pemakaman tradisi kaum Melanau untuk golongan bangsawan serta memaparkan seni bina asli Melanau sebagai tarikan. Manakala, Sapan Puloh pula merupakan mini muzium yang didirikan pada tahun 2012 atas usaha sendiri Encik Tommy Black di Kampung Tellian Tengah. Muzium ini mempamerkan koleksi artifak, barang lama, kelengkapan istiadat perkahwinan, perubatan serta adat kematian dan sejarah masyarakat Melanau. Sapan Puloh sangat unik kerana mempamerkan artifak yang bernilai tinggi dan memberi pengetahuan kepada pengunjung tentang khazanah, adat resam serta warisan etnik Melanau.

Tuan Speaker, selain Lamin Dana dan Sapan Puloh, hasil kraftangan di Mukah juga semakin mendapat tempat di mata pelancong misalnya Batik Linut, terendak atau *tapou* dan cenderamata berasaskan rupa bentuk ulat sagu (*siet*). Julaihi Hassan yang juga dikenali dengan jenamanya *Anggun Handicraft & Souvenir*, seorang artisan dan pengusaha produk kraftangan yang diinspirasikan daripada tradisi dan alam sekitar budaya Melanau. Antara produk ikonik beliau ialah cenderamata berasaskan ulat sagu seperti rantai kunci, magnet peti sejuk dan bingkai gambar daripada *driftwood*. Kreativitinya menukar tema tradisional Melanau ke bentuk kontemporari menjadikan produk beliau lebih popular dan sering dipamerkan dalam pelbagai ekspo dan festival kraftangan, termasuk *Borneo Craft Expo and Conference* serta pameran di Kompleks Kraf Kuala Lumpur. Hasil karyanya bukan sekadar menonjolkan keunikan budaya bahan tempatan, malah mengekalkan unsur warisan serta motif Melanau dalam setiap produk yang dipamerkan di pasaran.

Begitu juga dengan Johnny Anthony, seorang lagi artisan Melanau yang sentiasa bersemangat menghasilkan *terendak* atau *tapou* melalui kelas latihan yang beliau anjurkan sendiri demi mewariskan teknik dan corak *terendak* tradisi Melanau kepada generasi baru agar tidak hilang dan dilupakan.

Maka, saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan, terutamanya Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak serta Jabatan Muzium Sarawak agar memberi perhatian khusus dan memperhebatkan usaha memperkasakan Lamin Dana serta Mini Muzium Sapan Puloh sebagai destinasi pelancongan utama di kawasan Mukah serta Batik Linut, *tapou* dan kraftangan sebagai produk pelancongan yang menggambarkan budaya unik wilayah Sarawak.

Kemudahan Sukan

Tuan Speaker, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai status terkini proses pindah milik aset Kompleks Sukan Komuniti (KSK) Mukah yang kini di bawah hak milik Kerajaan Persekutuan, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan akan diserahkan kepada pihak MYSED. Saya berharap agar urusan ini dapat diselesaikan dengan segera memandangkan kemudahan KSK yang telah siap dinaik taraf ini sangat diperlukan penduduk setempat.

Isu Perumahan

Terdapat 26 kawasan perumahan telah dibangunkan di kawasan Tellian ketika ini, daripada jumlah berkenaan terdapat beberapa perumahan mengalami masalah penduduk yang belum mendapat surat hak milik tanah walaupun rumah sudah pun habis dibayar. Isu pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab terutamanya melibatkan rumah yang tidak disiapkan tepat pada

masanya malahan berlarutan melebihi lima tahun juga berlaku. Saya mohon pihak kerajaan tempatan bantu selesaikan masalah ini.

Lain-lain Perkara

Tuan Speaker, lain-lain perkara. Ada tiga perkara sahaja. Berhubung perjawatan baharu ketua masyarakat dan ketua kaum di kawasan DUN Tellian, saya berharap agar permohonan yang telah dikemukakan dapat dipertimbangkan dengan wajar untuk kelulusan. Di kesempatan ini, Tellian ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak atas inisiatif penambahan imbuhan kepada KMKK dan ahli majlis dalam Belanjawan 2026.

Selain itu, saya juga senada dengan Tupong agar kerajaan memberikan pertimbangan sewajarnya atas khidmat bakti cemerlang warga media di Sarawak dalam menyampaikan maklumat yang tepat hingga ke peringkat akar umbi dengan pemberian khas dalam Belanjawan 2026 ini nanti.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti seluruh kakitangan di bawah agensi Kerajaan Sarawak dan Persekutuan atas komitmen yang hebat dalam melaksanakan tugas masing-masing sepanjang tahun ini. Tahniah juga kepada Tuan Speaker dan seluruh warga Dewan Undangan Negeri Sarawak, petugas-petugas persidangan dan warga media atas kerjasama semua dalam memastikan kelancaran persidangan pada kali ini.

Sebagai penutup, rakyat Tellian tidak menuntut sesuatu yang luar biasa, sebaliknya hanya menginginkan peluang ekonomi, infrastruktur asas yang baik, sokongan pendidikan serta ruang untuk mengembangkan potensi diri dan modal insan.

Seluruh penduduk DUN Tellian malahan seluruh Sarawak mendambakan pembangunan yang holistik dan inklusif. Justeru, dengan pelaksanaan berkesan Belanjawan Sarawak 2026, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier serta sokongan padu agensi Kerajaan Sarawak dan Persekutuan, rakyat yakin transformasi Sarawak menuju wilayah maju berpendapatan tinggi akan dapat direalisasikan, sekali gus memberikan manfaat maksimum kepada setiap lapisan masyarakat.

Akhir sekali, selamat menyambut Hari Natal dan Tahun Baru 2026 kepada semua. Tellian mohon menyokong. Sekian, terima kasih. *May God Bless Sarawak.*

Tuan Speaker: Honourable Member for Bukit Semuja.

YB Encik John anak Ilus: Terima kasih, Tuan Speaker. Terlebih dahulu, saya mengalu-alukan pihak PRIMA Bidayuh, Ahli-ahli Majlis Daerah Siburan yang ada di atas sana. Selamat pagi, Salam sejahtera, Salam Sarawakku Sayang, Salam Sarawak Ibu Pertiwiku, Salam Sarawak Maju Makmur, Salam *Segulai Sejalai* dan *Salam Indi Awang Indi Asung*.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Speaker kerana sudi memberi peluang kepada saya selaku wakil rakyat kawasan N.23 Bukit Semuja untuk turut serta dalam membahas Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025 dan usul untuk merujuk kepada Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2026 yang telah dibentangkan oleh Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar; dan ADUN N.26 Gedong.

Kami dari Bukit Semuja ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada YAB Premier kita yang telah dianugerahkan *the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star* oleh kerajaan Jepun sebagai pengiktirafan atas sumbangan cemerlang beliau dalam memperkukuhkan hubungan Malaysia-Jepun. Anugerah ini adalah untuk menghargai usaha gigih beliau dalam mempromosikan pertukaran serantau dan persefahaman antara Jepun dan Malaysia.

Ucapan syabas dan tahniah juga dirakamkan kepada Tuan Speaker yang dilantik semula sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak. Semoga dengan pelantikan ini, Tuan Speaker akan sentiasa diberkati dengan kesihatan yang baik, kebijaksanaan dan dapat membawa Dewan yang mulia ini ke tahap yang lebih tinggi dalam memainkan peranan perundangan kita di rantau ini, khususnya di negeri Sarawak dan Malaysia amnya.

Tuan Speaker, Belanjawan Sarawak tahun 2026 yang bertemakan “*Memperkasa Rakyat, Memacu Kemakmuran, Membina Masa Depan Berdaya Tahan*” dan memberi fokus kepada lima matlamat utama, iaitu:

- (a) Mengubah Sarawak ke arah ekonomi berpendapatan lebih tinggi;
- (b) Meningkatkan kesejahteraan sosial rakyat melalui inisiatif berpusatkan rakyat dan fokus pembangunan;
- (c) Mengukuhkan kedudukan fizikal negeri ke arah kelestarian kewangan jangka panjang;
- (d) Memposisikan Sarawak sebagai kuasa ekonomi serantau dan destinasi pelaburan utama di Malaysia; dan
- (e) Mengubah Sarawak menjadi hub tenaga boleh diperbaharui dan hijau.

Belanjawan kali ini mencerminkan tindak balas terhadap ketidaktentuan ekonomi global termasuk turun naik harga komoditi dan ketegangan geopolitik yang telah mempengaruhi realiti fiskal di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, kita harus ingat bahawa nilai sebenar belanjawan ini tidak ditentukan oleh jumlahnya tetapi oleh tujuan, bukan kuantum peruntukan yang paling penting tetapi impaknya yang ingin kita capai. Belanjawan tahun 2026 yang berjumlah RM12.9 bilion merangkumi RM7.3 bilion bagi perbelanjaan pembangunan dan RM5.6 bilion bagi perbelanjaan mengurus. Ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, mengukuhkan kesejahteraan sosial dan mempercepatkan pembangunan selaras dengan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS2030).

Daripada jumlah tersebut, RM6.1 bilion atau 66% daripada keseluruhan belanjawan pembangunan akan disalurkan kepada inisiatif pembangunan luar bandar termasuk jalan raya utiliti dan projek sosioekonomi. Melalui polisi inklusif yang diamalkan, Sarawak kekal komited terhadap pengurusan fiskal berhemah sambil memastikan pembangunan terus sampai ke setiap wilayah, terutamanya kawasan luar bandar dan pedalaman. Dengan itu, aset terbesar negeri Sarawak ialah rakyatnya. Negeri akan memperkasa setiap rakyat di Sarawak, sama ada di luar bandar ataupun di bandar, muda dan tua, lelaki dan wanita untuk mengambil bahagian dan merasainya secara menyeluruh serta bermakna dalam kemajuan negeri yang tercinta ini.

Tuan Speaker, ini adalah satu penghargaan. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kerajaan pusat dan negeri atas kelulusan beberapa buah projek yang bakal dilaksanakan di kawasan Bukit Semuja. Sama ada diumumkan melalui sesi pembentangan bajet baru-baru ini khususnya di parlimen ataupun secara terus. Antaranya, pembinaan sebuah sekolah rendah, iaitu SK Sri Sadong, *which* kita selalu bentangkan atau sebut tempoh hari, *which I hope it will not happened like* SMK Serian No. 2 yang telah diluluskan lebih 15 tahun yang lepas, hingga ke hari ini masih belum dilaksanakan. Tapaknya pun belum pasti. Projek tebatan banjir di Kampung Hulu dan Hilir Serian, tebatan banjir di kawasan Hospital Serian dan kawasan-kawasan sekitarnya, pembinaan jalan Serian ke Tebedu dan pembinaan jambatan Kampung Kuala ke Kampung Senyabah.

Bantuan-bantuan kelangsungan dan kesejahteraan hidup rakyat juga kita alu-alukan khususnya bagi golongan yang sangat memerlukan, termasuk bantuan dan sumbangan seperti Bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA), pesara, para veteran dan warga emas di peringkat persekutuan. Kerajaan Sarawak pula menggariskan bantuan dan inisiatif kesejahteraan rakyat termasuk Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS 2026) dan sokongan sosial kepada rakyat. Seperti yang selalunya disebutkan sebelum ini, bantuan yang inklusif dan menyeluruh ini merupakan satu kombinasi antara bantuan negeri (SKAS) dan bantuan persekutuan memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat, iaitu golongan miskin, B40,

warga emas, isi rumah yang besar untuk mendapatkan sokongan. Manakala, pembangunan jangka panjang yang berbentuk infrastruktur juga memastikan ia akan memberi manfaat berterusan dari segi mobiliti, akses kepada perkhidmatan dan pembangunan ekonomi di seluruh Sarawak.

Government Building and Facilities

Tuan Speaker, Serian district was upgraded to a division in 2015 or about 10 years ago and it's administrative area was also expanded recently when there some area in Simunjan district or Samarahan division was added too. With the upgrading, only the state administrative centre was built and now fully utilized. My question is, are there any plan by the Federal Government to build a federal complex in Serian as there are quite a number of the federal departments, either renting or squatting in shop houses, state office buildings or quarters? I think is timely for the Federal Government to consider to get their building built in Serian town like any other divisions in Sarawak.

Kedua, mohon kerajaan menubuhkan mahkamah majistret dengan menempatkan timbalan pendakwa raya dan pegawai undang-undang (majistret) secara tetap di Serian kerana khidmat mereka sangat-sangat diperlukan. Mahkamah Majistret Serian yang sedia ada berada di bangunan pejabat daerah yang lama dan telah diletakkan di bawah seliaan Mahkamah Kuching berkuat kuasa 1 Mac 2025, tidak lagi di bawah Mahkamah Samarahan. Kekerapan sidang litar di Serian hanya dua kali sebulan. Jadi, kita mohon supaya sidang diadakan yang mana sidang perlu diadakan lebih kerap lagi kerana jumlah kes siasatan sentiasa bertambah.

Seterusnya, saya memohon kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak; dan Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak untuk mempercepatkan proses-proses untuk menyelenggara tanah runtuh di SMK Tebakang. Pihak sekolah melalui pendidikan daerah telah menulis dan memohon peruntukan bagi tujuan tersebut pada awal tahun ini tetapi masih tiada perkembangan hingga ke hari ini. Bencana tanah runtuh tersebut menyebabkan pihak sekolah, atas nasihat JKR, agar blok bangunan yang menempatkan enam kelas untuk tingkatan 1 dikosongkan atas faktor keselamatan. Pada sesi akademik yang akan datang, pihak sekolah sangat-sangat memerlukan blok tersebut agar sesi pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu.

Serian Conference Centre (SCC) merupakan salah satu mercu tanda di bahagian Serian yang terletak bersebelahan dengan Pusat Pentadbiran Negeri Sarawak. Ia siap dibina pada tahun 2023 dengan kos sebanyak RM87 juta. Namun begitu, saya difahamkan bahawa syarat-syarat penggunaan SCC termasuk perkarangannya adalah terlalu ketat dan kosnya terlalu tinggi. Ini menyebabkan penggunaannya agak kurang, kita tidak mahu bangunan tersebut sebagai '*white elephant*' nanti. Baru hari Sabtu yang lepas, pihak kami telah menggunakan fasiliti tersebut, dan sewanya memang agak tinggi menelan kos hampir RM10,000, ini mungkin disebabkan oleh dua hari, dua malam sebelum majlis diadakan untuk persediaan dan raptai. Maka dengan itu, saya mohon agar pihak yang berkenaan untuk menilai semula agar kebenaran dan kelulusan untuk menggunakannya bersesuaian dengan faktor tempatan, budaya tempatan dan amalan tempatan, jangan terlalu '*rigid*'.

Isu-Isu Lain di Kawasan

Tuan Speaker, masalah banjir kilat. Yang ini kerap kali berlaku apabila hujan lebat melanda di kawasan Taman Melor Serian dan kawasan Taman Anggerik, Serian. Keadaan ini sangat merunsingkan para penduduk setempat apabila hujan lebat berlaku, tanpa mengira masa, waktu dan lebih merisaukan akhir-akhir ini terlalu kerap berlaku kerana cuaca tidak menentu, kadang-kadang seminggu dua atau tiga kali air naik ke rumah mereka. Oleh itu, mohon pihak tertentu khususnya pihak yang berkuasa tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran; dan juga Jawatankuasa Bencana Daerah dan Bahagian, mengambil tindakan yang sewajarnya dengan segera.

I would also like to request the ministry concern, to speed up the approval of Late Application (ALAF) with regards to BELB (Bekalan Elektrik Luar Bandar) projects. Fast expansion of living

premises and families contributed to the high needs and demand for the services in all the *kampungs* and longhouses in my *kawasan* Bukit Semuja.

Market Bandar Serian sangat popular di kalangan para pengunjung dari luar ataupun di dalam. Pelbagai jenis hasil pertanian seperti buah-buahan, sayur-sayuran, daging, ikan dan juga makanan yang sudah diproses ada terdapat di *market* tersebut. Ada yang dikeluarkan oleh petani-petani tempatan ataupun pengusaha-pengusaha tempatan daripada kampung dan ada juga datang dari negara jiran kita melalui ICQ kita di Tebedu.

Kerisauan besar para pengguna di kawasan saya tentang tahap keselamatan hasil-hasil yang dijual di *market* tersebut terutama dari segi kesihatan yang datang daripada luar. Maka dengan ini, saya mohon pihak yang berkenaan untuk mengambil berat tentang perkara ini dengan memberi jaminan yang sewajarnya. Mungkin membuat tanda atas barang-barang ataupun yang sudah diperiksa atau mengeluarkan dokumen-dokumen tertentu.

Seterusnya, satu lagi perkara yang sering berlaku di kawasan saya ialah gangguan bekalan elektrik yang tidak berjadual ataupun tanpa notis. Ini secara tidak langsung akan melibatkan terputusnya *signal* atau internet, *handphone* dan sebagainya. Dalam bulan ini sahaja, dah berkali-kali kami di kampung menghadapinya, tanpa mengira waktu dan masa. Tidak kira cuaca, hujan, panas, angin dan sebagainya. Maka dengan itu, kita memohon agar pihak atau kementerian yang berkenaan mengambil berat tentang perkara ini.

Ya, pihak kami mengakui bahawa berbagai usaha telah dibuat termasuk '*engagement*' bersama KMKK untuk penerangan, bekerjasama dan juga pihak Jawatankuasa Bencana Bahagian juga yang mewujudkan jawatankuasa khas di bahawa seliaan pejabat residen untuk memastikan kerjasama secara menyeluruh agar dapat mengurangkan kekerapan berlaku mengenai masalah ini dan untuk mengelakkan berpanjangan. So, also, we are pleased too, for the new SEB sub-station project located somewhere at Kampung Tangga and hope with the completion later we anticipate the above problem will be lessened.

Tuan Speaker, before I conclude, once again, I would like to thank all the relevant agencies, civil servants both in the state and federal, local authorities and many others who are in one way or another being very supportive and helpful in any engagement made. This close rapport, *esprit de corp* and teamwork is highly appreciated. And I am looking forward to further engagement in years ahead.

Congratulations too to Tuan Speaker and his team for the efficiency and professionally in handling this sitting from the very first day. To each and everyone here in this Dewan, and all Sarawakians, Merry Christmas and Happy New Year 2026. With this, Bukit Semuja begs to support this Motion. Thank you.

Tuan Speaker: Member for Kalaka.

YB Tuan Haji Mohamad bin Duri: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju dan Makmur. Salam *Segulai Sejalai*.

Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan bagi membahaskan Belanjawan Negeri bagi tahun 2026.

Bismillahirrahmanirrahim. Dengan ini, saya menyatakan sokongan ke atas Belanjawan Negeri Sarawak 2026 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Premier Sarawak selaku Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru pada 24 November yang lalu.

Sesungguhnya belanjawan ini adalah berita gembira kepada penduduk luar bandar khususnya di kawasan saya sendiri DUN N.38 Kalaka yang amat memerlukan perhatian kerajaan untuk menggiatkan aktiviti pembangunan.

Tuan Speaker, secara ringkasnya, Belanjawan 2026 boleh disifatkan sebagai belanjawan yang strategik, berfokus kepada pembangunan mampan serta kesejahteraan rakyat.

Dengan jumlah perbelanjaan biasa sebanyak RM12.91 bilion dan unjuran hasil sebanyak RM13.05 bilion, ia dijangka mencatat lebihan sebanyak RM144 juta.

Peruntukan pembangunan sebanyak RM9.3 bilion mencerminkan komitmen kerajaan menghadapi ketidaktentuan ekonomi global, sambil membolehkan pelaburan berani dalam infrastruktur, transformasi digital dan sektor strategik yang lain.

Bertemakan '*Memperkasa Rakyat, Memacu Kemakmuran, Membina Masa Depan dengan Berdaya Tahan*', belanjawan ini dibina berasaskan sembilan teras strategik yang merangkumi pembangunan ekonomi, pendidikan, modal insan, pengurusan sumber asli, penyelidikan dan inovasi serta pengukuhan keupayaan kerajaan.

Ia turut menekankan tiga keperluan utama iaitu respons strategik, daya tahan fiskal dan penyelarasan dasar, sejajar dengan agenda pembangunan PCDS 2030 yang berfokus kepada kemakmuran ekonomi, masyarakat inklusif dan kelestarian alam sekitar.

Belanjawan ini juga bukan sekadar angka, tetapi mencerminkan impak yang ingin dicapai untuk memacu Sarawak ke arah negeri ekonomi berpendapatan tinggi dan masa depan berdaya tahan.

Tuan Speaker, saya mewakili rakyat di kawasan DUN Kalaka terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada kepada Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg yang telah mengharumkan Malaysia dan Sarawak amnya dengan penganugerahan *2025 Imperial Autumn Decorations - the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star* oleh kerajaan Jepun baru-baru ini. Penganugerahan oleh kerajaan Jepun ini adalah bukti yang nyata, Premier kita adalah sebagai pemimpin yang dipandang tinggi oleh negara-negara luar.

Penganugerahan ini juga merupakan satu pengiktirafan antarabangsa terhadap kepimpinan cemerlang serta visi jauh Premier dalam memperkukuh hubungan dua hala di antara Sarawak dengan Jepun. Usaha berterusan Premier dalam melaksanakan dasar pembangunan yang progresif khususnya dalam bidang pelaburan, tenaga hijau dan ekonomi digital membawa Sarawak ke tahap kemajuan yang membanggakan. Melalui kepimpinan beliau, Sarawak kini semakin dikenali sebagai negeri yang maju, berdaya saing dan berpengaruh di rantau ini. Sekali lagi, saya ucapkan tahniah kepada Premier yang kita kasihi dan disayangi oleh seluruh rakyat Sarawak. Sekalung tahniah juga kepada Tuan Speaker atas lantikan Speaker DUN Sarawak.

Tuan Speaker, izinkan saya terus menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan rakyat dan kawasan yang saya wakili dan kasihi iaitu DUN N.38 Kalaka.

Bangunan Sekolah SK Haji Bollah Kaba semakin usang

Kerajaan harus memberikan keutamaan terhadap isu Sekolah Kebangsaan (SK) Haji Bollah Kaba di mana keadaan bangunan serta asrama sekolah yang semakin usang dan daif.

Bagaimana kita hendak menyediakan modal insan di masa depan jika keadaan sekolah-sekolah sudah terlalu uzur dan dari segi fizikal, suasana pembelajaran dan persekitaran guru dan pelajar di sekolah tidak lagi kondusif?

Tindakan serta kerja-kerja menaik taraf sekolah tersebut perlu diberi keutamaan dan dipercepatkan berikutan saya difahamkan sekolah ini terlalu lama menunggu untuk dinaik taraf.

Rakyat di kawasan ini juga amat berharap agar kerajaan segera memberi perhatian kepada isu ini demi menangani risiko keselamatan dan keselesaan yang timbul akibat infrastruktur sekolah yang semakin usang.

Masalah Blackout (Bekalan Elektrik)

Pernah terjadi *blackout* selama enam kali berturut-turut dalam satu hari pada 31 Julai lalu, dan *blackout* pada 25 November 2025 selama 22 jam, ini sangat menyukar kehidupan rakyat.

Dengan rendah diri, mencadangkan agar buatlah *looping system* ke atas talian pengagihan voltan 11kV dan 33kV bagi memendekkan masa *blackout* dan menurunkan index SAIDI dan SAIFI.

Untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini, Saratok mendapat bekalan 33kV menerusi *overhead line* lebih kurang 60KM daripada HBL5 dan H9L5 daripada sub-station di Sarikei, dan jika kedua-dua *line* ini mengalami masalah teknikal, Saratok tiada *back up supply*. Itu yang terjadi pada 31 Julai 2025.

Oleh yang demikian, Pekan Saratok sangat memerlukan bekalan elektrik yang stabil melalui *Monopole Overhead Line System* yang baharu daripada 132/33kV Serudit Sub Station.

Saya mewakili rakyat menuntut dan memohon agar projek monopole line 33kV ini dapat dilaksanakan segera agar Saratok mempunyai *back up supply*.

Selain daripada itu, Kalaka juga memohon supaya projek naik taraf MVCC (*Medium Voltage Covered Conductor*) dilaksanakan dengan kadar yang segera bagi mengelak *blackout* daripada kejadian pokok tumbang, dahan patah dan kilat.

Klinik Kesihatan dan Hospital Saratok

Rata-rata rungutan penduduk setempat mendapati Hospital Saratok terdapat banyak kekurangan sebab dah tua. Pesakit dari Hospital Saratok selalu dirujuk ke Hospital Sarikei. Ini menimbulkan masalah kepada pesakit dari Saratok kerana jauh dan kos jalan meningkat, selain dilaporkan ada juga pesakit meninggal di pertengahan perjalanan. Ruang *outpatient* juga sentiasa penuh dan kurang selesa untuk pesakit, termasuk kaunter ambil ubat yang sesak.

Isu utama di sini adalah kekurangan pegawai perubatan di Jabatan Pesakit Luar menyebabkan waktu menunggu yang lama dan keadaan bertambah sesak. Saya berpendapat sekiranya Klinik Kesihatan Saratok di bawah pentadbiran Pejabat Kesihatan Betong dan Pejabat Kesihatan Daerah Saratok dibina, kita minta KK3, Tuan Speaker. Kesesakan ini akan dapat diselesaikan dan hospital akan lebih fokus kepada perkhidmatan hospital.

Saya merayu dan memohon supaya kerajaan dan kementerian berkaitan memberi perhatian ke atas masalah rakyat di Saratok, termasuk penempatan Pakar Kesihatan Keluarga dan seorang Pegawai Perubatan dari Kesihatan Awam di Jabatan Pesakit Luar.

Bekalan Air Bersih Terawat JBALB

Saya mengucapkan terima kasih ke atas pembinaan loji baharu berteknologi *acute system* di Lichok, Roban, kerana Kampung Kaba sudah menikmati bekalan air bersih. Tapi walau bagaimanapun, saya merayu dan memohon supaya projek retikulasi bekalan air turut dilaksanakan di Kampung Hulu Perpat, Rumah Augustine Empayak dan Rumah Ali Sungai Baru. Saya juga memohon supaya dipercepatkan pemasangan meter air ke kawasan Lubok Nibong merangkumi Rumah Mujah, Rumah Galing dan Rumah Raweng; serta Rumah Siti Belanda, Rumah Christopher dan Rumah Joshua di Kali Kaba; dan Rumah Tanjong, Kampung Tengah dan Kampung Hilir Perpat dan Kampung Paloh.

Banjir Kilat di Tiga Lokasi di Pekan Saratok

Banjir kilat sering berlaku di Pekan Saratok terutamanya Pasar Saratok, Sekolah Abang Abdul Rahman, Saratok termasuk padang Majlis Daerah Saratok dan Taman Muhibbah. Ini telah mengakibatkan, mengikut laporan pihak DID, seramai 3,200 orang penduduk mengalami kerugian serta kemusnahan harta benda. Walau bagaimanapun, kerja-kerja jangka pendek tengah dilaksanakan. Saya memohon agar cadangan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membina *monsoon drain* dan *storm pond* yang baharu dapat dilaksanakan dengan segera sebagai keperluan jangka masa panjang.

Adakah kerajaan mempunyai cadangan dan rancangan untuk merangka pelan induk, *master plan* sistem perparitan di Pekan Saratok?

Keperluan Pembinaan Premis Perniagaan untuk Peniaga

Ramai peniaga kecil khususnya peniaga kecil Bumiputera di Saratok menghadapi kekangan ruang niaga yang mencukupi dan selesa. Keperluan untuk membina premis perniagaan ini sangat mendesak untuk membolehkan peniaga berniaga dengan lebih teratur dan mewujudkan peluang pekerja, dan merancakkan lagi ekonomi rakyat Saratok.

Justeru, saya mohon untuk bertanya, adakah Kementerian Kerajaan Tempatan Sarawak melalui Majlis Daerah Saratok mahupun Perbadanan Ekonomi Sarawak mempunyai cadangan dan rancangan untuk membina premis perniagaan baharu yang boleh disewa kepada para peniaga kecil di Saratok?

Pembinaan Jalan Kupang-Bajau dan Pembinaan Jambatan Sungai Krian Kedua

Saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak kerana telah meluluskan dan melantik kontraktor bagi pembinaan Jalan Kupang – Bajau yang bakal berakhir pada tahun 2027. Begitu juga dengan infrastruktur penting seperti projek Jambatan Sungai Krian Kedua di Tanjung Kalimah Pagan yang dianggarkan bernilai RM122 juta dan dijangka ditender pada awal tahun 2026. Saya berharap projek pembinaan kedua-dua kemudahan asas tidak tertangguh dan dipercepat pembinaannya.

Baik Pulih Pontun di Tebingan Sungai Krian Saratok

Apakah punca kelewatan kerja-kerja baik pulih pontun di dermaga Tebingan Sungai Saratok yang tapaknya telah diserahkan kepada kontraktor tahun ini namun sehingga kini masih belum disiapkan? Kelewatan penyediaan projek ini menimbulkan kesulitan kepada para penduduk kampung dan rumah panjang di seberang Pekan Saratok yang berulang-alik ke Pekan Saratok menggunakan perkhidmatan sungai. Adakah kelewatan ini berpunca daripada kegagalan pihak kontraktor ataupun kelemahan dalam pemantauan projek oleh pihak berkuasa tempatan?

Saya mohon tindakan segera pihak yang bertanggungjawab untuk memperbaiki dan memasang pontun tersebut sebab isu pontun yang rosak ini sudah lama, semenjak 2021 dan tindakan segera perlu diambil.

Hakisan Tanah di Kampung Melango dan Kampung Kupang

Hakisan tebingan Sungai Krian di Kampung Melango, Kampung Baru Hilir, Kampung Melango Lama Hulu dan Kampung Melango Lama Tengah, Saratok perlu diberikan perhatian yang serius memandangkan terdapat struktur tebing yang semakin terhakis melibatkan 22 buah rumah dan 88 isi rumah sejak 2015. Begitu juga keadaannya di Kampung Kupang, tindakan segera perlu diambil bagi mengatasi masalah hakisan tanah yang berlaku di tebingan Kampung Hilir Kupang. Agensi berkaitan perlu membuat siasatan tapak dan memohon tindakan dengan kadar segera dalam

mencari penyelesaian terbaik untuk mengatasi masalah hakisan sungai bagi menjamin keselamatan awam.

Baik pulih Jalan Paloh yang terputus

Kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya digesa untuk memberikan perhatian dan tindakan ke atas jalan utama yang menuju ke Kampung Paloh yang telah terputus hubungan akibat kerosakan dibadai ombak fenomena air pasang pada tahun 2021. Untuk makluman, jalan alternatif berturap ke Kampung Paloh telah siap dengan bantuan KKBW pada tahun lepas 2024.

Isu Judi dalam Talian

Isu judi ini masalah besar dan dalam pada itu, saya ucapkan tahniah kepada seluruh anggota PDRM Saratok walaupun hanya dua orang pegawai. Mereka perlu ditambahkan pegawai kerana telah menuduh dan menangkap 113 orang individu dalam tempoh kurang daripada sebulan pada November ini. Tahniah PDRM. Saya harap usaha ini terus digiatkan secara agresif oleh PDRM bagi mengekang aktiviti pengedaran dan penyalahgunaan dadah di daerah Saratok. Saya juga mohon agar tapak baharu bagi pembinaan balai polis yang baharu di daerah Saratok.

Masalah Talian Telekomunikasi dan Capaian Internet

Di kawasan saya, Tuan Speaker terdapat tiga buah tempat yang mempunyai capaian yang paling lemah, iaitu di Kali Kaba; Rumah Siti Belanda, Rumah Christopher dan Joshua. Yang kedua adalah Rumah Augustine Empayak dan yang ketiga adalah Kolej Tingkatan Enam Saratok dan sekitarnya.

Saya berharap kerajaan akan terus menunaikan tanggungjawab terhadap pembangunan kawasan luar bandar termasuk DUN N.38 Kalaka demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri Sarawak secara menyeluruh. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua agensi kerajaan negeri dan persekutuan yang telah berjaya melaksanakan banyak projek pembangunan di sepanjang tahun 2025 ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Premier kita yang memberi penekanan kepada pembangunan di luar bandar pada pembentangan Bajet 2026 ini. Semoga niat dan urusan kita dipermudahkan oleh ALLAH S.W.T. untuk memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat selari dengan slogan “*Utamakan Sarawak*”. Tidak lupa ucapan tahniah juga saya ucapkan kepada Tuan Speaker kerana telah mengendalikan sidang DUN kali ini dengan jayanya. Akhir kata, saya mengucapkan selamat menyambut Hari Natal kepada rakan-rakan yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru 2026 kepada semua.

Dengan ini, sukacitanya Kalaka menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025. Sekian, Wabillahi Taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Tuan Speaker: Honourable Member for Engkili.

YB Encik Johnichal Rayong anak Nyipa: Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, before I begin my debate, I would like to take this opportunity to extend my congratulation to the Yang Amat Berhormat Premier on receiving the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star from the government and Emperor of Japan in recognition of the progressive policies implemented by the Sarawak Government under the Yang Amat Berhormat Premier leadership. Congratulations also to you Sir, Tuan Speaker on being re-appointed as the Speaker of the Sarawak State Assembly for the 10th term.

Apa yang diperkatakan kawan-kawan kita, Speaker yang paling lama di dunia ini. Terima kasih, Tuan Speaker. Ucapan Belanjawan Tahun 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak yang juga Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru telah memperuntukkan RM12.91 bilion merangkumi RM5.6 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan

RM7.3 bilion bagi dana pembangunan Belanjawan Sarawak 2026 adalah belanjawan lebihan yang dijangka menjana lebihan sebanyak RM144 juta.

Ini membuktikan kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier yang berpandangan jauh dan telah bekerja keras dan bersungguh-sungguh untuk memajukan Sarawak dan rakyatnya di bawah Kerajaan GPS terus memajukan Sarawak ke arah kemakmuran yang lebih setara dan berkualiti.

Tuan Speaker, permohonan-permohonan atau isu-isu di kawasan DUN N.33 Engkilili adalah setiap berikut.

Permohonan Jalan Raya atau Jalan-Jalan Perhubungan

Bagi memudahkan jalan perhubungan, saya ingin memohon supaya kawasan Batang Ai Hilir Engkilili yang meliputi rumah-rumah panjang dari beberapa buah sekolah di kawasan tersebut dengan projek dinamakan *Proposed Basi Road (Berayun-Sungai Basi to Kuching/ Sibu Trunk Road)*, *Sri Aman division* dipercepatkan pembinaannya. Saya percaya projek ini di bawah *implementation of JKR Sri Aman*, Bahagian Sri Aman. Projek jalan ini adalah begitu lama ditunggu-tunggu oleh rakyat penduduk setempat.

Begitu juga, saya ingin mengetahui status terkini Projek Naik Taraf Bekas Jalan-Jalan Balak Negeri Sarawak Fasa 4 bertujuan memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk dari Simpang Sibau, Kampung Pelopok Belawan, Kampung Pelo, Kampung Pulau dan Kampung Ulu Akup serta kawasan persekitaran di Ulu Skrang dan N.33 Engkilili.

Tuan Speaker, saya juga ingin bertanya tentang status projek jalan-jalan di kawasan Ulu Skrang yang setakat ini belum bermula lagi, yang dicadangkan dari Simpang Murad–Entalau–Panchor dan Jalan Ulu Skrang bermula dari Simpang Sebeliau menuju ke Entalau, Ulu Skrang. Jalan-jalan ini memang sudah lama ditunggu-tunggu oleh penduduk-penduduk di kawasan persekitaran. Mohon dipercepatkan pembinaannya.

Dicadang dan dipohon juga dari pihak kerajaan untuk menaik taraf bekas-bekas jalan balak masuk dari Rumah Panau, Enteburu Ulu Kemalih iaitu jalan perhubungan terdekat dalam kawasan DUN Meluan yang berjiran dengan kawasan Engkilili menuju masuk ke Rumah Rentap, Sungai Paya, SK Nangga Menjuau, Rumah Penghulu Robert dan Rumah Upok yang terletak di Lepung Kepyang, kawasan Ulu Skrang bersebelah dengan DUN Meluan.

Di samping itu juga, mohon pihak kerajaan untuk menaik taraf jalan yang telah rosak dan sangat daif dari SK Tabut–Rumah Bruin Sambau–Rumah Jangin Kejemut–Rumah Mambu, Tembong dan semua yang terletak di kawasan Skrang Hilir.

Dipohon juga untuk menaik taraf jalan-jalan berlubang-lubang yang sangat daif di kawasan Geligau Ulu dan Geligau Hilir, Batang Ai Hilir Engkilili dan seterusnya menyambung jalan perhubungan tersebut menuju ke Rumah Timbang, Rumah Belayong dan Rumah Ungum, khususnya di kawasan Sepalau/ Geligau Batang Ai Hilir Engkilili.

Tuan Speaker, saya juga ingin bertanya status projek jalan baru untuk kawasan rumah-rumah panjang bagi kawasan Tebarong Skrang yang di bawah peruntukan projek seliaan SADA.

Projek Jambatan Kawasan DUN N.33 Engkilili

Mohon agar projek Jambatan Nanga Entalau dan persekitaran di Ulu Skrang dan projek Jambatan Merio Engkilili dapat dibina dengan segera bagi memudahkan kegunaan penduduk setempat.

Tuan Speaker,

Bekalan Air Bersih

Terima kasih, Yang Amat Berhormat Premier kerana dalam ucapan Bajet 2026 yang telah mengagihkan (*allocated*) untuk *implemented Engkilili Water Treatment Plant*. Dengan adanya projek ini nanti, ianya akan memudahkan bekalan air bersih terawat ke kawasan sekeliling yang amat memerlukan bekalan air bersih, terutamanya kawasan Batang Ai Hilir Engkilili–Skrang Hilir Engkilili–kawasan Tisak–kawasan Kaung di Skrang Lidong yang memang lama sudah tiada bekalan tersebut, memang ditunggu-tunggu oleh penduduk tempatan.

Mohon juga pihak Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Sri Aman untuk menambah baik pulih tekanan bekalan air terawat ke kawasan Sungai Keroh–Marop–Stengin–kawasan San Semanju–Merindun yang kadang-kadang berminggu-minggu tiada bekalan air bersih dan tidak ada air langsung. Ini amat menyulitkan para penduduk di rumah panjang ataupun di kampung-kampung tersebut.

Dipohon juga untuk membina projek bekalan air bersih ke kawasan Tebarong dan ke Rumah Empading di Nanga Bunu, Nanga Skrang dengan kadar segera. Di samping itu, ingin bertanya tentang status Projek San Semanju, HLT; San Semanju, Engkilili agar dapat digunakan dengan segera bagi memudahkan bekalan air bersih untuk penduduk di sekelilingnya.

Projek Balai Bomba di Engkilili

Projek Balai Bomba bagi kawasan Engkilili sepatutnya Tuan Speaker, sepatutnya dibina awal tahun 2025. Oleh demikian, bagi mewakili rakyat di kawasan saya, ingin saya mengetahui status projek ini sekarang kerana sekarang sudah masuk hampir tahun 2026, satu bulan lagi.

Projek Stadium Sukan Engkilili

Stadium sukan ini amatlah diperlukan bagi kemudahan orang ramai dan pihak-pihak sekolah di kawasan Engkilili ingin juga bertanya bilakah projek ini akan dimulakan memandangkan peruntukan ini telah diluluskan beberapa tahun yang lalu sungguh pun tapak tanah telah dibeli oleh pihak kerajaan. Memohon pihak kerajaan untuk menyegerakan projek stadium sukan Engkilili tersebut.

Kawasan Banjir

Dipohon kawasan-kawasan yang sering banjir di kawasan Jalan SK Tabut, Rh Panjang Tabut, Kejemut, Tembong Lipat, Tisak, Kaong, Entalun, Skrang, Manga Bujuk, kawasan Merbung dan rumah panjang-rumah panjang di sepanjang Batang Ai area Engkilili agar dapat diatasi dengan segera.

Tuan Speaker, salah satu daripada sebabnya banjir di kawasan tersebut semasa saya memantau, adalah disebabkan kerana tidak ada sistem perparitan dan juga kawasan perhubungan yang begitu rendah sekali. Oleh itu, mohon pihak DID dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan agar dapat mengatasi masalah ini dengan kadar segera.

Pendidikan atau sekolah

Ini yang paling penting sekali Tuan Speaker. Pendidikan adalah kunci kejayaan di masa depan khasnya untuk murid-murid sekolah dan juga modal insan untuk membangunkan Sarawak khasnya dan Malaysia amnya. Peperiksaan DLP Tahun 6 di Sarawak telah diadakan buat pertama kalinya pada tahun 2025. Amat menyedihkan kebanyakan murid-murid sekolah khasnya di luar bandar agak lemah. Keputusan peperiksaan mereka khasnya dalam bidang Sains dan Matematik. Ini mungkin tiada kemudahan asas seperti *laboratory* atau *lab* untuk mereka belajar ilmu tersebut di sekolah-

sekolah yang berkenaan. Oleh itu, Tuan Speaker, berbesar hati saya memohon dari kerajaan untuk mendirikan *laboratorium* atau *lab* di kawasan sekolah bagi kawasan DUN Engkilili bagi mengatasi masalah ini.

Tempat Parkir dan Waterfront

Tuan Speaker, tempat parkir dan mohon tempat parkir dan *waterfront* di pekan Engkilili. Kawasan tempat parkir amatlah diperlukan untuk didirikan di pasar Engkilili memandangkan kawasan yang sedia ada tidak mencukupi terutamanya pada hujung minggu dan waktu musim keramaian. Mohon juga agar pihak kerajaan dapat menambah baik pemandangan di tepi pasar Engkilili untuk membina *waterfront*. Ini juga amat diperlukan bagi kemudahan riadah keluarga dan juga untuk orang ramai yang datang ke pasar Engkilili untuk melihat keadaan sekeliling sana pemandangan di sungai khususnya.

Projek Menaik Taraf Jalan Ladang untuk Pekebun-pekebun Kecil

Memohon agar pihak kerajaan atau kementerian bertanggungjawab hal ehwal pekebun kecil untuk membantu mereka dalam menaik taraf jalan ladang mereka bagi membolehkan mereka membawa hasil pertanian mereka untuk dijual ke pekan ataupun ke kilang.

Jawatan Pemanca Kaum Melayu

Tuan Speaker, memohon jawatan Pemanca Kaum Melayu. Amatlah berbesar hati saya agar pihak kerajaan dapat mewujudkan satu jawatan Pemanca bagi daerah Lubok Antu dan Engkilili. Dengan wujudnya jawatan ini nanti, sudah pasti dapat memudahkan kaum Melayu dalam urusan-urusan berkaitan dengan mereka. Pada masa sekarang, telah diwujudkan jawatan Pemanca bagi kaum Iban dan Cina kecuali bagi kaum Melayu. Mohon pihak kerajaan dapat mempertimbangkan perkara ini.

Memohon Bekalan Elektrik Luar Bandar

Tuan Speaker, saya juga ingin menyampaikan permohonan berkenaan dengan api elektrik daripada Rumah Rentap Sungai Paya Nanga Bejuau, Rh Penghulu Robert, Rh Upuok Nanga Bejo, semua ini terletak di Hulu Skrang. Elektrik ini boleh disambung dari grid elektrik yang sedia ada dan yang paling dekat adalah dari Rh Panau, Enteburu, Ulu Kemaleh kawasan DUN Meluan yang berjiran dengan kawasan saya.

Tuan Speaker, sebelum saya duduk mengundurkan diri, ingin saya menyeru kepada rakyat Sarawak supaya bersatu padu, *segulai sejalai* di bawah Kerajaan GPS yang di bawah Yang Amat Berhormat Premier. Beliau adalah seorang pemimpin anak Sarawak yang berpandangan jauh dan telah bekerja keras dan hasilnya kita rakyat telah lihat dan nikmati bukan sahaja dari segi ekonomi, pembangunan dan sebagainya tetapi amat menyentuh hati kita rakyat Sarawak ialah yang paling berharga ialah inisiatif Sarawak Pendidikan Percuma di tempat pengajian-pengajian tinggi Sarawak mulai tahun 2026.

Sarawak adalah merupakan negeri-negeri rujukan atau sebuah negeri contoh dari segi kepimpinan dan pembangunan. Salah satu faktor penyebab adalah kerana kestabilan politik di bawah Kerajaan GPS. Kestabilan politik ini haruslah dipelihara dan dipertahankan oleh setiap rakyat Sarawak dan harus berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat Premier Abang Jo, *apai besai kitai bak menoa* Sarawak ditu.

Salam Sarawak Maju Makmur, Salam Sarawak Diutamakan, Salam *Segulai Sejalai*. Kepada semua penganut agama Kristian yang akan merayakan Hari Krismas akan datang, saya ucapkan *Merry Christmas and Happy New Year*. Dan kepada semua rakan-rakan kita di luar sana dan dalam ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2026 yang akan datang dan termasuk juga

kepada Tuan Speaker dan juga Setiausaha Dewan dan seluruh warga Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Dengan ini, saya mewakili DUN N.33 Engkilili menyokong penuh ucapan Belanjawan Tahun 2026. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, we will have a break. Sitting resume at 2.30 p.m.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.22 tengah hari)

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.58 petang)

[Timbalan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita teruskan perbahasan. Dengan hormatnya, I call for Yang Berhormat Opar.

YB Encik Billy anak Sujang: Tuan Speaker, thank you for giving me the opportunity to debate on the Supply (2026) Bill, 2025, the Bill that seeks authorization for the government to utilize funds from the consolidated fund for the service of the year 2026. First of all, I would like to congratulate our Yang Amat Berhormat Premier on the conferment on the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star by the Japanese Emperor in the recognition of his efforts and contribution to the global arena.

*Bukit Sematan indah berseri,
Lautnya biru indah pandangan;
Sarawak dibangun, warga dirahmati,
Keperluan rakyat jadi keutamaan.*

I rise here today, in fully support of this Bill, as it is not merely a budget, but a strategic roadmap anchored on the theme “*Empowering People, Advancing Prosperity, Building a Resilient Future*”.

This budget demonstrates that the government's clear commitment to strengthening Sarawak's economy, safeguarding the well-being of our *rakyat* and preparing the state to face global uncertainties with a confidence. Here are some facts:

STRONG ECONOMIC FUNDAMENTALS AND RESILIENT FISCAL POSITION

Tuan Speaker, the Premier has clearly stated that despite global volatility including the decline in global crude oil prices from USD88 to USD74 per barrel and shifts in global trade policies under new US tariffs. Sarawak remains fiscally strong, thanks to prudent management, diversified revenue streams and a solid reserve position. Belanjawan tahun 2026 adalah sebanyak RM12.9 billion. Whereby, our revenue for 2026 is projected at RM13.1 billion, supported by RM4.6 billion from State Sales Tax (SST), RM2.6 billion cash compensation in lieu of oil and gas rights, RM203 billion dividends and RM89 million federal grants and reimbursements.

The 2026 Budget also records a surplus of RM144 million, proving that Sarawak continues to practice discipline and fiscal responsibility. This is what responsible governance looks like. Tidak bankrup seperti yang dijangkakan oleh pihak pembangkang sebelum ini.

COMMITMENT TO RURAL DEVELOPMENT AND CLOSING THE DEVELOPMENT GAP

Tuan Speaker, the rural regions remain a priority in this budget. Major allocations directly benefit rural constituencies line mine in Opar. Key agriculture allocations include:

- (a) RM73 million for modern farming and precision agriculture.
- (b) RM21.4 million for Agroparks and Aquaculture Parks.

- (c) RM20.4 million for paddy irrigation and drainage infrastructure.
- (d) RM33 million for cattle industry development.
- (e) RM34.2 million for farm roads and agricultural infrastructure.

Most importantly for my constituency, the development of the Metropolitan Food Cluster (MFC) in Opar has been allocated in RM20 million. I extend my deepest appreciation to the Right Honourable Premier and MFICORD for approving this transformational project located in Kampung Stungkor. This initiative, which commence in September 2025, will position Opar as a modern, high-value agro processing and production hub bringing technology, fostering economic activity and creating meaningful job opportunities for our rural communities. This is not merely development on paper, this is genuine, tangible rural empowerment that will uplift lives for generations to come.

Dengan peruntukan yang besar bagi projek penanaman padi, terutama untuk menambah baik sistem perparitan dan tali air, Opar berharap akan mendapat peruntukan sebahagian daripadanya kerana di bawah *Greater Kuching Coordinated Development Agency* (GKCDA) sebanyak tujuh sawah padi telah dikenal pasti dan diluluskan untuk ditambah baik. Sawah padi di Kampung Jakar merupakan sawah padi yang paling besar dengan keluasan lebih kurang 900 hektar. Saya sangat berharap sekiranya pihak kementerian dan *Sarawak Land Development Board* (SLDB) dapat menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk mengusahakan sawah yang luas ini agar dapat menampung keperluan beras Sarawak. Pihak DID sedang membuat kajian *survey* dan reka bentuk bagi sawah padi ini. Enam lagi sawah padi adalah di Kampung Jugan, Kampung Tebaro, Kampung Sedaing, Kampung Rukam, Kampung Sebako dan Kampung Biawak. Projek-projek ini telah mendapat dana daripada GKCDA namun sehingga kini belum bermula. Saya berharap agar agensi pelaksana bagi projek ini dapat mempercepatkan kerja-kerja reka bentuk dan tender bagi kesemua projek tersebut. Penghasilan beras yang mencukupi adalah sangat penting untuk mencapai keterjaminan makanan di Sarawak.

A HISTORIC LEAP IN EDUCATION AND HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

The Premier's 2026 Budget marks a New Chapter not only in Sarawak's education history but in our country.

(a) Free Tertiary Education in Sarawak, the first in Malaysia

Beginning in 2026, all Sarawakian students enrolled in state owned universities will study for free under the RM250 million Free Tertiary Education Scheme (FTES). This is truly transformative. Never again will a young Sarawakian's future be limited by financial circumstances. Access to higher education will now be determined by merit, ability and aspiration.

The GPS Government is committed to producing a more highly education generation of Sarawakians. Therefore, it is essential for our school teachers to place strong emphasis on STEM and TVET at the primary and secondary school level. Sarawak needs a large pool technically skilled professionals to meet the demands of PCDS 2030 and to propel us toward becoming a fully developed and progressive region.

(b) Support for Students

Sarawak Government is giving a very strong support for the students abroad:

- (i) RM30.5 million for free laptops;
- (ii) RM2 million for book vouchers;
- (iii) RM60 million for living assistance for university students;
- (iv) RM8 million for i-GPS flight subsidies. At this moment 117,000 trips subsidized so far; and
- (v) RM20 million for SEEP tuition for SPM students.

(c) TVET for the Future

- (i) RM96.2 million to strengthen TVET institutions; and
- (ii) RM18 million for SMD Semiconductor, making Sarawak a semiconductor hub.

Through significant investment in education, Sarawak demonstrates its firm resolve to cultivate a workforce that is highly skilled, global competitive and equipped for the future. With merely five years remaining until PCDS 2030, this commitment becomes even more vital for *Sarawak Maju Makmur* and high-income state.

TURNING SARAWAK INTO A REGIONAL ECONOMIC POWERHOUSE

The Budget clearly positions Sarawak as a future regional economic hub through:

Investment and Industry Development

- (a) RM58.2 million for industrial parks in Kuching, Sibu, Lawas, Limbang, Kapit, Bau, Sebuyau, and Samalaju;
- (b) RM21 million for Sarawak Trade and Tourism Offices in Singapore, Brunei and Pontianak; and
- (c) RM6 million for trade and investment missions.

Support for SMEs

- (a) RM31 million for Micro SME development;
- (b) RM20 million for SME upskilling; and
- (c) RM9.6 million for 16 Anjung Usahawan Centres.

These allocations give Sarawak entrepreneurs the tools to rise, thrive and become competitive players in the region. Peruntukan besar ini membawa mesej jelas bahawa Sarawak sedang bergerak daripada ekonomi tempatan kepada ekonomi serantau dan seterusnya ekonomi global. Ia akan merencanakan aktiviti perdagangan antarabangsa, menarik masuk pelaburan bernilai tinggi, mencipta pekerjaan berkemahiran tinggi, mengembangkan industri serata melalui Sarawak, memperkasakan SMEs sebagai enjin pertumbuhan ekonomi dan menjadikan Sarawak pemain utama ekonomi Borneo dan ASEAN.

Inilah gagasan ekonomi Sarawak yang moden, progresif dan berdaya saing menjelang PCDS 2030. Dalam kerancangan kita untuk mencipta nama di peringkat antarabangsa dan global, kita tidak melupakan anak-anak tempatan. Dengan peruntukan yang besar untuk SMEs ini, usaha untuk memberi bimbingan, latihan dan bantuan usahawan juga sangat diperlukan khasnya kepada usahawan-usahawan muda di luar bandar. Pemberian modal dan subsidi mikro kepada mereka ini harus diteruskan termasuklah memperkasakan perniagaan dalam talian melalui pelbagai media seperti *TikTok Shop*, *Facebook Online* dan pelbagai lagi yang boleh meningkatkan pendapatan isi rumah.

ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY AND CLIMATE PREPAREDNESS

This Budget places Sarawak at the forefront of climate governance in Malaysia. The Key initiatives for this include:

- (a) RM3.4 million for climate change roadmap;
- (b) RM7 million for net zero strategy and carbon plan;
- (c) Introduction of Carbon Levy in 2026 - a new revenue source while driving decarbonisation;
- (d) RM30.73 million for Sustainable Environmental Management; and
- (e) RM62 million to strengthen Sarawak Forestry Corporation.

Sarawak is taking bold steps toward becoming a renewable energy and green economy leader by expanding hydropower, investing in solar and hydrogen technologies and driving major initiatives under PCDS 2030. These strategic efforts strengthen energy security, attract green investments and position Sarawak as a rising powerhouse for clean energy in the region.

The allocation of RM30.73 million for Sustainable Environmental Management reflects Sarawak's firm commitment to protecting our natural environment while supporting long-term development. This provision is highly significant because it strengthens the state's capacity to manage environmental challenges through planned, systematic and science-based approaches.

This allocation directly supports the vision outlined in the Sustainable Resources and Waste Management Bill, 2025 that was approved in this august House recently, which emphasise proper waste management and waste segregation, efficient transportation of waste, sanitary landfills, introduction of incinerators and responsible disposal practices including the transformation of waste into wealth and energy. It is a strategic investment to operationalise a cleaner waste management, strengthen enforcement, improve sanitary landfill systems, protect public health and support Sarawak's transition into a modern green economy. It ensures that the principles debated to the Sustainable Resources and Waste Management Bill, 2025 will become real and effective actions on the ground.

If we are truly serious about recycling our waste, then we must be sincere and consistent in our approach. There is no point in segregating rubbish at home if only one compactor truck comes to collect it and mix everything together again. When all types of waste end up compacted in a single truck, it defeats the purpose of recycling and ultimately increases the burden to our sanitary landfill.

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENTS

This is very important, Tuan Speaker. In 2026 Budget, continue to be rural-biased budget in an effort to narrow the urban-rural development gap. A total of RM9.30 billion was proposed for Development Expenditure and off this amount, RM6.1 billion is dedicated to rural development. This allocation reaffirms Sarawak unwavering commitment to reach corner of Sarawak to ensure no one is left behind. Opar deserves a fair share of this proposed budget. There are three roads that need urgent attention from the Government.

(a) Jalan Kampung Pasir Tengah

There is an urgent need to upgrade this Jalan Kampung Pasir Tengah into an R2 JKR Standard Road covering a distance of 5 kilometres with the budget estimates total to RM60 million.

(b) Jalan menuju dan dari Jambatan Selampit

First of all, I would like to thank the government and the JKR Headquarters as the implementation agency, for the construction of Selampit Bridge, a long-awaited bridge in Lundu. Akhirnya, berakhir juga lagu Tragedi Oktober dua tahun lalu. Road access to and from the Selampit Bridge, urgently requires the government's attention. This stretch spans 1.8 kilometres, with an estimated JKR cost of just RM22 million.

(c) Jalan Selampit Bitokan

The upgrading of Selampit Bitokan Road is urgently needed to resolve frequent flooding and worsening road conditions that have long affected transportation, safety, and local economic activities. With traffic increasing and the Selampit Bridge nearing completion, this road will become the main link connecting Selampit, Kampung Kendaie, Kampong Pasir Hilir, Kampong Bukit Batu, Kampung Bitokan, neighbouring plantations, schools and other government facilities to the Pan Borneo Highway. The project involves upgrading approximately 5.5 kilometres of road to JKR R2

standards, ensuring a safer and more reliable route for the communities that depend on it. Estimated JKR cost is about RM66 million.

Greater Kuching Coordinated Development Agency (GKCDA)

Tuan Speaker, for other infrastructure developments in Opar, I would like to express my sincere appreciation to the Yang Amat Berhormat Premier for establishing the Greater Kuching Coordinated Development Agency (GKCDA), which has provided an effective platform for Kuching and Serian Divisions. Through GKCDA, I have been able to accelerate the delivery of much-needed basic infrastructure in Opar. This includes the construction of agricultural roads, gravity-feed water supply systems, community halls, *balai raya*, futsal courts, football field, road premixing up to village households, drainage systems, and many other essential facilities for the peoples in Opar. Thank you, Yang Amat Berhormat Premier.

Timbalan Speaker: Yang Berhormat, can you wind up please.

YB Encik Billy anak Sujang: Okay, you give me one more.

Timbalan Speaker: One more minute, I pity you, you know, through your 100 metres speech.

YB Encik Billy anak Sujang: Okay. *(Laughter)*

Timbalan Speaker: One more minute, okay?

YB Encik Billy anak Sujang: Okay, okay. I just read this. Okay, number seven. I go to number seven. A budget focused for people, prosperity, and future readiness. This budget fulfils five goals, transforming Sarawak into a higher income economy, strengthening social well-being, securing long term financial stability, positioning Sarawak as a regional economic powerhouse, advancing renewable energy and green development. This budget is a bold, prudent, and visionary financial plan that truly leaves no one behind, regardless of whether they live in urban or in rural communities.

Whether they are young or old, everyone is included, everyone is valued. Our government officers have demonstrated outstanding dedication in carrying out their duties, contributing immensely to the excellence and integrity of Sarawak Government. The *Ketua Masyarakat* recently had 400 allowance increase, and the councillors have 1,000 allowances. This enhancement is a recognition of their service to the council and the state. Indeed, I read this *pantun*, Tuan Speaker:

*Pohon meranti tegak berdiri,
Akar menghujang, kuat bersemi;
Negeri maju, rakyat diberi,
Berapa bulan bonus ramai menanti.*

As we are approaching the completion of the seating, I am confident that the Right Honourable Premier in his closing remarks will bring encouraging news for our hardworking government servants that have lift up Sarawak into a greater height. Sama-samalah kita tunggu sehingga hari terakhir sesi perbahasan, kali *tok* berapa yang Tok Nan, berapa *ketek* Tok Nan akan bagi... *ehh Tok Nan, Abang Jo* akan bagi, *sorry*, berapa *ketek* Abang Jo akan beri... marah anak *Tok Nan* sebelah aku. And for us the electorate representatives, Tuan Speaker, we humbly hope that the Right Honourable Premier will consider increasing our MRP or Special Project Allocation to RM3 million, given the rising cost of the material and impact of service and tax on project implementation.

For conclusion, the Supply (2026) Bill, 2025 is not just about numbers, it is about the future of Sarawak, a future that is prosperous, inclusive, and resilient. With strong economic fundamentals, target social programmes, visionary education reform and bold steps towards environmental stability, this budget lays the corner stone for a new era of Sarawak.

Memandangkan tahun 2025 hampir melabuhkan tirainya, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada semua rakan-rakan taulan dan sahabat handai yang beragama Kristian. Selamat Tahun Baru 2026 bagi semua yang mendengar dan mengikuti perbahasan ini. Semoga kita semua terus diberkati dengan kesihatan yang baik, maju makmur, Sarawakku sayang. With that, Tuan Speaker, I proudly support the Bill. Thank you.

Timbalan Speaker: Thank you, Yang Berhormat. That is quite a fast-tracked speech. Congratulations. Yang Berhormat Padungan, please.

YB Encik Chong Chieng Jen: Thank you, Tuan Speaker. Tuan Speaker, I hope you will give me more time because there's only two of us in the opposition in this House. And there are so many issues of the *rakyat* which we need to bring up, which will not be spoken of by the GPS Backbencher because they might be hurtful to the ears of the administration.

State Government spends RM9.3 billion more than its revenue in 2025

Budget 2025, when proposed in this House on 11th November 2024, projected a government revenue of RM14.2 billion, an expenditure of RM13.7 billion. On Monday, we were informed by the government that the government will not be able to achieve the projected RM14.2 billion revenue target this year and has thus revised its projected revenue collection for 2022 to RM12.1 billion.

On the other hand, the projected expenditure of the government for the year 2025 has been revised upward to RM14 billion. When the revenue reduced, expenditure increased. Therefore, for the year 2025 what was initially projected to be a surplus of RM486 million turned out to be a deficit of RM1.9 billion.

This deficit did not even take into account the off-balance sheet spending under the pretext of Alternative Funding Initiative, which saw the Sarawak Government spending an additional RM7.4 billion for the year 2025. In actual fact, the balance sheet deficit of RM1.9 billion plus the off-balance sheet of RM7.4 billion, Sarawak Government is spending a total of RM9.3 billion in excess of its revenue for the year 2025.

*With RM26 billion of spending on loans in four years,
what is the total debt of the State Government?*

Total off-balance sheet Alternative Funding Initiative for the year 2026, as mentioned by our Yang Amat Berhormat the Premier amounted to an approximate sum of RM5.2 billion, namely:

- (a) RM13 million for preliminary works to expand Yayasan Sarawak International Secondary School campus to Bintulu and Miri.
- (b) RM3.22 billion for major road infrastructure works.
- (c) RM402 million for upgrading and replacement of water pipelines programme.
- (d) RM153 million for rural electrification project.
- (e) RM1 billion for autonomous Rapid Transit Infrastructure and System, ART system.
- (f) RM450 million for the smart tower projects and the MSRBN initiative.

When the Premier represented that the 2026 budget is estimated to have a surplus of RM144 million, he did not include the RM5.2 billion estimated spending in 2026, which was under the, which will be financed under the Alternative Funding Initiative. Basically, this Alternative Funding Initiative is for the government to spend on borrowed money and not provided in the budget.

If you were to take into account the spending under Alternative Funding Initiative, for the year 2026, the State Government will be spending RM5 billion in excess of its revenue for the year 2026.

Likewise, Tuan Speaker, since year 2023, the State Government has spent in total RM21 billion under this Alternative Funding Initiative which was not reflected in the Expenditure Item under

the Financial Statement of the government, that was for the year 2023, 2024, and 2025. They are all spending on borrowed money. Plus, the estimated spending for the year 2026 which is RM5.2 billion, all in the government will be spending RM26 billion on Alternative Funding Initiatives. My questions:

- (a) How much in total has the government borrowed to sustained such extra-ordinary of Balance Sheet Expenditure over and above the Approved Expenditure of the annual Budgets?
- (b) How much is the interest charged on these loans taken up by the State Government?
- (c) How much is the annual repayment amount for these loans?

Influx of China contractors and companies threatening the Survival of local SMEs

The huge influx of China contractors and companies has posed stiff competition and even threaten the survival of local companies, especially those SMEs in the construction sector.

In the last few years, the State Government has engaged numerous China companies and contractors to carry out the construction of bridges, roads, dams and electricity transmission line projects including the ART project. These China companies and contractors not only earned the lion share of the government's allocations for these projects, they also directly import substantial workers, equipment and building materials for the projects.

As a result, many local small and medium contractors and hardware businesses could not partake in the development projects and the government allocations therefor. I was also informed that some of these Chinese contractors and companies openly flouted our laws and regulations relating to the construction industry, for example:

- (a) Many of the trucks used for the construction of the ART project in Kuching do not possess the permits of *Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP)*.
- (b) The hoarding erected by the ART contractor does not conform to the standards imposed by the CIDB.
- (c) The contractors of Sarawak Energy Berhad (SEB), namely, Shanghai Electric Power T & D (M) Sdn. Bhd. and XD Power Transmission (M) Sdn. Bhd. have brought in from China their own safety personal protective equipment (PPE) which do not adhere to the standards set by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH).

I urge that the JKR and SEB to investigate and verify on these complaints. I also urge the government to impose and enforce the same set of laws and standards on these foreign contractors. There should also be emphasis on more substantial local participation and supplies in all government procurements, especially for our local small and medium enterprises.

Variation of Government Contract Prices Needed to help local Contractors after the Strict Enforcement of Lorries' Permitted BDM

Recently, the Ministry of Transport has enforced on the strict compliance of permitted loads for trucks. As a result, a truck load of sand and gravels which could previously be transported by one trip now needs to be transported in 2 trips or 1½ trips. As a result, the costs of building materials, sand, gravels and concrete premix will inevitably increase by approximately 30%.

The strict enforcement of the permitted load (*Berat dengan Muatan (BDM)*) of trucks is necessary for public safety and the sustainability of the transport industry, and many, I know, truck owners and operators have also taken the necessary measures to comply.

However, due to the inflationary pressure on such strict enforcement of BDM on the price of building material, it is the appeal of the operators and those having existing construction contracts with the government, in particular, JKR, to allow for upward variation of prices in respect of the items affected by the strict enforcement.

It is also the appeal of the industry that JKR Sarawak do promptly consent to the increase of permitted BDM for lorries in Sarawak. The current BDM allowed by the JKR Sarawak was set decades ago. Now that Pan Borneo Highway is almost completed and most of the main roads in Sarawak are of a higher quality than 30 years ago, it is high time that JKR to consent to the increase the BDM for trucks in Sarawak.

Annual Stipend of RM15,000 should be for all undergraduate students from B40 families regardless which university they are studying

We welcome the implementation of the Sarawak Free Tertiary Education Scheme (FTES). However, on the annual stipend of RM15,000 per student to the ones who come from B40 families, by confining such annual stipends to only those students studying in the four Sarawak state-government-owned universities, the government has literally excluded and neglected the financial needs of the B40 students from UNIMAS, UiTMs and other colleges.

Though the Federal Government does subsidise 90% of the tuition fees of the students studying in UNIMAS and UiTM and all other public universities, for those students coming from B40 families, the accommodation and living expenses are also as much a financial burden to them as those students studying in the Sarawak state-government-owned universities.

Therefore, I call upon the government to treat all Sarawakian university undergraduate students from B40 families, equally, regardless whether they are studying in the four Sarawak state-government-owned universities or UNIMAS or UiTM or any public universities in other states of Malaysia as well as private universities in the country, and do give an annual stipend of RM15,000 to all who are equally in need of such living assistance fund.

Issue six, Tuan Speaker, gambling and drug abuse. Gambling and drug abuse are rampant in Sarawak. It is hurting our economy; it is killing our younger generation. We have Sarawak State Security Council which is chaired by the Yang Amat Berhormat the Premier. We have also Sarawak Security Enforcement Unit, which take care of the security and safety issues. Up to today, there are still a lot of illegal outlets operating under disguise of coffee shops and convenience stores. Operating as illegal gambling, online gambling outlets. These outlets were approved, were given licenses to by the local councils. But in actual fact, everybody knows that they are operating at illegal online gambling outlets. I welcome the statement by our commissioner of police, saying that if there is any illegal gambling outlets, he will personally go and catch the culprit. But, we have yet to see the result. And I hope Yang Amat Berhormat, Sarawak State, the chairman of the being Sarawak State Security Council was bulk up and perform his duty and eliminate all these bad elements and social ills and devices in our society.

Kampung Bumbok Kuching football field

Tuan Speaker, early this year, I have secured an allocation of approximately RM100,000 from the Kementerian Sukan dan Belia, the Federal Ministry of Youth and Sports to upgrade and refurbish the football field at *Kampung Bumbok*, Kuching. The implementation agency appointed by the KBS was Padawan Municipal Council. But when the allocation was about to be released, suddenly Padawan Municipal Council called up the KBS officer and informed that the Padawan Municipal Council does not wish to undertake to implement the project. I do not know why. I do not know why. When there is an allocations that was approved, and to be disbursed but Padawan Municipal Council called up the Kementerian Sukan dan Belia and turned down, rejected the allocation. I hope that the local government, Minister of Local Government can give us explanation as such the allocation was not disbursed and the folks at Kampung Bumbok has to no new upgraded football field to enjoy.

Gender Equality and Women Empowerment – one of the SDGs

The next issue that I wish to speak about is under one of our Sustainable Development Goal (SDG). One of which the Sustainable Development Goal is, I see, *ya*, is Gender Equality and

Women's Empowerment. Tuan Speaker, Gender Equality and Women's Empowerment. I know that we have three city administrations, four municipal councils and 22 district councils. The Mayor, the Chairman of the municipal council, the Mayor of the city council, city administration and the district, the DO, district officer of the district councils, all but one of them are men, only one woman, seating on the as a district officer of a district council that is Subis District Council. Are women so incapable of holding the post of Mayor, or Chairman of municipal councils or district officers? The target should be 30% target for women participation but here we have out of the 26,27,28,29 councils, city councils, municipal councils, district offices. All of the 29, only one woman is appointed to head that organisation. I believe that is not in line with the Gender Equality agenda of under the SDG and I hope that the administration can look into that and appoint more women to chair or to head these District Councils, or Municipal Councils. Last...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Ahli Yang Berhormat, your time is up.

YB Encik Chong Chieng Jen: Last, last issue.

Timbalan Speaker: Okay.

*Payment by Government for construction work done very slow,
on average, six months to a year.*

YB Encik Chong Chieng Jen: Last issue, Tuan Speaker. I received complaints from many contractors that the payment by the Sarawak State Government for construction work done is very slow nowadays, and then on average it need they need to wait six months to a year to receive payment for their progressive claims.

Tuan Speaker, by delaying the payments on their claims, the government were invariably delay the construction work and the progress of the contractor's work. And there is a Chinese saying goes that "*you yao ma er pao, you yao ma er bu chi cao*". How can that be? You want the horse to run and yet you don't feed the horse. So that cannot be, so my question to the government is there a short, is there some liquidity problem on the part of the Government, that the State Government...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Yang Berhormat, you have any specific...*(Interruption)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: *(Continue)*...on the part of the State Government?

Timbalan Speaker: Specific, what you called, answers?

YB Encik Chong Chieng Jen: I, I, there is no specific but is a general, that is why I said, I received a lot of complaints from the contractors that this is a, that the State Government...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Maybe you have to start change sheet, at least.

YB Encik Chong Chieng Jen: Okay...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: One or two pages.

YB Encik Chong Chieng Jen: One specific, one specific example, here, there is a claim by a contractor, the, in respect of the upgrading of Jalan Baru Matang Phase 2 Project. The contractor is Embun Pelangi Sdn. Bhd. You want specific. The matter has been referred to both sides; agreed to refer to arbitration - AIAC. Now the only requirement now is the payment of deposit, payment of deposit for the arbitrator, less than RM50,000, and yet (JKR) could not come up with the RM50,000 for two years. That arbitration proceeding could not commence for two years, JKR cannot come up with the money? The deposit RM50,000, less than RM50,000 and that the end of the day, the contractor have to pay the deposit to JKR in advance and... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: *(Inaudible)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: How could that be? How could that be? So, is that my question is, my question is, is there some liquidity problem, subtle by, experience by the Government of Sarawak so much so that, if for a matter that goes to arbitration...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: That...*(Interruption)*

YB Encik Chong Chieng Jen: The Government still not come out with...*(Interruption)*

Timbalan Speaker: The last statement, I think is quite ...*(Interruption)*

YB Encik Chong Chieng Jen: Which?...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Extraneous. Extraneous because just for one instant like this you just can't give it as a statement...*(Interruption)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: You want specific case...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: I know, you cannot...*(Interruption)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: That is a specific case...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: You cannot say about liquidity problem be like, yet...*(Interruption)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: Ya, about two years. Less than RM50,000.00...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: It is too generalized...*(Interruption)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: Deposit you can't, you can't...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: I can't leave that question to the Minister whoever to answer...*(Interruption)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: Ya, Tuan Speaker. I am directing the question to the Minister...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Okay...*(Interruption)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: But Tuan Speaker, you want the answer...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: But that last statement...*(Interruption)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: Tuan Speaker...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Is too general...*(Interruption)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: Never mind. I will urge the Sarawak State Government to look into the payment issue, the delayed payment issue for the contractors and to speed up the payment for their progressive claims on Government project. Tuan Speaker, thank you for giving me extra time.

Timbalan Speaker: This is to show the Opposition that we have the resolve to ensure everything is fair and square, right? Okay, so that you don't make any complaints anymore about that. Thank you. Ahli Yang Berhormat for Tebedu, please.

YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada: Terima kasih, Tuan Speaker. Selamat tengah hari, Salam sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur, Salam Segulai Sejalai. *“Indi Awang Indi Aseng, Mancang Tebedu Mancang”*.

Tuan Speaker, kita ada satu rombongan seramai 43 orang ketua kaum dan ketua masyarakat dan tujuh orang belia didatangi dari Tebedu menghadiri dan menyaksikan mesyuarat DUN kita pada kali ini. Mereka berada di galeri awam di atas. Selamat datang dan terima kasih kerana sudi datang.

Tuan Speaker, my immense and utmost gratitude to you, for the opportunity granted. Representing the people of N.21 Tebedu, allow me to participate in the debate on Supply (2026) Bill, 2025 that was successfully tabled by the Right Honourable Premier of Sarawak which happen to be the Minister of Finance and New Economy and the Member for DUN N.26 Gedong who presented the Bill on the 25th November 2025 in this august House.

Before I move to the subject matter, I would also like to congratulate the Right Honourable Premier for his sterling, visionary and excellent leadership that gain him the special award. The Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star, from the Emperor Naruhito of Japan at the Imperial Palace to honour his efforts in fostering international goodwill, acknowledges our Premier's contribution to strengthening bilateral relations between Japan and Malaysia, as particularly Sarawak and his great advancement in the field of renewable energy like hydrogen and ammonia, forest conservation, promoting academic and youth exchanges efforts.

Let me also congratulate our very able Tuan Speaker, though his not around this afternoon, for his outstanding service and performance and a history making reappointment for an unprecedented 10th consecutive term as Speaker of the Sarawak Dewan Undangan Negeri, indeed, he is a pillar and a bastion of this august House.

Tuan Speaker, the 2026 Budget unveiled by the Right Honourable Premier is a budget with the theme: Empowering People, Advancing Prosperity, Building A Resilient Future is very fitting, relevant and appropriate. It is a budget that Empower Sarawakians from every nook and corner of Sarawak, that will bring and advance the prosperity of the people to ensure a more resilient and a promising future. This is another expansionary broad based People Centric Budget that is committed to champion the welfare of the *rakyat* while not forgetting and ignoring a strong foundation for the state economy to storm and to weather all the uncertainties and challenges in the light of the 2026 global economic outlook.

Bajet Sarawak semakin tahun semakin kukuh. *Nang* jauh daripada tanggapan, kenyataan dan dakwaan pihak pembangkang yang mengatakan Sarawak akan bankrap kalau kita berbelanja dengan cara seperti yang didakwa oleh pihak pembangkang.

Akan tetapi pada hari ini kita melihat dan menyaksikan bahawa kedudukan kewangan kita di atas kepimpinan Yang Amat Berhormat kita, kekuatan dia makin hari makin meningkat.

Tuan Speaker, this expansionary budget covers nine strategic thrusts. I don't have to mention it because I know time is not on my side and not on our side. So, suffice for me to say that we do have nine strategic thrusts.

Tuan Speaker, mewakili rakyat di DUN N.21 Tebedu, izinkan saya untuk menyuarakan aspirasi, impian, kemahuan dan isu-isu yang dihadapi oleh rakyat dan seterusnya menyampaikan prestasi dan pencapaian kemajuan di kawasan saya di Dewan yang mulia ini.

*Pergi kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
DUN Tebedu perlu dijaga,
Rakyat Tebedu sentiasa disantuni.*

Pendidikan dan Pelbagai Pembangunan

Yang pertama, isu dan cabaran di Tebedu. Tuan Speaker, as I was preparing my speech last night, I was struggling on how to approach my Budget 2026 debate. Then suddenly an idea came to my head. I remember a song. The title of the song is "*The Lucky Ones*". It was sung by a father and a son duo. The father, his name is Jim, ehh Tim, and the son's name is Jack, in a talent hunting event, Britain's Got Talent. The song won the golden buzzer from none other than the famous judge, Simon Cowell, not Simon Sinang ya. This song gave me the inspiration and today I am very motivated and inspired to debate.

Tuan Speaker, we are the lucky ones. Bertuahnya kita di Sarawak. Bertuahnya kita di seluruh Sarawak, termasuk kami di Tebedu. Bertuahnya kita yang berbagai bangsa, Bidayuh, Iban, Cina, Melayu, Orang Ulu dan India. Berbagai agama, termasuk Melanau, minta maaf, terima kasih atas *reminder* tadi, Islam, Kristian, Buddha, Hindu yang hidup dalam keadaan aman dan damai dari N.1 Opar, mana kawan saya, sehingga N.82 Bukit Sari, termasuk kami di N.21 Tebedu. Kena sebut selalulah N.21 Tebedu ini.

Kita bertuah kerana telah menikmati pelbagai kemudahan, bantuan dan pelbagai pembangunan yang baik yang disediakan oleh kerajaan kita yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Premier, dipimpin oleh Timbalan-timbalan Premier dan semua anggota Kabinet Kerajaan yang ditubuhkan oleh Gabungan Parti Sarawak.

Kita di kawasan DUN N.21 Tebedu, kampung-kampung dapat dihubungi dengan kemudahan jalan raya yang baik. Terima kasih. Rumah kita diterangi dengan bekalan elektrik yang juga dibekalkan dengan air bersih terawat. Anak-anak dapat ke sekolah tanpa kerisauan kerana hampir setiap kampung ada sekolah rendah. Anak yang dapat melanjutkan sekolah ke tiga buah sekolah menengah iaitu SMK Tebedu, SMK Tae'e dan SMK Tebakang. Bila mereka sakit, mereka boleh mendapat rawatan di Klinik Kesihatan Tebedu dan Klinik Kesihatan Bunan, Tebakang dan boleh juga terus ke Hospital Serian.

Tuan Speaker, semua kemudahan asas ini sudah ada disediakan. Terima kasih. Terima kasih kepada kerajaan.

Untuk mempercepatkan pembangunan di Tebedu, kita sangat bertuah, kita sangat beruntung kerana kita telah diberi peruntukan yang begitu besar, begitu banyak sekali melalui *Greater Kuching Coordinated Development Agency*. Pelbagai projek-projek pembangunan yang bernilai sebanyak RM150 juta telah dirancang dan akan memberi manfaat dan keuntungan kepada rakyat di kawasan Tebedu.

Oleh yang demikian, saya berharap, disaksikan oleh ketua masyarakat di atas, agar rakyat di kawasan DUN N.21 Tebedu pandai mengambil dan menggunakan peluang-peluang yang ada untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi mereka.

Melalui peruntukan GKCDCA ini kemudahan infrastruktur dan prasarana seperti jalan-jalan pertanian dibina untuk membantu para petani, penanam lada, getah dan kelapa sawit dengan bantuan khidmat teknikal dari jabatan pertanian dan jabatan-jabatan yang berkaitan. Kejayaan ini sudah pasti tidak akan tercapai sekiranya tiada sokongan dan kelulusan peruntukan daripada Yang Amat Berhormat Premier.

Tuan Speaker, pendidikan adalah senjata ampuh yang boleh digunakan untuk mengubah sesebuah negara. Ini adalah kata-kata hikmah dari seorang pemimpin terkemuka yang bernama Mr. Nelson Mandela, "*Pendidikan boleh memusnahkan kemiskinan, kemunduran, kepapaan, kesengsaraan, kefakiran dan kepapaan*".

Di Tebedu, Tuan Speaker, kita ada 23 buah sekolah rendah dan tiga buah sekolah menengah. Kita tahu sekolah ini adalah institusi penting dalam usaha kita untuk membangunkan modal insan dan mendidik generasi baru yang akan mewarisi negara kita.

Menyedari hal ini, Yang Amat Berhormat, selaku Menteri Kewangan telah mengumumkan pelbagai insentif dan skim galakan kepada para pelajar untuk memartabatkan program pendidikan melalui 10 inisiatif seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan tahun 2026.

*Masalah Internet Lemah dan Tidak Stabil,
Bekalan Air Terhenti Disebabkan Bekalan Elektrik yang Terputus*

Tuan Speaker, seterusnya, saya ingin membawa Dewan ini ke kawasan kita di Tebedu. Sebentar tadi, rakan saya dari Kalaka selalu *nyebut* Saratok, Saratok *ajak*. Masalah apa? Masalah bekalan elektrik. Masalah bekalan elektrik, selalu *blackout*, Tuan Speaker. Saya rasa ianya berlaku di kawasan-kawasan rakan-rakan saya yang lain juga. Kita tahu Kerajaan Sarawak telah cuba sedaya upaya untuk memberi bekalan elektrik yang baik. Akan tetapi, kita masih menghadapi masalah *blackout*, ya, atas sebab yang pertama, wayar *kenak timpak*. Bila *ditimpak*, tiang elektrik tumbang. Maka, timbullah masalah *blackout*, *transformer kenak curik*, *belum disebut agik ya*, banyak lagi perkara-perkara lain.

Akan tetapi, saya menyeru di Dewan ini, Tuan Speaker, supaya pihak SEB, pihak SESCO dan kontraktor-kontraktor yang dilantik untuk sentiasa turun ke padang, melihat, memantau dan mengenal pasti mana pokok yang harus ditebang, mana dahan yang harus dicantas, supaya masalah *blackout* ini dapat diatasi dan dapat membantu anak-anak kita supaya mereka dapat menikmati bekalan elektrik yang berterusan, supaya mereka dapat menikmati perkhidmatan internet yang tidak terputus-putus dan juga dapat menikmati bekalan air secara berterusan.

Bekalan Air Terawat

Tuan Speaker, seterusnya, saya ingin nak bawa satu lagi masalah, masalah bekalan air terawat. I hope you can give me another three minutes, Tuan Speaker...*(Inaudible)*... *Satu minit*, okay, one minute, that would be good enough.

Di Tebedu, tahun lepas, saya ada menyuarakan masalah bekalan air terawat di sepanjang Jalan Baki Riih, masalah yang tidak berkesudahan. Akan tetapi, semalam, kita telah diberitahu oleh pegawai JBALB dalam Mesyuarat *Divisional Development Programme* kita, kita telah diberitahu bahawa ada satu rancangan untuk mengatasi masalah ini. Thank you very much, JBALB. Thank you very much, Menteri Utiliti.

Ketua Masyarakat dan Ahli Majlis

Dan seterusnya, perkara yang seterusnya yang saya ingin sampaikan, dua tiga tahun yang lepas, saya sentiasa menyuarakan masalah KMKK. Dalam belanjawan yang lepas, kita telah diberi satu berita yang sangat baik, diberitahu satu berita yang sangat baik, iaitu bahawa Yang Amat Berhormat, sebagai Ketua Menteri, sebagai Menteri Kewangan, sudah menunaikan hasrat, hajat, impian ketua kampung, ketua masyarakat dan juga ahli majlis yang mana elaun mereka telah dinaikkan sebanyak RM400 untuk ketua kampung dan ahli majlisnya kita sudah dinaikkan sehingga RM1,000 bersama dengan elaun kesihatan sebanyak RM1,000 setahun. Dan, ini merupakan satu berita yang sangat baik kepada kita di Sarawak.

Penyakit Berjangkit – Tuberkulosis, JE dan Denggi

Tuan Speaker, perkara yang seterusnya, kita ada masalah penyakit berjangkit di Serian dan saya berharap Jabatan Kesihatan, Jabatan Veterinar, Pejabat Residen, Majlis Daerah Serian dapat

mengenal pasti kenapa masalah ini berlaku, kenapa penyakit ini terjadi dan cuba mencari cara-cara untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Dan Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, izinkan saya untuk mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada semua umat Kristian di Dewan yang mulia ini, di seluruh Sarawak dan di seluruh Malaysia. Selamat Tahun Baharu kepada semua. May God bless us and may God bless Sarawak.

In conclusion, together with other fellow members in this august House, Tebedu fully support the Supply (2026) Bill, 2025 because it is a testament to the GPS's unparalleled commitment to build a brighter Sarawak that is resilient, harmonious, inclusive, and fair to all races, creed, and colour. With that, thank you very much, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Thank you, Yang Berhormat Tebedu. Next, I would like to call Yang Berhormat Ngemah, please.

YB Encik Anyi anak Jana: Selamat petang, Salam sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur. Sebelum berbahas, saya mengalu-alukan kedatangan 25 orang KMKK dan *councillors* dari DUN N.49 Ngemah. (*Applause*)

Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan (2026), 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar; merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong pada hari Isnin, 24 November di Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan limpah dan izin-Nya, negeri kita terus dimurahkan rezeki, diberikan kesihatan yang baik dan keharmonian rakyatnya yang berkekalan. Semua ini pastinya tidak diperolehi dengan jalan pintas tetapi ia dicapai hasil berkat kepimpinan Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg Premier Sarawak atas kebijaksanaan, komitmen yang tinggi dan kepimpinan yang cemerlang oleh beliau serta barisan kepimpinan Kabinet Sarawak.

Tuan Speaker, pembentangan Bajet 2026 oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak yang bertemakan "*Memperkasakan Rakyat, Memacu Kesejahteraan, Membina Masa Depan yang Berdaya Saing*" adalah berfokuskan kepada pembangunan moden dan penyediaan infrastruktur yang memberi impak positif kepada rakyat dan wilayah Sarawak. Belanjawan 2026 yang berjumlah RM12.91 bilion daripada unjuran hasil berjumlah RM13.05 bilion dengan lebih pendapatan berjumlah RM144 juta.

Daripada bajet tersebut, RM5.6 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus, manakala RM7.3 bilion pula diagihkan bagi peruntukan Akaun Dana Pembangunan. Pembentangan Bajet 2026 ini mencerminkan keyakinan kerajaan bahawa aset utama bagi pembangunan Sarawak ialah rakyat dan peranan kerajaan adalah memperkasakan setiap rakyat Sarawak, sama ada di bandar dan luar bandar. Rakyat Sarawak pasti bertuah kerana mempunyai pemimpin yang berpandangan jauh, berjiwa besar, prihatin dengan keperluan rakyat di samping tegas dalam memperjuangkan hak-hak Sarawak khususnya yang melibatkan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Bajet yang berasaskan keperluan rakyat ini dengan penekanan kepada pembangunan seimbang, khasnya bagi kawasan bandar dan luar bandar dinanti-nantikan oleh semua rakyat Sarawak. Belanjawan 2026 yang berpaksikan sembilan teras strategik, pembangunan mempunyai hala tuju yang jelas dan pastinya menjadi harapan kita agar semua perancangan, pelaksanaan program dan projek dapat dilaksanakan secara teratur dan mencapai sasaran Sarawak menjadi wilayah yang maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Mewakili kawasan luar bandar seperti DUN N.49 Ngemah, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak atas penekanan dan kerja keras beliau dan barisan kabinet yang sentiasa memberi keutamaan dan merapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Pencapaian dalam penerokaan teknologi tenaga baru, tenaga hijau dan ekonomi rendah karbon yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Premier telah mendapat perhatian dan penghargaan daripada negara luar apabila kerajaan Jepun telah menganugerahkan *the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star* kepada beliau. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier atas pencapaian dan penganugerahan tersebut.

Tuan Speaker, mewakili penduduk di kawasan luar bandar khususnya DUN N.49 Ngemah, kita berharap agar beberapa inisiatif dalam sembilan teras strategik pembangunan dan rancangan pembangunan kerajaan turut disalurkan dan dinikmati rakyat di kawasan DUN N.49 Ngemah.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Bagi pembangunan infrastruktur, beberapa projek pembangunan seperti berikut adalah perlu diberi perhatian sewajarnya:

- (a) Mempercepatkan pembinaan Feri Ram SEDAYA.
 - (i) Projek ini telah dikategorikan sebagai '*projek sakit*' sebelum ini dan tidak dapat disiapkan mengikut jadual pelaksanaannya.
 - (ii) Projek ini telah ditender semula dengan bajet berjumlah RM10.24 juta di mana tempoh pembinaannya bermula pada 10 Jun 2025 dan dijangka siap pada 11 Jun 2026. Adalah menjadi harapan rakyat DUN N.49 Ngemah agar projek ini dapat disiapkan mengikut jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan.
- (b) Menaik taraf Jalan Nibong Tada, Jalan dari Simpang SMK SEDAYA ke Pangkalan Feri ataupun tapak SMK SEDAYA Lama.
 - (i) Jalan ini perlu dinaik taraf terlebih dahulu sebelum operasi perkhidmatan Feri SEDAYA dibuka untuk kegunaan orang ramai.
- (c) Mempercepatkan kerja-kerja pembinaan projek Jalan Nanga Ngungun/ Nanga Nirok/ Nanga Jagau mengikut jadual pelaksanaannya.
 - (i) Jalan ini terbahagi kepada tiga pakej, iaitu:
 - (1) Pakej A: Menaik taraf Jalan Nanga Ngungun/ Nanga Bat dengan kos siling berjumlah RM50,000,000.
 - (2) Pakej B: Membina Jalan Nanga Bat/ Nanga Pra.
 - (3) Pakej C: Membina Jalan Nanga Pera/ Nanga Jagau dengan kos siling berjumlah RM108,000,000.
 - (ii) Diharap agar projek pembinaan jalan yang berstatus lewat jadual kerana perlu dilakukan *Notice of Change (NOC)* dapat disiapkan bagi merencanakan pembangunan di kawasan Sungai Ngemah.
- (d) Membina Jalan Nanga Dap/ Nanga Ngemah/ SPS Nanga Ngungun.
 - (i) Cadangan membina jalan baru dari SPS Nanga Ngungun ke Rh. Suzusie Lily, Sungai Baloh bagi jarak 5.5 km dengan kos siling projek berjumlah RM48,731,000.
 - (ii) Cadangan membina jalan baru dari Jalan Nanga Dap ke Rh. Galih/Rh. Manggin, Nanga Buan bagi jarak 11.9 km dengan kos siling berjumlah RM90.09 juta.

- (iii) Apabila kedua-dua jalan ini siap dan bersambung kelak, adalah diharapkan ia dapat menghubungkan kawasan Nanga Dap/Nanga Ngemah/SPS Nanga Ngungun dan pastinya merencanakan pembangunan di kawasan sebelah kanan Sungai Batang Rajang.
- (e) Menyambung Jalan Batu Luking (di kawasan DUN N.50 Machan) ke kawasan Teluk (DUN N.49 Ngemah).
 - (i) Jalan Batu Luking telah lama siap dan jalan ini hanya perlu disambung ke penempatan rumah panjang di kawasan Teluk, Rantau Dilang supaya penduduk di kawasan tersebut dapat diakses menggunakan perhubungan jalan darat.
- (f) Menaik taraf jalan balak dari Nanga Dap/ Nanga Jagau/ Rantau Lugai.
 - (i) Kawasan SPS Nanga Jagau dan Hulu Sungai Ngemah ketika ini hanya bergantung kepada Sungai Ngemah dan jalan balak sebagai penghubung penduduknya dengan masyarakat luar.
 - (ii) Oleh itu, adalah menjadi harapan kita agar jalan balak dari kawasan Nanga Dap/ Nanga Jagau/ Rantau Lugai dapat dinaik taraf bagi kemudahan penduduk di kawasan Hulu Sungai Ngemah.

Tuan Speaker,

**PENUBUHAN AGENSI PEMBANGUNAN MIRRDA
(MID RAJANG REGIONAL DEVELOPMENT AGENCY)**

Mid Rajang Regional Development Agency (MiRRDA) telah ditubuhkan secara rasmi oleh Kerajaan Sarawak pada Julai 2023. Penubuhan agensi pembangunan ini bermatlamat bagi merangka pelan pembangunan di wilayah tengah Rajang atau secara tepatnya di kawasan Parlimen Kanowit dan Parlimen Selangau.

Objektif utama pula adalah untuk menaik taraf sosioekonomi penduduk dan secara tidak langsung membasmi kemiskinan di wilayah tengah Sarawak.

Bengkel mengenal hala tuju dan pelan pembangunan MiRRDA juga telah diadakan. Pelaksanaan bengkel ini turut melibatkan wakil rakyat dari kawasan Kanowit dan Selangau, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Sarawak, ketua-ketua masyarakat dan wakil-wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Melalui pelaksanaan bengkel ini, beberapa cadangan projek pembangunan di kawasan MiRRDA telah dikenal pasti.

Namun demikian, selepas dua tahun cadangan pelan pembangunan bagi MiRRDA belum dapat dilaksanakan sehingga kini. Kita berharap agar Kerajaan Sarawak dapat memberi perhatian dan kelulusan peruntukan bajet mengenai cadangan projek pembangunan di kawasan MiRRDA agar ia dapat memberi manfaat kepada penduduk selaras dengan matlamat penubuhannya. Pelaksanaan projek yang berimpak tinggi seperti cadangan pembukaan ladang kelapa sawit, ladang kopi dan pembinaan jaringan jalan raya yang baik pasti akan meningkatkan sosioekonomi penduduk di kawasan MiRRDA.

Tuan Speaker,

PEMBANGUNAN SKIM PENEMPATAN SEMULA (SPS) RASCOM DUN NGEMAH

Di DUN Ngemah, terdapat tiga buah kawasan Skim Penempatan Semula (SPS) yang ditubuhkan pada tahun 1972, iaitu SPS Nanga Jagau, SPS Nanga Ngungun dan SPS Nanga Tada. Melalui penubuhan SPS RASCOM lebih 50 tahun lalu, penduduk telah dipindahkan ke kawasan

penempatan baru bagi mengekang ancaman komunis, mengawal dan menjaga keselamatan penduduk di penempatan tersebut.

Namun demikian, selepas lebih 50 tahun penubuhan SPS RASCOM (1972-2025), terdapat beberapa perkara yang memerlukan penyelesaian dan perhatian segera daripada Kerajaan Sarawak, iaitu:

- (a) Surat hak milik bagi penempatan rumah panjang di SPS Nanga Jagau, SPS Nanga Ngungun dan SPS Nanga Tada.

Ketika ini, tanah bagi tapak rumah panjang di tiga buah SPS tersebut masih lagi berstatus tanah kerajaan (*state land*). Penduduk di tiga buah SPS tersebut yang terdiri daripada lebih 60 buah rumah panjang ataupun 6,000 orang penduduk mahu agar Kerajaan Sarawak dapat memberikan surat hak milik bagi tapak rumah panjang mereka.

- (b) Menaik taraf klinik kesihatan di SPS Nanga Ngungun

Ketika ini, hanya Klinik Kesihatan Nanga Tada yang telah dinaik taraf dan turut ditempatkan pegawai perubatan bertugas di klinik tersebut.

Klinik Kesihatan Nanga Ngungun wajar diberi perhatian segera dengan menaik taraf dan perlu ditempatkan pegawai perubatan kerana kedudukannya yang strategik dan kepadatan penduduk di kawasan SPS Nanga Ngungun dan kawasan sekitarnya.

- (c) Pembinaan Dewan Serbaguna SPS Nanga Ngungun

Projek ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Premier semasa lawatan kerja ke SPS Nanga Ngungun pada Julai 2021.

Harap kerja-kerja pembinaan Dewan Serbaguna SPS Nanga Ngungun dapat dimulakan segera demi kegunaan dan pelaksanaan program penduduk setempat.

- (d) Pembinaan Stadium Mini di SPS Nanga Ngungun

Ketika ini, DUN Ngemah tidak memiliki stadium mini di mana semua pelaksanaan program yang memerlukan tempat yang sesuai terpaksa dilaksanakan di Kompleks Sukan Kanowit yang terletak di DUN N.50 Machan.

Pembinaan stadium mini di kawasan DUN N.49 Ngemah khasnya di kawasan yang strategik di SPS Nanga Ngungun adalah amat perlu lebih-lebih lagi terdapat dua buah sekolah menengah dan 18 buah sekolah rendah di DUN N.49 Ngemah.

- (e) Membuka penempatan baru di kawasan Skim Penempatan Semula (SPS) kerana penempatan sedia ada sudah terlalu sesak kerana pertambahan penduduk yang sudah masuk generasi ketiga.
- (f) Membina sistem jalan raya yang lebih terancang dan selamat kerana pembinaan penempatan pada tahun 1972 adalah tidak sesuai dengan keperluan pembangunan semasa.

Tuan Speaker,

PEMILIKAN SENAPANG PATAH (*SHOT GUN*)

Senapang patah (*shot gun*) merupakan harta pusaka warisan bagi kaum Dayak dan pewarisnya adalah ahli keluarga yang menjaga bilik utama keluarga. Ketika ini, Kerajaan Sarawak telah memberikan kebenaran senapang patah untuk diwarisi dengan syarat ia telah didaftarkan

semula dan pemohon mestilah lulus tapisan keselamatan dan kesihatan. Kebenaran pemilikan dan diwarisi pula hanya daripada ibu bapa kepada anak lelaki atau anak perempuan sahaja.

Namun yang menjadi persoalan ialah jika penjaga bilik utama ini tidak mempunyai anak atau waris sah, status pemilikan dan warisan bagi senapang patah ini akan menjadi sangat rumit. Oleh yang demikian, kita memohon agar diberi kelonggaran bagi pemilikan dan waris senapang patah juga supaya boleh diwarisi kepada adik-beradik kandung lelaki atau perempuan selain daripada anak lelaki atau anak perempuan sendiri. Selain itu, bagi mengelakkan pertikaian dan perebutan harta pusaka warisan melibatkan senapang patah, Kerajaan Sarawak dipohon agar memberi kelonggaran dengan mewujudkan semula permit ataupun *carry and use*.

Tuan Speaker,

PENDIDIKAN

Mewakili rakyat di DUN N.49 Ngemah, saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan kerajaan dan kecekapan agensi kerajaan yang terbabit kerana membantu membaik pulih beberapa sekolah daif dan meningkatkan prasarana pendidikan di kawasan DUN N.49 Ngemah. Antara sekolah yang terlibat ialah:

- (a) Sekolah Kebangsaan Ulu Bawan yang telah dibaik pulih dengan kos berjumlah RM3,000,000;
- (b) Sekolah Kebangsaan Nanga Pedai yang telah dibaik pulih dengan kos berjumlah RM6,250,000;
- (c) Sekolah Kebangsaan Nanga Tada yang telah dibaik pulih dengan kos berjumlah RM12,000,000; dan
- (d) Sekolah Kebangsaan Rantau Dilang pula dijangka dibina pada tahun depan selepas adanya proses NOC (*Notice of Change*) berkenaan dengan projek tersebut.

Namun demikian, terdapat tiga buah sekolah yang perlu diberi perhatian segera oleh pihak kerajaan, iaitu:

- (a) Sekolah Kebangsaan Nanga Jagau;
- (b) Sekolah Kebangsaan Nanga Nirok; dan
- (c) Sekolah Kebangsaan Nanga Balingiau.

Ketiga-tiga sekolah ini sering dilanda banjir ketika berlakunya hujan lebat. Sekolah-sekolah ini wajar dipindahkan dari tapak asal ke tapak baru yang lebih bersesuaian kerana kerap menghadapi masalah banjir.

Pemindahan sekolah ini ke tapak baru yang lebih sesuai adalah bagi mengelakkan pembaziran kewangan bagi perkara yang sama setiap kali berlakunya musim hujan. Adalah lebih baik kos bantuan dan baik pulih sekolah yang kerap dilanda banjir disalurkan kepada pelaksanaan aktiviti pendidikan yang lebih memberi banyak impak kepada para pelajar...(*Interruption*)...

Timbalan Speaker: Sila gulung, Yang Berhormat.

YB Encik Anyi anak Jana: Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri perbahasan pembentangan 2026 oleh Yang Amat Berhormat Premier, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas yang bakal menjelang tiba kepada semua penganut agama Kristian di seluruh Sarawak.

Maka dengan ini, Ngemah dengan ikhlas dan rendah hati menyokong pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025 oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Ngemah. Seterusnya, dengan hormatnya dipanggil membentang debatnya, Yang Berhormat Tanjong Datu.

YB Encik Azizul Anuar bin Pehin Sri Haji Adenan: Terima kasih, Tuan Speaker, kerana memberi saya peluang untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025. Sebelum saya memulakan perbahasan saya, ingin juga saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak kerana telah dianugerahkan pingat tertinggi "*Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star*" oleh pihak kerajaan Jepun di atas pengiktirafan dan usaha Yang Amat Berhormat Premier di dalam mengembangkan hubungan dua hala di antara Sarawak dan Jepun. Saya masih ingat lagi perkara yang sama pernah dibahas oleh rakan saya dari N.17 Stakan pada persidangan yang lepas, 80 tahun, 85 tahun *dolok*, orang Jepun datang ke Sarawak *ngembak* kereta kebal, *ngembak* senapang, *ngembak* pistol. *Kinek tok sidak agik merik* pengiktirafan dengan kita, *nang steady* Premier kita *tok you, you*.

Tuan Speaker, belanjawan yang baharu saja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier pada hari Isnin lepas, merupakan satu belanjawan yang saya lihat dari pandangan seorang belia, merupakan satu belanjawan yang fokus kepada *Talent Development and/or Human Capital Development*. Ini membuktikan Kerajaan GPS bukan sahaja komited di dalam pembangunan fizikal, infrastruktur seperti jalan raya, jambatan dan sebagainya, malahan kita sekarang ini menuju ke arah pembangunan modal insan dengan melatih anak-anak Sarawak dengan *skill* dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi *workforce* ataupun tenaga kerja bagi menyokong inisiatif-inisiatif moden yang telah dan yang akan diperkenalkan.

Tidak dinafikan bahawa satu hari nanti, semua jambatan dan jalan raya dan kemudahan asas di negeri kita *tok* dapat *udah siap*, dan kita dapat berganjak kepada sebuah wilayah yang membangun menjelang tahun 2030 dan Yang Amat Berhormat Premier yang telah meletakkan batu asas kepada negeri Sarawak untuk melangkah ke era yang seterusnya. Belia seperti kami inilah yang akan melihat hasilnya pada kemudian hari.

Tuan Speaker, jika kita fokus kepada inisiatif *free tertiary education* yang akan diperkenalkan pada tahun hadapan, saya merasakan masih ada perlunya satu penerangan yang cukup khusus di peringkat akar umbi untuk menerangkan *detail* secara halus *free tertiary education* ini. Antaranya, masih ramai lagi yang beranggapan bahawa pendidikan percuma ini adalah secara automatik dan merangkumi hampir kesemua jurusan yang ada ditawarkan di universiti dimiliki oleh negeri Sarawak. Oleh itu, saya mencadangkan pihak kerajaan dan agensi yang terlibat turun untuk menjelaskan kepada adik kakak di kawasan kita mengenai kursus yang ditawarkan serta kos-kos yang sebenar ditanggung, sebab *kinek tok* orang kampung beranggapan semuanya adalah *free*, belajar *free*, buku teks pun *free*, tempat *diam* pun *free*. Inilah realiti dan saya pun turut menerima beberapa soalan seperti macam *tok* di kawasan saya.

Saya menyeru pihak kementerian dan agensi bersama pusat khidmat untuk mengadakan sesi-sesi *outreach* untuk menangani masalah kekeliruan seperti ini. Tambahan pula, saya merasakan pihak kementerian haruslah juga memperhalusi dan menerangkan syarat-syarat kemasukan dan kelayakan untuk pembelajaran secara percuma ini. Adakah lulus SPM, subjek manakah yang perlu kita lulus untuk kita dapat *offer* pendidikan percuma ini? Tambahan pula pada masa pembelajaran, adakah kerajaan akan meneruskan pembelajaran percuma sekiranya individu itu gagal di pertengahan jalan? Mungkin, semester pertama *okay* percuma, kedua *okay*, *pande nya repeat* kita *sik tauk* masih *lagikkah* percuma. Benda-benda macam ya kita harus perhalusi dan saya harap pihak Kementerian *Education* dapat menerangkan kepada Dewan ini dan penting lagi kepada masyarakat setempat.

Dengan adanya *free education* ini juga, kualiti graduan haruslah setaraf dengan keperluan yang diperlukan oleh industri. Jangan kita kelak melahirkan graduan yang apabila *diberik* belajar secara *free tok mengambik* secara sambil lewa dan memberikan keputusan yang kurang memuaskan. Tahun hadapan, 2026 merupakan kohort pertama pembelajaran secara percuma *tok* dan kita hanya akan lihat hasilnya pada tiga atau empat tahun yang akan datang; graduan pertama *free education tok* dan pada masa yang sama, kita haruslah melihat industri-industri atau inisiatif ini siap *in tandem* pada masa yang sama *sidak tok graduate*, supaya ada peluang pekerjaan untuk mereka apabila keluar daripada universiti. Saya juga berharap, para pelajar pada tahun hadapan,

jangan hanya menyasarkan untuk lulus sahaja dan tidak mempunyai motivasi atau mendapatkan CGPA yang tinggi disebabkan pelajaran *tok* secara percuma. Jangan kita percuma *jak* belajar kata orang. Saya berharap dengan hujah-hujah yang telah saya berikan ini, pihak kerajaan dapat mencari solusi bersama untuk menangani isu-isu yang mungkin kita akan hadapi kelak apabila program ini bermula. We have to anticipate the problems that we might face in the future before it happens. We always have to be one step ahead.

Tuan Speaker, ingin juga saya menyentuh berkenaan dengan pembangunan sukan di negeri ini. Saya turut berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier kerana menyediakan peruntukan yang amat banyak sekali untuk fasiliti-fasiliti sukan menjelang Sukan SEA 2027. Sarawak akan menjadi hos bersama (*co-host*) negeri-negeri yang lain di dalam Malaysia dan lebih 50% disiplin sukan akan dipertandingkan di Sarawak. Sukan ini merupakan satu elemen yang penting di dalam pelan pembangunan insaniah di negeri Sarawak; dan semestinya satu kerangka yang penting, lengkap hendaklah dirancang supaya ada kesinambungan untuk atlet-atlet kita untuk berjaya di masa akan datang. Selain itu, saya menyeru kepada pihak Kerajaan Persekutuan untuk benar-benar melihat keadaan ataupun membangunkan sebuah sekolah sukan setaraf seperti yang ada di Bukit Jalil ataupun di Bandar Penawar untuk anak-anak Sarawak. Tidak mustahil juga sekiranya inisiatif Negeri Sarawak mengadakan *Yayasan Sarawak International School*, dapat juga kita tubuhkan *Yayasan Sarawak Sport School* khas untuk anak-anak Sarawak.

Tuan Speaker, masih ada masa? Masih. Belanjawan ini merupakan belanjawan yang cukup dari segala aspek, mahupun dari segi bantuan kepada rakyat dan kita sebagai anak-anak Sarawak haruslah bersyukur dengan pelbagai inisiatif dan bantuan yang ditawarkan kepada kita. Walau bagaimanapun, sesetengah pihak mungkin merasakan ini adalah satu gula-gula pilihan raya memandangkan penggal ini akan berakhir pada tahun 2027. Sememangnya tidak sama sekali, Tuan Speaker. Bantuan-bantuan ini telah dirancang lebih awal lagi apabila Premier kita melihat pendapatan negeri kita yang meningkat. This is the vision of the shared prosperity that has been introduced by Yang Amat Berhormat Premier.

Dengan peningkatan SKAS, bantuan SKAS daripada RM800 ke RM950 saya juga berharap agar *food basket* ataupun jenis barangan yang dibenarkan di dalam bantuan SKAS ini juga bertambah mengikut keperluan individu pada masa kini. Peningkatan elaun KMKK dan kaunselor seharusnya menjadi satu motivasi kepada mereka untuk bekerja lebih keras di dalam pentadbiran dan juga menyelesaikan masalah yang dihadapi di tempat ataupun kawasan masing-masing. Pihak kaunselor, KMKK dan Pusat Khidmat bersama-sama ADUN hendaklah bergerak seiring seperti isi dengan kuku, bagai aur dengan tebing di dalam membangunkan serta memberi perkhidmatan yang terbaik di kawasan masing-masing.

Tuan Speaker, ingin saya menyentuh sedikit mengenai isu di kawasan saya. Saya amat berterima kasih pada Yang Amat Berhormat Premier untuk projek-projek yang telah diluluskan pada awal penggal ini sama ada adalah Projek Rakyat (GKCDA) ataupun RMK-12. Banyak *juak* yang sudah di peringkat pembinaan akhir dan ada juga yang sudah siap. Saya juga ingin menambah, berharap agar Projek Jambatan Rambungan yang terdahulunya sakit dapat siap dalam masa yang ditetapkan. Saya mewakili rakyat di N.3 Tanjong Datu amatlah berterima kasih dengan siap nya projek-projek seperti *Waterfront Sematan*, Jeti Sematan, dan baik pulih Kompleks Sukan Lundu. Projek seperti ini sememangnya sedikit sebanyak telah mengubah wajah daerah Lundu pada masa kini.

Saya bersama Ahli Yang Berhormat N.1 Opar yang *tadik klaka bunyi kedak turbo* turut berterima kasih di atas mulanya Projek Bekalan Air dan Loji Rawatan yang baru dilancarkan pada bulan lepas. Sememangnya kita berterima kasih kepada Kerajaan Negeri; dan Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak serta apa yang disuarakan kami *berduak* dalam Dewan ini pada sidang-sidang yang lepas didengari dan ditepati. *Sik* ada parti lain yang dapat menepati janji, hanya Kerajaan GPS sahaja yang boleh menjaga benar-benar kebajikan masyarakat di negeri Sarawak tok...(*Applaud*)

Dari segi pertanian pula, usaha kerajaan untuk menjadikan Tanjung Purun salah satu pusat pengeluaran padi ada menunjukkan hasil. As the saying goes, there is a light at the end of the tunnel. Pampasan bagi fasa pertama pengambilan semula tanah telah pun dibuat pada bulan yang lepas dan apabila selesainya proses ini saya ingin melihat pembangunan padi secara moden di Tanjung Purun. Usaha-usaha seperti ini juga dapat melibatkan para belia yang berminat untuk mendapatkan pekerjaan di ekosistem penanaman padi ini. Saya juga ingin menambah dan menyuarakan sedikit sebanyak permintaan masyarakat di kawasan saya iaitu dengan membina lebih banyak jajaran jalan pertanian dan ladang untuk membuka akses ke kebun masing-masing.

Saya turut berterima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS), Ahli Yang Berhormat N.8 Satok di atas jawapannya pagi *tadik* di mana perancangan peningkatan sambungan elektrik ke kawasan Lundu dan Sematan. Sememangnya ini adalah satu berita yang amat dialu-alukan oleh kami di kawasan Tanjong Datu di mana sering juga berlakunya *power outage*. Saya berharap pihak SEB dapat melihat *power load* bukan sahaja dari segi populasi ataupun *household* tetapi juga industri pelancongan yang kian berkembang di kawasan Tanjong Datu. Saya turut terbuka untuk bekerjasama dengan pihak SEB dan MUT dalam merangka satu pelan untuk penjanaan kuasa di Daerah Lundu.

Ada juga beberapa isu pentadbiran yang saya ingin utarakan di sini iaitu kebanyakan klasifikasi tanah pemilik-pemilik *homestay* di kawasan saya adalah *under agricultural use* dan *on paper* sebenarnya beroperasi secara haram. Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan syarat khas atau pun tol untuk mereka beroperasi pada masa yang sama membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan? Yang kedua, bilakah kerajaan akan dapat mengiktiraf kawasan penempatan Matang Terap sebagai sebuah kampung di kawasan saya disebabkan banyaknya berlaku *influx* penduduk yang datang daripada kawasan *internal*? Yang ketiga, bilakah akan bermulanya penyukatan tanah bagi kawasan baru di Kampung Tanah Hitam 2, Sematan?

Selain itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Majlis Daerah Lundu kerana mendapat Penganugerahan Emas, Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) 2025 di dalam kategori Pihak Berkuasa Tempatan pada Hari Perkhidmatan Awam (HPA) yang lepas.

Sebagai penutup, Tuan Speaker, *sine kita nak carik* Kerajaan Negeri dan pemimpin yang memberi kemudahan kepada kita *arumbulak* dari lahir *sampelah* kita *sekda lagik*. Semuanya ada bantuan dari sekolah rendah, tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, universiti, keluar universiti; hanya Kerajaan GPS di bawah pemimpin tertinggi kita; Yang Amat Berhormat Premier yang dapat melakukan ini. Sememangnya beliau adalah seorang pakar *turn-around* dan membawa Sarawak ke peringkat yang lebih tinggi dan disegani oleh masyarakat dunia.

Dengan itu, saya menyokong sepenuhnya belanjawan kita pada tahun ini. Terima kasih, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Tanjung Datu, *on the dot, fifteen minutes*. Seterusnya Yang Berhormat Stakan. Silakan.

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahim: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Speaker yang arif lagi bijaksana, yang saya hormati kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan Sarawak Tahun 2026 di Dewan yang mulia ini.

Berdirinya saya di sini adalah untuk menyatakan sokongan penuh yang tidak berbelah bagi terhadap belanjawan bertemakan "*Empowering People, Advancing Prosperity, Building a Resilient Future*". Belanjawan ini bukan sekadar angka, tapi cerminan kesungguhan Kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) dalam menjamin pembangunan yang inklusif dan seimbang untuk seluruh rakyat

Sarawak dan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat, Premier Abang Jo atas pembentangan bajet yang komprehensif, menyeluruh dan berpaksikan rakyat, bajet yang menyantuni rakyat dari segenap lapisan termasuk belia, petani, penjawat awam serta komuniti di luar bandar.

Tuan Speaker, saya menyentuh tiga komponen utama yang menjadi tunjang belanjawan 2026 iaitu kebajikan rakyat, keutamaan. Belanjawan 2026 ini jelas mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat. Lebih sejuta rakyat dibantu melalui SKAS dengan kadar bantuan meningkat iaitu RM950 untuk ketua isi rumah, RM500 untuk warga emas bujang dan RM300 bagi individu bujang. Di samping itu, kerajaan turut menyediakan perlindungan kesihatan untuk warga emas dan pesakit kronik serta bantuan kepada bayi, ibu bersalin, kanak-kanak keperluan khas dan setiap lapisan rakyat dilindungi, tiada yang dipinggirkan.

Yang kedua modal insan dan sosial. Belanjawan 2026 ini juga memberi penekanan kepada pemerkasaan golongan wanita, belia, keluarga dan usahawan mikro. Pusat sokongan sosial ditubuhkan untuk golongan rentan dan NGO diiktiraf sebagai rakan strategik. Kita tidak mahu rakyat bergantung kepada bantuan saja, kita mahu rakyat berdikari juga.

Yang ketiga adalah infrastruktur dan ekonomi, tunjang kemajuan. Bagi pembangunan infrastruktur dan ekonomi, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM9.3 bilion dengan 66% untuk pembangunan luar bandar.

Projek jalan raya, jambatan, jalan pesisir pantai, jalan dan lebuh raya utama dipertingkatkan. Manakala sistem pengangkutan moden seperti ART Sarawak dan Sarawak Metro diperkenalkan untuk memudahkan mobiliti rakyat dan mempertingkatkan akses kepada peluang ekonomi. Rakyat akhirnya akan dapat menikmati kemudahan infra lebih pantas, lebih selamat dan lebih bernilai ekonomi. Inilah pemangkin mobiliti, akses peluang dan pertumbuhan negeri Sarawak.

Tuan Speaker, saya mengambil peluang ini untuk menyentuh isu-isu di dalam kawasan saya dan di dalam kawasan saya yang menjadi masalah sekarang adalah sedikit masalah di jalan-jalan tertentu dalam kawasan N.17 Stakan. Yang saya dapati agak merbahaya kepada pengguna buat masa ini. Antaranya, jalan pintu masuk di hadapan UNIMAS Sarawak. Dan keduanya, jalan akses ke kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan sebahagian jalan di satu tempat di Jalan Datuk Muhammad Musa Samarahan.

Di hadapan jalan UNIMAS contohnya, Tuan Speaker, beberapa kes kemalangan sering berlaku. Apabila *construction* dibuat untuk ART, jadi kebanyakan pengguna, terutama pengguna motosikal agak *confuse* di depan jalan tersebut dan beberapa kes kemalangan telah berlaku dan mengakibatkan mangsa mati di tempat kejadian.

Bukan hanya di kawasan itu, di jalan akses, jalan akses ke lapangan terbang juga. Dalam tahun ini, saya rasa beberapa orang telah meninggal dunia di dalam kemalangan tersebut, *on the spot*. Jadi di hadapan pejabat saya juga, dalam tahun ini kalau tak silap saya ada dua ataupun tiga kemalangan yang mengakibatkan kematian di tempat lokasi tersebut.

Jadi saya mohon pihak yang berkenaan, mengambil kira, mencari jalan, buat *study* macam mana untuk kita mengelakkan ataupun mengurangkan kemalangan yang mengakibatkan kematian seperti yang saya sebut tadi. Jadi saya boleh simpulkan di sini kalau kematian sering berlaku dalam kawasan tersebut, saya rasa jalan tersebut boleh *dipolah, ditukar nama lepas tok. Jalan parai, mun nak rasa nak parai, speed di sia, confirm parai*.

Jadi kita nak mengelakkan benda ini berlaku, agak kasihan dengan keluarga-keluarga mangsa. Dan di jalan akses daripada Jalan Airport ke Jalan Bukit Berangan, keadaan jalan tersebut daripada empat lorong, tiga lorong dan di hujungnya satu lorong. Dalam keadaan lampu yang gelap, saya rasa perkara ini akan mengakibatkan kekeliruan pengguna jalan raya, tiba-tiba jalannya *kecik*

di hujung ya. Walaupun jalan tersebut adalah akses kedua untuk pergi ke Bandaraya Kuching, tapi saya rasa pihak kerajaan hari ini, pihak berkenaan, harus membuat sesuatu terhadap jalan tersebut.

Ya, umpama jalan bubu, masuk besar, hujungnya kecil. Jadi ada berlaku kemalangan Tuan Speaker, mengakibatkan kematian *juak, parai juak*. Saya kasihan dengan keluarga mangsa, saya harap perkara ini dapat dielakkan dengan adanya pihak-pihak agensi bertanggungjawab untuk mencari jalan macam mana mengurangkan kadar kemalangan tersebut. Dan di jalan depan lagi, di kawasan saya ada satu Taman Belian, sebelahnya dalam kawasan Muara Tuang, Yang Berhormat Muara Tuang *lah* sebelahnya, di sebelah kanannya dalam Kawasan Stakan. Di persimpangan jalan tersebut, Tuan Speaker, *traffic light* diperlukan. Jadi saya mengutarakan masalah ini sebelum ini dan *alhamdulillah*, semalam saya telefon dengan pengarah JKR, *thank you madik kitai JKR nyak, terus respon madik nya*. Pagi *tadik* telefon saya, *next month nya molah nya madah*. *Alhamdulillah*, terima kasih dengan JKR Sarawak.

Tuan Speaker, *nei lagik jalan parai tok*. Tuan Speaker, *ada segek gik jalan, ada jalan* Datuk Mohammad Musa. Di depan sekolah Tunas Bakti, kita perlukan *guard rail* yang bagus kerana jalannya *udah bagus, jalan dah kacak, orang a bit speeding, apabila skidded, nya terbang ke sebelah. Bila nya terbang ke sebelah, saya rasa mangsa di lorong sebelah ya, si tauk menauk kena langgar sebelah ya*, Tuan Speaker, *hopefully* pihak berkenaan dapat *molah guard rail lepas tok* untuk mengurangkan masalah-masalah mengakibatkan kehilangan nyawa dan sebagainya. *Parai lagi kuranglah*.

Tuan Speaker, antara yang ingin saya sebut di sini, Tuan Speaker, adalah berkenaan dengan isu perancangan negeri. Setiap satu kawasan kadang-kadang, Tuan Speaker, ada pembangunan yang datang dari semasa ke semasa hasil daripada perancangan Kerajaan Negeri. Cuma saya berharap kalau boleh pihak SPA dan sebagainya, kalau boleh saya minta dimaklumkan kepada mana-mana wakil rakyat yang dalam kawasan tersebut supaya *kitak aware* dan faham adanya kelulusan daripada pihak negeri di dalam pembangunan sebuah tempat. Kadang-kadang bila kita pergi ke kampung, orang kampung *nanya, "YB, apa projek ya?" kita pun sik tauk*. Jadi saya minta kalau boleh dibuat *solution* kita wakil rakyat dalam kawasan tersebut. Tidak kisah, tidak semestinya kawasan saya, mungkin di kawasan wakil rakyat kawasan lain. Kita dimaklumkan oleh pihak berkenaan tentang setiap kelulusan yang ada, dalam dibuat, kita juga dimaklumkan supaya kita dapat memberitahu benda ini kepada rakyat di kawasan kita. Kenapa? Apabila projek itu bermasalah, Tuan Speaker, *sik da orang lain juak yang kedepan kelak*. Kita wakil rakyat juak yang ke depan. Jadi saya mohon, saya merayu pihak berkenaan supaya memaklumkan kepada kita, tidak semestinya secara berdepan, cukup sekadar secara bersurat.

Tuan Speaker, baru-baru *tok*, Tuan Speaker, kita dihebohkan oleh seorang bekas menteri. Bekas menteri seorang peguam yang bernama Datuk Zaid Ibrahim. Dengan semberono menyifatkan Sarawak dan Sabah *tok* sebagai beban yang dilepaskan oleh British kepada Malaya. Dalam *podcastnya*, beliau mengatakan adalah lebih baik sekiranya *Malaysian Agreement 1963 (MA63)* dibatalkan. Dan Sarawak serta Sabah dimerdekakan dari Malaysia.

Saya yakin semua wakil rakyat dalam GPS ini mengecam sekeras-kerasnya kenyataan Zaid Ibrahim *tok* yang saya boleh sifatkan bukan *ajak* dangkal dari sudut sejarah, malah berbahaya kepada hubungan persekutuan dan negeri. Saya *sik* faham *macam nei* seorang bekas Menteri Undang-undang, *lawyer, mungkin lawyer buruk*, pengamal undang-undang, belajar undang-undang seolah-olah *sik faham dan sik tauk macam nei* undang-undang sebenarnya apabila dibuat satu perjanjian. Komen beliau *sik* masuk akal. Adakah beliau dari dulu lagi semasa menjadi Menteri Undang-undang berpendapat lebih bagus Malaysia *sik* wujud kerana beliau *sik* setuju dengan MA63 yang menjadi asas kepada pembentukan kita, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, *mun nak kata kita tuk* beban, saya pun tidak faham. Sumbangan kita kepada Kerajaan Persekutuan terlalu banyak. Beratus-ratus bilion hasil minyak dan gas kita diberi kepada *Federal*. Sabah pun sama, masih *juak dikatanya* beban. *Macam nei saya nak explain*, Tuan Speaker.

Kita menyumbang duit kepada kerajaan pusat tapi kita *dipadah* beban. Tuan Speaker, beban *tok lah* yang banyak membantu membiayai pembangunan *sidak semandin nun di Malaya nun*. *Sampeinya molah jalan bagus*, bangunan tinggi, KLCC *di polah* tinggi-tinggi, *ya juak dipadahnya* beban. Saya pun *sik* faham, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Yang Berhormat, saya pun tertarik dengan *apa nama on your debate tok* tentang Zaid Ibrahim. Saya nak bertanyalah *although* Speaker tidak boleh bercakap sebenarnya tetapi atas dasar satu perkara yang begitu penting. Jadi saya nak tanya, adakah saudara Zaid Ibrahim telah melanggar undang-undang khususnya Akta Hasutan? Dan apakah sepatutnya tindakan... *(Interruption)*...

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Tuan Speaker... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Tindakan kerajaan kepada beliau?... *(Interruption)*...

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Tuan Speaker... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Ada pandangan tak?

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Tuan Speaker, saya rasa Tuan Speaker tertarik dengan isu ini. Saya rasa Tuan Speaker tambah *gik* masa saya, Tuan Speaker. *(Laughter)*

Timbalan Speaker: Bagus. Bagus ... *(Interruption)*...

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Okay, terima kasih... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Setuju.

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Okay. Terima kasih, Tuan Speaker. Mudahan *kitak* murah rezeki.

Tuan Speaker, kita ada undang-undang Akta Hasutan. Kita ada peraturan, dan kita melihat perkara ini adalah satu bentuk sentimen yang menghasut *urang* Semenanjung yang tidak faham MA63. Apabila mereka tidak faham atas MA63, mereka mudah terpedaya. Dan mereka melihat seolah Sarawak hari *tok* seorang yang *demand* hasil daripada keadaan politik yang lebih memihak kepada GPS. Jadi, sentimen ini menghasut supaya mereka membenci Sarawak dalam keadaan mereka tidak faham apa itu MA63 seolah-olah kita ini mengambil peluang. Padahal, ini bukan mengambil peluang. Kita bercakap *not more, not less* atas hak dan kepentingan hasil Perjanjian seperti yang saya sebut pada perhimpunan yang lepas ... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Okay, suara belia. Ahli Yang Berhormat Tanjong Datu.

YB Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan: *(Inaudible)*

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Jelas. Faham. *(Laughter)*

YB Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan: Adakah *tok* menunjukkan bahawa *sidak* Semenanjung takut dengan negeri Sarawak? Ya penjelasan saya.

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Sekejap. Saya nak jelas habis Tuan Speaker *tek ah*. Okay, Tuan Speaker, terima kasih Ahli Yang Berhormat Tanjong Datu. Tambah *agik* masa saya *tok*.

Timbalan Speaker: Silakan. Silakan.

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Okay ... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: I think you are the last debater...(Interruption)...

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Tuan Speaker ...(Interruption)...

Timbalan Speaker: No worries...(Interruption)...

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Kita ada Akta Hasutan. Kita ada Akta Komunikasi dan Multimedia yang sering dilaung-laungkan oleh Kerajaan Persekutuan masa sekarang. Kita ada akta tersebut. Kenapa tidak digunakan akta ini? Kenapa tidak diimplementkan akta ini? Kalau boleh, saya sebut tangkap saudara Zaid ya *dolok*. Kenapa? Kalau saudara Zaid hari ini boleh bercakap tentang keluar Malaysia, keluar daripada Kerajaan Persekutuan, itu merupakan satu jenayah. Kalau jenayah ini dihalalkan pada hari ini, apa beza kita merompak pada esok hari? Apa bezanya kita mencuri harta orang? Tiada beza. Tuan Speaker.

Kalau ini dibiarkan. Hari ini, Zaid Ibrahim, esok hari, Ibrahim Zaid, lusa, Zaid Zaid Ibrahim. So macam mana kita nak menghentikan perkara ini? Tapi, saya melihat Tuan Speaker, tidak ada pemimpin daripada Sarawak, GPS pimpinan Yang Amat Berhormat Premier menyambut perkara ini, menyokong perkara ini, malahan rata-rata pemimpin GPS hari ini mengecam tindakan dan menunjukkan bahawa orang GPS setia kepada Malaysia pada hari ini ...(Interruption)...

Timbalan Speaker: Betul.

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Ini yang jelas. Okay, Tuan Speaker?

Timbalan Speaker: Saya nak tanya juga Ahli Yang Berhormat Stakan. Kita tambah juga, tak apa. You are the last speaker. Kalau seorang bekas Menteri, seorang Peguam bercakap sewenang-wenangnya ya untuk Malaysia dipecah-belahkan begitu sahaja, apa lagik orang rakyat *marhaen*, betul tak?

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Betul.

Timbalan Speaker: Jadi, saya setuju sebagai Speaker hari ini. Salah kalau saya cakap saya tak setuju. Dia harus ditangkap.

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Ya, harus ditangkap Tuan Speaker, dan harus *diblock* daripada masuk Sarawak *lepas tok*.

YB Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan: (*Inaudible*)

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Okay, Ahli Yang Berhormat Tanjong Datu. Saya lupa tadi *oh*. (*Laughter*)

YB Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan: Adakah ini bermakna pihak di sana takut Sarawak *tok* lebih maju ataupun lebih membangun? Takut kita *tok* lebih *agik* meminta apa yang kata orang kita *sik mintak* lebih *nak*? Cuma, adakah mereka takut kita *tok* ada kelebihan di pandangan pihak Persekutuan?

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Okay, Ahli Yang Berhormat Tanjong Datu. Saya tidak melihat mereka takut kepada kita. Kalau mereka takut kepada kita, kenapa 50 tahun sebelum ini mereka tidak pernah membongkar akan perkara ini? Yang menjadi pesanan di sini, selama 50 tahun ini, mereka, saya boleh katakan tidak mengikut perjanjian yang sepatutnya. Kerana saya difahamkan, kalau tidak silap saya, setiap lima atau 10 tahun, Perjanjian ini harus *direview*. Tidak pernah berlaku. Dan pada hari ini, sepanjang 50 tahun kita harus bersabar. Kita mengikut apa jua peraturan kepada Kerajaan Pusat sehinggalah tidak dinafikan sewaktu arwah Tok Nan menjadi Ketua Menteri pada masa tersebut, perkara ini ditimbulkan. Apabila perkara ini ditimbulkan, itulah menjadi ketakutan sebenarnya.

Yang menjadi ketakutan ini apabila perkara seharusnya ditimbulkan. Fakta itu diwujudkan. Itulah yang ditakutkan kerana fakta adalah fakta, tidak boleh diubah Tuan Speaker. Dan, apa yang kita sebut tadi ini adalah kita menyebut fakta. Kita menilai fakta. Kita meneliti fakta, dan kita melihat fakta itu harus diketengahkan, diunjurkan kepada pihak *Federal*, dan sudah menjadi tanggungjawab kita yang dipilih sebagai pemimpin di Bumi Kenyalang ini mengutarakan fakta. Tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat dan menjadi pemimpin di Sarawak ini mengutarakan fakta, hak kita Sarawak kepada Malaya pada hari ini. Itulah tanggungjawab kita.

Bukan satu politik. Kita bukan bermain politik. Kalau kita nak main politik, bukan tempatnya di sini. Hari ini, politik kita adalah untuk menyebut hak Sarawak di tempat yang sepatutnya di meja rundingan supaya hak-hak ini dapat diterjemahkan menjadi satu kekuatan kita di Sarawak bagi kita membangunkan negeri Sarawak tercinta... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Yang Berhormat, sekali lagi mencelah. Adakah laporan polis dibuat tentang perkara ini? ... *(Interruption)*...

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Tuan Speaker... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Apakah tindakan pihak Persekutuan... *(Interruption)*...

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Tuan Speaker... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Kerajaan MADANI?... *(Interruption)*...

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Tuan Speaker, kalau saya pulang ke rumah pada hari ini, Tuan Speaker pulang ke rumah hari ini, Tuan Speaker melihat satu kes pembunuhan di hadapan pasar raya. Perlukah kita *nak report* polis? Sedangkan pembunuhan ini dah jelas. *Oh* tidak, polis tidak boleh menangkap kerana Yang Berhormat Tuan Speaker tidak *mereport* ke polis, biar. Kalau tidak *direport* ke polis, bukan kesalahan. Adakah undang-undang kita begitu, Tuan Speaker? Adakah kita *report* polis baru salah? *Sik report* polis, polis *sik* di *report*, *sik* salah. Adakah sistem undang-undang kita begini? Sudah jelas dan terbukti tindakan Zaid Ibrahim itu adalah melanggar peraturan, keharmonian, menghasut, dan menyebarkan fitnah, perkara-perkara yang tidak sepatutnya diucapkan oleh bekas Menteri bagi meroboh persefahaman institusi antara *Federal* dengan Sarawak. Itu tidak salah, Tuan Speaker. Adakah tidak salah? Ini menjadi persoalan kita, dan saya berharap pada hari ini, Kerajaan tidak perlu *lah* menunggu polis *report*. Kalau menunggu polis *report* ... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Sebagai rekod, Yang Berhormat Stakan. Biarlah kita sama-sama setuju iaitu yang diutarakan oleh saudara Zaid Ibrahim atau Dato' Sri Zaid Ibrahim itu adalah kesalahan di bawah Akta Hasutan *which is ceaseable and also irresistible*. Setuju?

YB Datuk Hamzah bin Haji Ibrahim: Setuju. Kita bersetuju tapi kuasa di tangan pihak berkenaan... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Ya, jadi kita *minta lah* ya... *(Interruption)*...

YB Datuk Hamzah bin Haji Ibrahim: Ya... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Menerusi saudara Yang Berhormat Stakan... *(Interruption)*...

YB Datuk Hamzah bin Haji Ibrahim: Ya... *(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Saya ingin juga minta *lah* Yang Berhormat mengusulkan agar beliau ditangkap dan Kerajaan MADANI melihat ini sebagai satu perkara yang serius... *(Interruption)*...

YB Datuk Hamzah bin Haji Ibrahim: Ya, sudah jelas. Sudah semestinya, Tuan Speaker. Saya mengharapkan pihak berkuasa, jangan tunggu *besok*, petang ini tangkap Datuk Zaid Ibrahim itu. *Kakya tek?*

Timbalan Speaker: Sila gulung.

YB Datuk Hamzah bin Haji Ibrahim: Tuan Speaker, *okay*. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk bercakap lebih sikit masa pada petang *tok*. Cuma saya *madah* Tuan Speaker, orang Sarawak *tok* baik hati, baik budi pekerti, lemah lembut, budi bahasanya halus, tapi jangan dibuat macam *ya*. *Sunyik aek* tenang, jangan ingat *sekda boyak*. Tuan Speaker *lagik tauk* di mana *boyak ya*. (*Laughter*) Jadi, dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier kerana di bawah Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi, Yang Berhormat Sebuyau, ada projek yang telah dilancarkan dalam kawasan saya, dalam proses tender *high-level water tank* dan juga di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Batu Kawah kerana sistem perparitan di kawasan Taman Samarindah kini dalam proses pelantikan kontraktor.

Tuan Speaker, setelah meneliti keseluruhan belanjawan ini dari kebajikan rakyat kepada pembangunan sosial sehinggalah kepada pembangunan infrastruktur. Saya boleh simpulkan bahawa belanjawan ini bukan slogan, ini pelan tindakan. Belanjawan ini transformasi yang mendengar denyut nadi rakyat. Belanjawan ini yang menyaksikan setiap ringgit bukan sekadar angka di atas kertas, tapi amanah untuk kebajikan rakyat. Belanjawan ini yang kita laksana, bukan hanya dibaca, bukan manifesto, belanjawan ini bukan retorik, tapi tindakan, strategi dan visi bersama. Belanjawan ini yang membina masa depan Sarawak. Dengan ini, Stakan menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru. Selamat Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Stakan. Saya minta maaf kerana saya fikir Ahli Yang Berhormat Stakan adalah *the last debater*, rupa-rupanya di belakang saudara Ahli Yang Berhormat Stakan, ada Ahli Berhormat Tanjong Batu menunggu. Tapi sebelum Tanjong Batu, saya lihat Simunjan, *ya*. Ahli Yang Berhormat Simunjan, boleh? Sedia. Ahli Yang Berhormat Simunjan.

YB Encik Awla bin Dris: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan Salam Malaysia, *Segulai Sejalai*.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya diberikan kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Sarawak, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar, Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar pada 24 November 2025 yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, sebelum saya menghuraikan bicara dengan lebih mendalam, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Tuan Speaker atas pelantikan semula sebagai nakhoda yang memimpin bahtera Dewan Undangan Negeri Sarawak. Semoga Tuan Speaker sentiasa berada di bawah limpahan rahmat Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam menerangi perjalanan dan memandu Dewan yang mulia ini. Saya yakin bahawa dengan ketegasan serta kebijaksanaan Tuan Speaker, persidangan ini akan terus berlayar dengan lancar dan cemerlang, umpama kapal yang dipandu oleh tangan yang berpengalaman.

Tuan Speaker, melalui Belanjawan Sarawak Tahun 2026 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, dapat kita simpulkan bahawa beliau amat menekankan komitmen Kerajaan Sarawak dalam mempertingkatkan pembangunan negeri secara menyeluruh

dan lestari melalui Bajet 2026 yang berfokus kepada tiga imperatif utama, iaitu responsif strategik, ketahanan fiskal dan penyesuaian polisi.

Kerajaan berusaha memperkukuh ekonomi Sarawak dengan memacu pertumbuhan sektor perkhidmatan, perlombongan, pembuatan, pertanian dan pelancongan sambil menggalakkan pelaburan swasta dan awam untuk membangunkan infrastruktur dan industri.

Selain itu, Yang Amat Berhormat Premier juga menekankan transformasi digital dan inovasi sebagai pemangkin utama kerajaan negeri termasuk pelaksanaan teknologi AI, pembangunan ekosistem digital dan peningkatan tadbir urus korporat dalam syarikat berkaitan kerajaan bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan. Pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan sosial turut diberi perhatian khusus dengan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan akses dan kualiti hidup rakyat.

Seterusnya, kerajaan juga menumpukan kepada pembangunan luar bandar, pemuliharaan alam sekitar dan sokongan kepada golongan rentan melalui pelbagai program sosial dan infrastruktur. Keseluruhannya, ucapan Yang Amat Berhormat Premier menggambarkan visi Sarawak sebagai sebuah negeri maju, makmur, inklusif dan berdaya tahan, sejajar dengan aspirasi PCDS 2030 dengan penekanan kepada perpaduan dan usaha untuk mencapai kemakmuran bersama-sama.

Tuan Speaker, sebagai wakil rakyat bagi DUN N.25 Simunjan, saya dengan rendah hati ingin merakamkan ribuan terima kasih atas keadilan dan kesungguhan kerajaan dalam memastikan pembangunan yang seimbang dan menyeluruh di setiap kawasan termasuk DUN N.25 Simunjan. Oleh itu, saya memohon perhatian Yang Amat Berhormat Premier dan kerajaan untuk terus memberi fokus dan sokongan kepada kemajuan kawasan di luar bandar terutamanya di kawasan jagaan saya, DUN N.25 Simunjan.

Kini, tibalah masanya saya membincangkan dan membangkitkan beberapa isu yang acap kali kedengaran di kawasan saya, N.25 Simunjan yang amat memerlukan perhatian Dewan yang mulia ini. Sudah terlalu lama isu-isu ini berlegar seperti awan mendung yang tidak berbuah hujan maka wajarlah ia diberi ruang untuk disinari cahaya penyelesaian.

Tuan Speaker, alhamdulillah saya bersyukur kerana sejak Kerajaan GPS mengambil alih pentadbiran negeri, banyak pembangunan dan peningkatan ekonomi dapat dirasakan rakyat Sarawak khususnya di luar bandar yang sebelum ini memerlukan perhatian untuk meningkatkan kualiti hidup. Usaha GPS membangunkan kawasan luar bandar kini semakin dipertingkatkan agar keperluan rakyat dipenuhi dengan lebih baik. Perkembangan ini turut dirasakan di kawasan saya di N.25 Simunjan.

Pertama sekali, izinkan saya membangkitkan satu isu kritikal yang memberi kesan besar kepada penduduk di kawasan saya pada ketika ini khususnya di kawasan Kampung Gunung Ngeli, Simunjan. Seperti yang diketahui, kawasan ini telah berdepan kejadian tanah runtuh sejak November 2024 dan malangnya sehingga kini, November 2025 masih belum ada penyelesaian tuntas. Setahun sudah Tuan Speaker.

Kejadian terbaru membuktikan keadaan semakin membimbangkan. Hujan berterusan akibat monsun timur laut menyebabkan tanah tepu dan cerun menjadi tidak stabil. Apabila situasi ini berulang setiap tahun tanpa tindakan segera atau pelan mitigasi jangka pendek, penduduk terus terdedah kepada risiko bencana yang boleh mengancam nyawa ataupun *parai*.

Walaupun kajian terperinci dan laporan lengkap telah disediakan, keutamaan kini ialah tindakan segera. Bukan hanya perancangan jangka panjang tetapi langkah jangka pendek yang mampu mengurangkan risiko dalam masa terdekat terutamanya ketika monsun timur laut masih berlaku.

Jika isu ini dibiarkan, kesannya terhadap penduduk akan menjadi semakin serius. Oleh itu, saya memohon agar kerajaan melalui agensi berkepakaran seperti JKR dan kerjasama JMG dan agensi teknikal lain segera turun ke lapangan untuk melaksanakan mitigasi. Ini bukan isu kecil atau terpencil. Ini isu keselamatan rakyat yang mesti diutamakan.

Saya berharap kementerian dan agensi teknikal dapat memberi perhatian khusus serta mempercepatkan penilaian, kelulusan dan pelaksanaan kerja supaya risiko dapat dikurangkan sebelum berlaku tragedi yang lebih besar. Penduduk tidak boleh terus hidup dalam ketidaktentuan setiap kali hujan turun.

Tuan Speaker, seterusnya saya ingin membangkitkan satu keperluan mendesak, iaitu penambahan bilangan jurutera di Majlis Daerah Simunjan. Keperluan ini kritikal untuk memastikan isu teknikal, keselamatan dan pembangunan dapat ditangani dengan cekap dan profesional.

Daerah Simunjan berdepan cabaran geoteknikal, infrastruktur dan alam sekitar yang kompleks. Kejadian tanah runtuh di Kampung Gunung Ngeli sejak tahun 2024 membuktikan perlunya tenaga pakar mencukupi. Pada masa ini, Majlis Daerah Simunjan kekurangan jurutera berkelayakan dalam bidang kejuruteraan awam, geoteknik, pengurusan risiko bencana serta pemantauan infrastruktur seperti cerun, jalan, saluran dan kawasan pembangunan.

Kekurangan kepakaran menyebabkan banyak isu perlu dirujuk ke luar atau mengambil masa lama untuk diselesaikan dan hal ini telah menjejaskan kecekapan pentadbiran dan keselamatan penduduk. Penambahan jurutera bukan sahaja penting untuk menyelesaikan masalah sedia ada, tetapi juga untuk memastikan majlis bertindak lebih produktif.

Atas faktor ini, saya memohon agar kerajaan meluluskan penambahan jawatan jurutera di Majlis Daerah Simunjan sebagai langkah segera dan jangka panjang untuk memperkukuh keupayaan teknikal daerah.

Simunjan sedang membangun dan mempunyai potensi besar tetapi tanpa kepakaran mencukupi, risiko bencana dan kelewatan pembangunan akan terus berlaku. Dengan adanya jurutera tambahan, keselamatan penduduk dapat dipertingkatkan dan pembangunan daerah dapat dipacu dengan lebih berkesan. Saya yakin, langkah ini akan memberi manfaat besar kepada seluruh komuniti Simunjan.

Tuan Speaker, dalam usaha kerajaan meningkatkan keperluan pembangunan dan infrastruktur yang mampan, N.25 Simunjan masih berdepan dengan masalah serius berkaitan rangkaian telekomunikasi yang menghalang penduduk daripada menikmati perkhidmatan komunikasi yang berkualiti.

Masalah ini melibatkan kesukaran membuat panggilan, pencapaian internet yang tidak stabil, serta mengganggu perkhidmatan yang sepatutnya menjadi keperluan asas dalam era digital. Saya berharap projek menaik taraf sistem pemancar yang sedang dilaksanakan dapat disiapkan dengan segera memandangkan rangkaian telekomunikasi di kawasan ini masih lemah.

Usaha meningkatkan infrastruktur telekomunikasi ini juga selaras dengan dasar digital Kerajaan Sarawak yang menekankan kepentingan akses teknologi kepada semua lapisan masyarakat. Dengan penyelesaian projek ini, kerajaan bukan sahaja dapat merealisasikan visi menjadikan Sarawak negeri yang maju dan berdaya saing, tetapi juga membantu penduduk di N.25 Simunjan kekal berhubung dan mampu bersaing dalam dunia digital masa kini.

Tuan Speaker, secara keseluruhan saya berharap semua isu yang dibangkitkan dapat diberi perhatian dan tindakan segera oleh kementerian serta agensi terlibat, khususnya berkaitan tanah runtuh di Kampung Gunung Ngeli, Simunjan.

Akhir kata, dengan ini saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan (2026), tahun 2025.

Perubahan cuaca yang semakin membimbangkan memberi risiko besar kepada keselamatan penduduk. Dengan kerjasama dan komitmen semua pihak, kita dapat memastikan pembangunan yang mampan dan inklusif untuk rakyat Sarawak khususnya di Simunjan.

Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Speaker: Waalaikumusalam. Terima kasih, Yang Berhormat Simunjan. Seterusnya, Yang Berhormat Tanjong Batu.

YB Encik Johnny Pang Leong Ming: Selamat petang, Tuan Speaker. Thank you for giving me this opportunity to take part in this debate on Supply (2026) Bill, 2025 which was tabled by the Right Honourable Premier on 24th November 2025.

Tuan Speaker, I rise today to endorse a visionary blueprint that determine not merely our spending but our very destiny. This Supply (2026) Bill is a definitive answer to that question. Underpin by nine strategic thrusts that steer Sarawak towards economy prosperity and an inclusive society in line with PCDS 2030. With that expected economic growth of up to 5.0% we are accelerating. However, you cannot buy the latest model Lamborghini and expect it to win the race if you install an engine from 1986.

The speed and complexity of our 2030 vision demand a modern engine for governance, therefore the strategic decision to strengthen our executive arm by allowing for up to four additional ministers is purely practical ensuring we have the dedicate manpower to deliver this massive plan.

The strategy I just gained to our governance structure is far more than better management. This is Sarawak taking charge by taking the necessary step we are explicitly exercising the full powers guarantee to us under the Malaysia Agreement 1963. We are proving how serious we are about upholding that spirit and because we are making our stakehouse stronger today. We approximately need the promise wanted of all parliamentary seeks to safeguard our political voice in the Federation a secure a rightful place in Malaysia. So now, we talk about constituency issues. I now run to the critical issue in my constituency Bintulu for which answers are urgently needed to restore public confidence.

Issue No.1: Bintulu Flood Medication

We need answers, not planning. We sincerely thank the government for approving the RM1,000 assistance to flood victims including those who did not take shutters in the *Pusat Pemindahan Sementara* (PPS). We understand this aid is being distributed in phases to the head of each household. However, we are now in the Northeast monsoon season which is expected to bring heavy rainfall to Sarawak potentially continuing until March 2026. I see with my own eyes and feel with my own heart the worry, the anxiousness and the uneasiness of my *rakyat* in Bintulu. Every time there is a heavy downpour, they show how traumatized we are by the flood incidents that happening earlier this year. I must ask on behalf of my people the relevant authorities, what actually have been done to mitigate the flood issue.

The plan state was discussed; have they been decided under the implementation or are we still planning, and planning and still planning? We know the Sarawak Government approved RM64.82 million for DID Sarawak to implement 13 projects to address flash flood issues in Bintulu. With 10 projects reportedly completed and three still in progress. We also know the Federal Government through PETRA, DID has listed the rehabilitation of the Batang Kemena in Bintulu costing RM51.5 million with the main scope being deepening the river. But from our plain eyes, we don't see much been done. When the rain lasts a little over one hour, the road starts catching flooded. How can we not be worried? I apologize if there are people who get offended by this question, but

we really need answers and updates. Specifically, what is the progress now for the dredging of Sungai Sibiyu? The deepening and widening of the river happing a proposal for nearly five years and no on the ground progress has yet to be seen.

Tuan Speaker, I respectfully urge our relevant authorities to use the platform to share, clear, up-to-date information with this august House. Allowing our constituent to be assured by hearing the facts presented here. The people deserve to know that this issue is been treated with the utmost urgency and not merely facing another decade of delays.

Issue No.2: Protecting Our Youth from the Drug and Online Gambling Circus

Tuan Speaker, while we build rocks and digital networks, we must never ignore the decay of our social fabric. We must raise deep traveling concern from Bintulu the rampant increase in drug cases and online gambling activities. I fear for the future of a youth, a younger generation. It is illegal and harmful activities, are just out. They are sprouting like mushrooms after the rain. It is happening right under our nose in our beloved State of Sarawak. Yes, some arrests have been made, and we comment on the catchers by our enforcement agency but why do we still see them around? The position on the ground is that enforcement is sporadic, not sustain. We cannot afford to wait for ignorance to act. The State must take charge effectively, make our intend clear to safe our youth and our *rakyat* before it is too late. I call upon the relevant authorities to be more stringent and coordinate in the enforcement. Sweep the town, sustain the pressure and send an undeniable message. We refuse to build a development Sarawak on a rooting foundation or addition and illegal wise.

Issue No.3: Samalaju Industrial Park Staff Parking Nuisance

My third issue is one that is causing headaches for business, customer and the public. The unchecked parking of Samalaju Industrial Park staff vehicles in commercial areas or around Bintulu town. It is a public space, but when 10 cars from one group are park in front of the shop for 10-hours a day, six days a week, where do the customer park? How much business income is lost because of this issue? This is a serious concern especially since we know that at least 50 passes are currently circulating in town just to pick up almost 1,000 staff from Samalaju.

We are also deeply concerned for the Samalaju staff as there are reports on their car tyres being punctured. A clear sign of public frustration. This insistence by some Samalaju management that their staff's cars are not causing a nuisance is simply not supporting by the facts on the ground. Therefore, the dialogue held between the authorities and Samalaju proposed a forward-looking solution, the Samalaju Bintulu central transit station. This central help with the mix of multi-story car park, bas terminal and commercial areas somewhere similar to a modern Pudu Raya who allowed all Samalaju staff who chose to use company's transport to park their private vehicles.

With the rapid development of Bintulu industrial and premiers' vision for expansion, more workers will flock into Bintulu. Our facility must keep up. I sincerely hope that our government and relevant authorities can look into funding and working on this Samalaju Bintulu central transit station plan as soon as possible to ease traffic congestion and support our local businesses. While we address the parking issue, we must also tackle the worsening traffic congestion in Bintulu, especially during peak hours. Due to major construction works at important intersections, I speak on behalf of our *rakyat* and plaid that our local authority, the Bintulu Development Authority considering employing traffic warden similar to those deploy by DBKU in Kuching. To actively manage these congested intersections, we sincerely hope the government and authorities can consider this so we can work hand in hand to ease the congestion in the town of Bintulu.

Making Senior Benefit More Inclusive

Issue number three, expanding Kenyalang Gold Card and Senior Citizen Health Benefit. Next, I will speak about this well-being of our senior citizens. It is projected that Malaysia will become an

“aged nation” by 2040. When over 40% of the population is age 65 and above, Sarawak itself is noted to have high percentage of seniors. So, through the mobile service, we have actively run for KGC and senior citizen health benefit application. We have gathered valuable feedback on the ground. The KGC and the RM15 million allocate for assist HP a fantastic initiative but I ask if our government can consider extending the benefit of KGC or SCHB to cover health service that are highly relevant to aging such as:

- (a) Physiotherapy and rehabilitation, as our joints and mobility decline, the assistance who make a tangible difference in the quality of life.
- (b) Health supplement purchasing targeted support for essential supplement often recommended to maintain bone density and overall health. We believe this expansion who make the KGC and SCHB benefit more truly inclusive and deeply felt by our *rakyat*.

In my conclusion, working towards a near perfect Sarawak. Last but not least I just want to say that nobody is perfect in this world including myself and everyone sitting here in this august House. The intention of having this DUNS sitting for us to bring up issues and also policy making for a better Sarawak. We have all our department heads here too, joining us to take note of those issues rise. So, I apology for any harsh words used but please believe that most of us, our intention is pure. We want to work together and deal with imperfection on the ground and make Sarawak a state that the whole world envies. I believe that a group of imperfect people, if we work closely, we can create near perfect results. I urge this august House to join me and giving its unequivocal support to this crucial Bill and together let us deliver the resilient future for all. Allow me to take this opportunity to extend my warmest wishes to all Members of this august House who celebrate Christmas, a joyful and blessed Christmas and Happy Blessed New Year, 2026. May year 2026 bring continue peace, harmony and unity to our belove Sarawak, so before that I got one more pantun.

*Anak Bintulu sangat berjaya,
Mengharumkan nama ke mata dunia;
Bajet ini membuka mata,
Semoga Sarawak maju jaya.*

With that Tuan Speaker, I fully support this Bill. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Batu. Well, I think you are the last debater.

*Dari Repok ke Barat Kabong,
Hari esok mesyuarat bersambung.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, the sitting is now adjourned, and the House shall resume the sitting at 9.00 a.m. tomorrow, Insya-Allah.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.28 petang)

**LAPORAN TAHUNAN, PENYATA KEWANGAN, ‘COMMAND PAPERS’, ‘HANSARD’ DAN
‘VOTES AND PROCEEDINGS’ YANG DIBENTANG PADA 27 NOVEMBER 2025**

MENTERI INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN

146/2025	Rajang Port Authority – Annual Report 2024 (Inclusive of Financial Statement for the year ended 31 December 2024)
147/2025	Miri Port Authority – Annual Report 2024 (Inclusive of Financial Statement for the year ended 31 December 2024)
148/2025	Kuching Port Authority – Annual Report 2024 (Inclusive of Financial Statement for the year ended 31 December 2024)
149/2025	Tanjung Manis Port Authority – Annual Report 2024 (Inclusive of Financial Statement for the year ended 31 December 2024)
150/2025	Samalaju Port Authority – Annual Report 2024 (Inclusive of Financial Statement for the year ended 31 December 2024)